

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Maidin rugi RM100 juta bila KR1M gagal



→ ms8

Rakyat tak berduit walaupun ekonomi berkembang, kata Mydin

→ ms8



Kes Indira Ghandi: Kesan perundangan terhadap pentadbiran agama Islam



→ ms9

BAHAGI KERUSI SELESAI 80%



KIRA-KIRA 100 hari menjelang pilihan raya, Pakatan Harapan telah berjaya menyelesaikan 80% pembahagian kerusinya di kalangan parti-parti komponennya. Dengan tiga negeri telah menyelesaikan sepenuhnya pembahagian manakala Selangor pula bermula dengan rasminya 7 Februari lepas, ia dijangka akan membuka jalan luas untuk PH menang dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

Pakatan Harapan Pulau Pinang berkonvensyen baru-baru ini ketika hanya satu kerusi negeri sahaja belum diselesaikan pembahagiannya di negeri itu.

→ **Berita penuh muka 2**

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

☎ 01132334322
untuk urusan pembelian

HANYA RM 30

FAIZ FADZIL
KLEPTOKRASI BUKAN RAHMAT



HANYA RM 30



TEKAL BERJUANG
MEMOIR ANUAR TAHIR


HANYA RM 35

MUSAFIR KEROHANIAN KEMBARA KEMANUSIAAN




HANYA RM 39

SYURA & DEMOKRASI
dari perspektif 'Maqasid al-Shari'ah



HANYA RM 49

Charles Allers
ANWAR IBRAHIM
PENAMPILAN DEMOKRAT MUSLIM



80% pembahagian kerusi selesai

DENGAN proses pembahagian kerusi peringkat negeri telah selesai kira-kira 80%, Pakatan Harapan yakin dapat membuat persiapan terbaik menjelang pilihan raya umum ke 14 (PRU-14).

Dengan semua kerusi parlimen telah selesai dibahagikan antara ke empat-empat parti gabungan itu, pembahagian kerusi bertindan dijangka akan diselesaikan oleh Majlis Presiden PH.

Negeri yang telah selesai pembahagian kerusi adalah Johor, Negeri Sembilan dan Perlis manakala Pulau Pinang hampir selesai apabila hanya tinggal satu kerusi negeri sahaja yang bertindan.

Negeri yang belum selesai adalah Kedah (empat kerusi lagi), Perak, Melaka, Pahang, Terengganu dan Kelantan selain Sabah dan Sarawak.

Selangor pula telah memulakan mesyuarat

“ Kami bincang dengan penuh profesional berdasarkan hujah-hujah bukan emosi. Semuanya atas dasarnya parti mana boleh menang di situ...”

arat pembahagian kerusi secara rasmi pada 7 Februari apabila jawatankuasa khas dibentuk pada hari itu dan mengadakan mesyuarat pertama selepas Biro Pilihan Raya PH tidak dianggap korum rasmi untuk menguruskan

Khalid Samad



pembahagian kerusi di negeri itu.

“Kita telah selesai kira-kira 80%, satu pencapaian yang baik,” kata Khalid Samad, Pengarah Komunikasi Amanah.

Di Kedah, empat kerusi yang belum selesai adalah Gurun, Pantai Merdeka, Kulim dan Guar Cempedak, kata Pengerusi Amanah Kedah,

Datuk Dr Ismail Salleh.

“Kami bincang dengan penuh profesional berdasarkan hujah-hujah bukan emosi. Semuanya atas dasarnya parti mana boleh menang di situ,” katanya.

Sehingga kini, Amanah mendapat lapan kerusi negeri, Bersatu (13), PKR (9) dan DAP (2).

Dr Ismail yakin, PH mempunyai peluang besar untuk menang dalam PRU 14 dan mengambilalih pentadbiran negeri Kedah dari BN.

Di Terengganu, perundingan kerusi telah diserahkan ke pimpinan nasional selepas menyelesaikan pembahagian 26 dari 32 kerusi negeri.

Di Kelantan, Pengerusi PH negeri, Datuk Husam Musa yakin mereka dapat menyelesaikan proses pembahagian kerusi itu dengan baik walaupun ada beberapa masalah yang berlaku.

90% jentera pilihan raya Pas kini bersama AMANAH

90% jentera pilihan raya Pas di peringkat nasional sudah bersama AMANAH, rakan kongsi Pakatan Harapan (PH), kata veteran operator pilihan raya, Wan Abdul Rahim Abdullah.

Ketua pengarah pilihan raya Pas yang memimpin jentera parti itu untuk PRU 12 dan 13, Dr Mohamad Hatta Ramli kini bersama AMANAH dengan menjawat jawatan yang sama.

Begitu juga ketiga-tiga timbalannya, Khalid Samad, Dr Mariah Mahmud dan Wan Rahim sendiri sudah menyertai AMANAH.

AJKnya yang kanan, Aiman Athirah dan juga Phahrolrazi Zawawi turut menyertai AMANAH dengan Phahrolrazi adalah Pengarah Pilihan Raya PH Kedah, negara yang dijangka jatuh ke tangan PH dalam PRU 14 nanti.

Oleh itu, PH mempunyai jentera pilihan raya yang lebih baik apabila jentera AMANAH yang diwarisi dari Pas bergabung dengan jentera

DAP, PKR dan Bersatu.

“Jentera PH sekarang sama bahkan lebih kuat dari jentera Pas sebelum ini apabila jentera Pas yang menyertai AMANAH kini bergabung dengan jentera rakan-rakan dalam PH untuk mendapat impak besar,” kata Pengarah Pilihan Raya AMANAH, Dr Hatta Ramli.

Apa yang dibuat oleh jawatankuasa pilihan raya PH sekarang adalah menggabungkan semua jentera ini menjadi satu jentera besar di seluruh negara.

“Apa yang kami sedang buat sekarang adalah menggabungkan jentera bersama PH di peringkat pusat, negeri, parlimen, DUN dan juga Pusat Daerah Mengundi (PDM) kerana masing-masing parti ada jentera yang berpengalaman,” kata Datuk Phahrolrazi Md Zawawi, bekas pengarah pilihan raya Pas Kedah untuk PRU 2008 yang membawa Pas memerintah negeri itu dalam pilihan raya itu.



Wan Rahim, Dr Hatta dan Phahrolrazi adalah penggerak jentera pilihan raya Pas sebelum ini. Mereka kesemua sudah meninggalkan parti itu dan menyertai AMANAH.

Pada PRU 13 (2013) ketika beliau bermasalah dengan menteri besar Tan Sri Azizan Razak, Phahrolrazi tidak lagi menjadi pengarah pilihan raya negeri apabila beliau digantikan oleh Yusof Husin.

“Namun sebagai Yang Dipertua Pas kawasan, saya tumpu Kuala Kedah, dan kami berjaya membawa kemenangan kepada kesemua empat kerusi di Kuala Kedah iaitu satu parlimen dan tiga DUN,

walaupun di peringkat negeri kita kalah,” kata Phahrolrazi.

Dalam PRU 13, calon PKR menang di parlimen Kuala Kedah manakala tiga calon PAS menang di Anak Bukit (Amiruddin Hamzah), Kubang Rotan (Nasir Mustapha) dan Pengkalan Kundor (Phahrolrazi) namun Pas hilang negeri Kedah.

Timbalan Pengarah Biro Pilihan Raya Amanah, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata, hampir kesemua AJK jentera pilihan raya Pas peringkat pusat telah menyertai AMANAH.

“Satu pertiga daripada jentera pilihan raya Pas Kelantan kini sudah bersama AMANAH di negeri yang diperintah oleh Pas,” kata bekas timbalan ketua pengarah pilihan raya Pas pusat yang kini Pengerusi AMANAH Kelantan.

Bagi Pengarah Pilihan Raya PKR, Nurul Izzah Anwar, kejayaan AMANAH untuk menarik jentera Pas bersama PH satu kejayaan.

Selepas ketiadaan jentera Pas bersama pembangkang juga menyebabkan PKR berusaha

membentuk sendiri jentera pilihan rayanya di semua peringkat.

“Keadilan telah melaburkan banyak tenaga dan wang untuk membina perisian daftar pemilih sendiri untuk memastikan sasaran pengundi kita dikenali dengan baik terutama di kerusi-kerusi marginal.

“Kita telah bekerjasama rapat dengan parti komponen dalam PH,” katanya.

Sehubungan itu, beliau penuh yakin, PH tidak menghadapi masalah dengan jentera apabila PAS tidak lagi bersama pembangkang dalam PRU 14 ini.

Pengarah pilihan raya Pas Johor untuk PRU 13, Abdul Hamid Jamah kini adalah Pengarah Biro Pilihan Raya AMANAH Johor manakala hampir kesemua AJK beliau adalah jentera pilihan raya Pas sebelum ini.

“Pengarah Pilihan Raya PH Johor kini adalah timbalan presiden Amanah, Salahudin Ayub,” kata pemimpin PH Johor yang juga Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman.

Johor adalah negeri yang bakal menjadi negeri utama pertembungan antara BN dengan PH dalam PRU 14 nanti di samping Kedah.

Di Selangor, Pengarah Pilihan Raya Pas Selangor, Jaafar Samsuddin bersama sebahagian besar AJKnya kini menyertai AMANAH dengan memegang jawatan yang sama.

Jaafar antara tokoh yang berada di belakang Pas Selangor ketika berjaya memenangi 15 kerusi negeri dan empat parlimen di negeri itu dalam PRU 13 lalu.



Rakyat jadi mangsa sebar berita benar

KUALA LUMPUR: Cadangan kerajaan BN untuk menggubal undang-undang mengekang berita palsu dialu-alukan namun realitinya rakyat selama ini menjadi mangsa kerana menyebarkan berita benar dan tepat, kata Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin.

Hanipa berkata, keputusan mahkamah persekutuan menjatuhkan hukuman 30 bulan penjara ke atas Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli, 7 Feb lalu membuktikan telahan beliau.

"Hairanlah demokrat palsu nak bendung berita palsu. Mengekang berita palsu memang bagus. Tapi realitinya di dalam negara ni rakyat jadi mangsa sebab sebar berita benar dan tepat.

"Contoh yang klasik kes rakan baik saya, YB Pandan. Dihukum penjara 30

bulan sebab dedah berita benar dan tepat.

"Yang terpalit dengan berita benar itu bebas di luar dan khabarnya sibuk nak jadi calon PRU (pilihan raya umum)," ujarnya dalam kenyataan di facebook.

Hanipa mendakwa, banyak undang-undang di negara ini digunakan untuk menghukum kebebasan bersuara rakyat walaupun apa yang dinyatakan itu terbukti benar.

Beliau memberi contoh Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang digunakan untuk menghukum rakyat yang bercakap benar.

"Benar bukan satu pembelaan dalam akta-akta itu," katanya.

Beliau turut memberikan contoh bagaimana di parlimen, anggota parlimen dihalang Yang Dipertua Dewan

Rakyat untuk bercakap isu yang benar seperti skandal 1MDB.

"Dalam organisasi yang suci (Pas) bercakap benda benar pun digeruni sebab diancam dengan 'firewall' walak," ujarnya mengulas budaya negatif dalam Pas.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan sama ada berita palsu atau berita benar yang dijadikan 'musuh negara' oleh kerajaan BN dan sekutunya.

"Insya Allah dengan mandat rakyat yang hantar kami ke Dewan Rakyat, kami akan bersuara lantang melawan budaya buli BN di sana. Kami tak akan rela orang kata jadi MP pasu bunga sahaja di sana," katanya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said mengumumkan penubuhan jawatankuasa khas untuk mengkaji undang-undang

baharu bagi membendung berita palsu yang boleh mengugat kestabilan politik dan mengancam ketenteraman awam serta keselamatan negara.

Mesyuarat kali pertama telah dilangsungkan baru-baru ini dan dihadiri wakil polis, Jabatan Peguam Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang JPM.

Jawatankuasa khas tersebut akan mengadakan mesyuarat teknikal kedua bagi melihat cara draf undang-undang baharu berkenaan dibaca bersama akta-akta berkaitan sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Jenayah Komputer 1997, Seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.



Cikgu Wan Abdul Rahim membacakan kenyataan ringkas dalam sidang akhbar di Kota Bharu, 7 Feb lalu.

KOTA BHARU: Sultan Kelantan menarik balik pingat yang dikurniakan kepada Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Mahathir Mohamad, Naib Presiden AMANAH, Husam Musa dan Pengerusi AMANAH Kelantan

dan berkuatkuasa serta merta.

Wan Abdul Rahim mengumumkan perkara tersebut dalam sidang media di Pejabat AMANAH Kota Bharu, 7 Feb lalu selepas menyerahkan pingat

Istana Kelantan tarik balik pingat Tun M, Husam dan Cikgu Wan Rahim

Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkuatkuasa 6 Feb lalu.

Makluman berhubung penarikan darjah kebesaran itu telah disampaikan kepada tiga tokoh berkenaan

dan berkuatkuasa serta merta.

Wan Abdul Rahim mengumumkan perkara tersebut dalam sidang media di Pejabat AMANAH Kota Bharu, 7 Feb lalu selepas menyerahkan pingat

yang diterima beliau.

"Saya telah mewakili kepada Setiausaha AMANAH Kelantan, Saudara Rushdan Mustafa untuk uruskan dan Alhamdulillah telah selesai," katanya.

Ketika membacakan kenyataan ringkas, Wan Abdul Rahim yang turut mewakili Husam berkata, beliau telah menerima surat daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada petang 6 Februari 2018 tentang perkara tersebut.

"Surat itu memaklumkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Sultan Muhammad V bersetuju menarik balik Tauliah Perlantikan Ahli Yang Kedua (Dato' Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Jiwa Mahkota Kelantan Yang Amat Mulia (DJMK) (Al-Isma'ili II) yang telah dianugerahkan kepada kami sebelum ini, mulai pada 06 Februari 2018," katanya.

Menjunjung sebagaimana dititahkan katanya, beliau dan Husam telah mengembalikan ketandaan darjah kebesaran dan surat perlantikan yang berkaitan kepada Pengelola Istana D'Raja pada 7 Feb di

Istana Balai Besar.

Beliau dan Husam turut menjunjung kasih dan mengulangi taat setia kepada Sultan Muhammad V.

Ditanya wartawan sebab penarikan darjah kebesaran itu, beliau berkata sebagai rakyat, semua keputusan berhubung hak istana Kelantan diterima dengan hati terbuka.

"Jelas dalam perlembagaan negeri bahawa kurniaan Tuanku adalah hak budi bicara baginda sepenuhnya tanpa dipengaruhi sesiapa," katanya.

Tun Mahathir mahu dua tahun untuk selesai masalah Najib

KUALA LUMPUR: Calon perdana menteri Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad mahukan tempoh dua tahun untuk membolehkan beliau "menyelesaikan masalah yang ditinggalkan" Datuk Seri Najib Razak.

Berdasarkan pengalaman 22 tahun memimpin negara (1981-2003), beliau yakin mampu melaksanakan tugas sukar itu dalam tempoh tersebut.

"Kalau perdana menteri baru, 2 tahun memang tidak cukup. Tetapi saya ada pengalaman jadi perdana menteri, tidak perlu belajar jadi perdana menteri lagi.

"Saya tahu urusan sebab itu dalam jangka masa 2 tahun, kita boleh selesaikan masalah

dan boleh buat garis panduan mengenai masalah yang akan ambil masa lebih banyak," katanya menerusi program "Policy Talk ñ Governans & Ekonomy" yang disiarkan secara langsung di Facebook, 7 Feb lalu.

Tun Mahathir berkata, ketika menjadi perdana menteri, pentadbirannya berjaya menyelesaikan masalah rumit dan beliau yakin boleh menangani masalah sekarang yang disifatkannya lebih rumit.

Katanya, beliau sudah mengenal pasti masalah dan langkah yang perlu diambilnya, jika PH memenangi pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Antara perubahan yang beliau cadang laksanakan adalah pengasingan peranan antara

perdana menteri dan menteri kewangan serta mengurangkan saiz kabinet kepada tidak melebihi 35 orang.

"Saya diberitahu PH berhasrat untuk kurangkan kepada 20 lebih sahaja, tidak sampai 35 orang. Bagi saya, ia memadai untuk mentadbir negara kerana banyak lagi negara yang besar, tetapi mempunyai kabinet lebih kecil," jelasnya.

Dr Mahathir berkata, lambakan menteri dan timbalan menteri dalam kabinet ketika ini bukan keperluan mendesak, sebaliknya hanya bertujuan menambah pendapatan pemimpin.

"Saya fikir ini agak membazir dan ada kerja yang boleh dilakukan pegawai. Bahkan

pegawai pula lebih cekap daripada menteri. Pegawai banyak membantu menteri, jadi tidak perlu banyak menteri.

"Pada suatu masa dahulu kalau menteri tidak dapat hadir, timbalan menteri akan ganti. Tetapi kini, timbalan menteri tidak boleh menggantikan menteri tetapi menteri lain pula digantikan," katanya.

Ada pihak yang mendakwa beliau bertanggungjawab ke atas keputusan sepanjang 22 tahun pemerintahannya yang menghakis kebebasan institusi negara dan awam, menentang beliau berkuasa semula.

Sehari sebelumnya, Tun Mahathir mengumumkan gabungan pembangkang itu akan mengehadkan jawatan perdana menteri kepada 2

penggal atau 10 tahun, jika PH berjaya menawan Putrajaya pada PRU14.

Katanya, seorang perdana menteri mungkin menyalahgunakan kuasanya jika memegang jawatan tertinggi itu terlalu lama.

"Kami akan mengurangkan penggal kepada 2 sahaja. Tidak lebih daripada itu," katanya sambil menambah langkah itu perlu untuk mencegah rasuah.

Najib mempunyai masa sehingga 24 Jun ini untuk mengadakan PRU14 atau Parlimen akan terbubar secara automatik dan pilihan raya perlu diadakan dalam masa 60 hari dari tarikh pembubaran itu. - FMT

Minda Pengarang

Komponen PH perlukan tenaga kempen secukupnya

Kemungkinan

besar besar masalah pengagihan kerusi Dun (peringkat negeri) sudah dapat diselesaikan. Jika ini berlaku dengan penuh harmonis bermakna kemenangan kepada sikap toleransi, keterbukaan, timbang rasa dan adil di kalangan empat parti komponen dalam Pakatan Harapan.

Ini isyarat penting yang diberikan oleh Pakatan Harapan kepada rakyat bahawa ia dapat menyatukan parti dalam komponennya dan boleh meyakinkan pengundi. Sementara pengundi pula diharapkan memberikan sokongan kepada Pakatan Harapan yang telah menunjukkan kemampuannya menjadi tenaga utama pembangkang untuk mencapai kemenangan dalam PRU14 yang semakin dekat.

Fasa berikutnya bagi komponen Pakatan Harapan, yang juga sangat penting dalam menentukan kemenangan ialah menyediakan tenaga kerja di lapangan untuk kempen peringkat Parlimen dan Dun seluruh negara, di samping mencari dana yang mencukupi.

Jika selama ini semua parti dalam komponen Pakatan Harapan berjuang untuk mendapatkan peruntukan kerusi komponen masing-masing, maka kini langkah seterusnya ialah menyediakan tenaga kerja secukupnya untuk kempen membantu calon komponen parti masing-masing.

Memanglah komponen bertanding semuanya atas nama Pakatan Harapan, bermakna saling bantu membantu di kalangan komponen. Tetapi asas kekuatan calon yang berkempen perlu datang dari parti yang bertanding. Sementara parti lain dalam komponen sifatnya membantu.

Pada ketika kempen bermula, terutama



apabila parlimen dibubarkan, biasanya, di saat itulah berlaku kesibukan luar biasa. Jurukempen bertugas siang dan malam dalam apa situasi pun.

Jika sesebuah kawasan parlimen atau Dun itu begitu luas, maka semakin banyak menggunakan tenaga kempen dan dana. Inilah keadaan yang berlaku sejak setiap kali pilihan raya.

Di kawasan bandar dan semi bandar, masalah pengangkutan, terutama mengumpul orang, merayu undi dan sebagainya tidak begitu sukar, tetapi jika kawasan itu jauh di pedalaman maka persediaan pengangkutan sangat diperlukan. Ia bukan saja pada hari mengundi, tetapi jauh sebelum itu.

Sebab itu jangan difikirkan mudah segalanya, selepas mendapat peruntukan kerusi yang banyak, tetapi fikirkan juga tenaga kempen yang banyak dan sangat diperlukan. Tenaga perayu undi, unit keselamatan, perisik, tenaga logistik, terutama dalam menyediakan makan minum kepada para petugas, juga menyediakan khidmat komputer untuk menyemak nama pengundi yang datang pada hari mengundi atau sebelumnya.

Komponen Pakatan Harapan akan bertarung dengan parti lain, bukan saja menghadapi Umno/BN, bahkan parti lain yang turut juga bertanding. Tentu sekali PRU14 kali ini sangat 'luar biasa', kerana begitu ramai yang hendak bertanding meenyebabkan PRU kali ini ibu segala PRU.

Sebab itu, sediakanlah tenaga kerja kempen. Semakin banyak kerusi yang dipertandingkan, semakin banyak tenaga kempen yang diperlukan.

Pusaka agung dakwah 'alamiy

Kita telah pun melangkah ke satu lagi horizon perjuangan dakwah yang tiada penghujungnya. Jika dahulu kita disibukkan dengan kegiatan-kegiatan dakwah yang bersifat mahalliy atau setempat, kini kita berbicara tentang perjuangan yang berorientasikan 'alamiyah. Pada hakikatnya, biarpun ia berbentuk mahalliyah atau pun 'alamiyah adalah motivasinya, acuannya tetap satu, iaitu objektif dakwah yang agung.

Perjuangan dakwah 'alamiy yang dibawa ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang baru dan janggal. Perjuangan dakwah 'alamiy ini pada hakikatnya adalah pusaka agung yang telah ditinggalkan oleh para generasi pengasas terdahulu untuk diwarisi. Kita sendiri menyaksikan bagaimana dakwah 'alamiy ini berjaya menggempur Rom dan kaisarnya serta menjinakkan Parsi dan kisranya. Kita juga begitu takjub bagaimana motivasi dakwah 'alamiy ini menjana kudrat Tariq ibnu Ziyad merentasi dunia membelah samudera membuka Andalusia. Formula dakwah 'alamiy inilah yang telah berjaya meletakkan dengan gahnya deen ini di atas peta dua pertiga dunia. Malah jika bukan kerana dakwah 'alamiy ini mustahil bagi kita untuk menikmati aqidah yang sejahtera ini.

Dalam mendepani konteks waq'ie, pemahaman yang mendalam tentang konsep dakwah seumpama ini sangat penting. Komprehensi dalam melihat lanskap perjalanan kemanusiaan mengikut kaca mata dakwah 'alamiy sangat dituntut dalam usaha untuk memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang timbul. *Fiqh sirah* adalah relevan untuk diteladani kerana kegagalan menekuni hikmah silam bermakna kegagalan dalam merencana masa hadapan yang gemilang. Walau bagaimanapun kesepaduan antara *fiqh waq'ie* dan *fiqh sirah* ini adalah rumusan yang afdhal dalam menongkahkan arus perdana sedia ada yang mampu membaham mereka yang tidak bersedia menghadapi kebejatan dunia.

Kebijaksanaan dalam mengutamakan yang utama adalah percaturan yang mendesak dalam mengatur rentak dakwah 'alamiy. Sejarah telah melakar bagaimana dengan mentaliti "first thing first" ini Umar al-Khattab dan Salahuddin



Pencerahan Mingguan TANWEER USBU'II

WAN ANWAR WAN IBRAHIM
Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional

al-Ayyubi berjaya membebaskan kota suci al-Quds dan seluruh isinya serta Muhammad al-Fateh meliberasi kota Konstantinopel dan warganya. Tanpa sebarang kekuatan mustahil mereka dan para panglima mereka mampu melakukannya. Oleh sebab itu, kekuatan adalah yang aula sebelum *hurriyyah* atau merdeka. Maka di sinilah letaknya relevansi *fiqh awlawiyyat*.

Namun falsafah dan semangat kaedah ini perlulah dihayati agar ia mampu menatijahkan satu impak yang optimum kerana kebijaksanaan dalam mendahulukan perkara *furu'* tetapi *muhiim* (penting) kadangkala boleh mendatangkan faedah beratus kali

"Dan tidaklah Kami mengutuskanmu (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam." [al-Anbiyaa':107]

Inilah dikri agung *rahmatan lil 'alamiin* yang telah mencetuskan idelisma para pendukung perjuangan terdahulu untuk mentafsirkan Islam itu sebagai sesuatu yang bersifat around the globe dan terus menjadi satu iktikad dalam diri sanubari mereka ketika mana mengeluarkan separuh daripada dunia ini daripada zulumat jahiliyyah kepada nur Islam.

Maka atas dasar itulah dirasakan bahawa aspirasi ini perlu terus dipertahankan, disuburkan

Berbeza sekali dengan idea Islam mantiqah, doktrin Islam 'alamiy menuntut supaya Islam dilihat sebagai suatu cara hidup (way of life) yang universal yang bukan sahaja sesuai dipakai di semua tempat, bahkan juga menepati setiap peredaran zaman.

ganda berbanding perkara usul tetapi kurang atau tidak penting yang hanya memulangkan kerugian yang nyata.

Kejauhan *tasawwur* dalam meneliti skop dakwah ini tidak kurang peri pentingnya dalam menerajui dakwah 'alamiy. Hal ini kerana doktrin deen yang menjadi asas kepada perjuangan dakwah ini adalah Islam 'alamiy atau dengan kata lain Islam global.

Berbeza sekali dengan idea Islam mantiqah, doktrin Islam 'alamiy menuntut supaya Islam dilihat sebagai suatu cara hidup (way of life) yang universal yang bukan sahaja sesuai dipakai di semua tempat, bahkan juga menepati setiap peredaran zaman.

dan diperbaharui dalam memastikan seluruh alam ini ghalib dan lunak dengan seruan dakwah yang mulia.

Sebagai khatimah, fasa ketika ini adalah fasa yang tepat untuk mendepani perjuangan dakwah 'alamiy ini. Mana-mana gerakan Islam yang bersifat moderat dan progresif adalah dilihat wadah yang relevan bagi memimpin gelombang dakwah arus kedua ini. Oleh itu, persiapan dengan segala wasilah yang munasabah harus diperkasakan. Perhalusi perancangan strategik, perhebat komitmen dan iltizam, tebar-jaringan perhubungan dan gerakkan dinamika pemikiran. In shaa Allah Islam akan mewarnai kembali persada dunia.



Bijakkah Pas?

Dari segi percaturan strategi, memang langkah Pas di bawah pimpinan Tuan Guru Haji Hadi Awang nampak "bijak", sunguhpun kebanyakan masanya "kebijakan" sedemikian gagal difahami kebanyakan orang, termasuk pengamat politik veteran.

Suasana politik diselubungi kemurungan sejak terperangkap dalam kebuntuan selepas Pakatan Rakyat (PR) kalah dalam PRU13 pada tahun 2013. Selangkah demi selangkah pimpinan Pas menjarakkan diri dari gandingan parti pembangkang tersebut. Untuk memendekkan cerita, ia berakhir dengan perpecahan PR, dan Pas menampilkan diri sebagai "kuasa ketiga" yang BERKECUALI.

Bab ini mudah dibaca, kerana Pas cuba mengambil kesempatan tatkala Umno-Barisan Nasional bergelut dengan pakatan pembangkang. Dari kaca mata pimpinan Pas, jikalau dirinya terikat dengan PR, parti yang paling bersejarah ini akan diambil kesempatan oleh rakan sekutunya. Kesemua rundingan tertakluk kepada kerangka yang sedia ada, dan tidak banyak ruang untuk tuntutan Pas.

Namun dengan menjadikan dirinya sebagai parti berkecuali, Pas memiliki kebebasan untuk tawar-menawar dengan kedua-dua gandingan politik, BN dan Pakatan Harapan. Kalau BN menawarkan tiga jawatan dalam



Siang-Malam
Lim Hong Siang

kabinet untuk Pas, maka HARAPAN perlu menawarkan empat. Dengan ini Pas mempunyai pilihan yang lebih banyak untuk dibandingkan. Sudah pasti, Pas akan mendapat sesuatu yang lebih baik.

Tidak salah pun untuk Pas bertindak sedemikian, kerana setiap parti politik akan cuba untuk meletakkan dirinya pada kedudukan yang terbaik. Dari segi perhitungan kepentingan jangka pendek, sememangnya inilah senario terbaik untuk Pas. Malah Pas boleh mengenakan syarat pelaksanaan Hudud ke atas kedua-dua BN dan HARAPAN. Dengan kata lain, Pas akan memaksakan agenda Hudud ke atas kerajaan akan datang.

Bagaimanapun, kesemua perhitungan ini dibuat atas andaian Pas mampu memenangi kerusi yang secukupnya untuk dijadikan "King Maker", apabila BN dan HARAPAN terikat dalam kedudukan 100-100 daripada 222 kerusi parlimen yang ditandingkan. Pas perlu memegang sekitar 20 kerusi parlimen,

sebelum dirinya mampu menyumbang untuk pembentukan kerajaan akan datang.

Ya, inilah angka yang dipegang Pas ketika PRU13. Pas memenangi 21 kerusi parlimen, atas logo Pas, tetapi bersandarkan kekuatan PR. Kini Pas bertanding atas logo Pas, dan bersandarkan kekuatan sendiri. Apakah Pas yang bersendirian mampu meraih lebih undi, atau kerusi? Atau Pas akan kehilangan sokongan, dikalahkan dan terus dipinggirkan, lebih-lebih lagi apabila terpaksa bertarung dalam perang tiga penjurur?

Apapun, risikonya agak tinggi seandainya Pas gagal memberi impak kepada keputusan PRU14. Ia berlaku apabila Pas gagal meraih bilangan kerusi yang "setimpal", atau jikalau parti yang menang memperolehi majoriti yang cukup selesa untuk memerintah. Atau pun, BN dan HARAPAN mempunyai pilihan yang lain, misalnya parti politik dari Timur Malaysia, untuk menentukan kedudukan kuasa mereka. Pas akan terkeluar dari gambaran besar politik tanahair.

Seandainya senario ini berlaku, sudah tentu Pas akan mendakwa kemenangan yang dituntutnya adalah kemenangan di akhirat, bukannya di dunia. Biar kalah pilihan raya, asalkan Islam menang. Saya tidak pasti bagaimana kemenangan Islam ditakrifkan oleh pimpinan Pas. Persoalannya, jikalau kemenangan di dunia tidak

penting, mengapa Pas memasuki gelanggang pilihan raya? Untuk kekalahan?

Pertikaian sedemikian tidak berpenghujung, malah kebanyakan hujahnya gagal difahami, hatta orang yang mengeluarkan hujah sebegini tidak lebih sebagai alasan untuk menghalalkan langkah politik yang diambil Pas.

Bagaimanapun, hakikatnya Pas membayar harga yang tinggi untuk langkah politik yang diambil sekarang. Dalam PRU13, Pas telah berjaya mengekalkan kekuatan tradisinya di pantai Timur, meluaskan pengaruhnya ke Selangor, Perak dan Pahang, menembusi Melaka, dan memperlihatkan prestasi yang meningkat di Johor. Pas berjaya meraih sokongan dari pengundi non-muslim, satu prestasi yang cukup memberangsangkan untuk parti yang berjenamakan Islam ini.

Mungkin prestasi Pas dalam PRU13 kurang terserlah berbanding rakan sekutunya dalam PR, khususnya DAP, tetapi ianya adalah antara prestasi PRU terbaik yang pernah dicapai Pas. Pas hanya menunggu masanya, untuk mengorak selangkah lagi ke arah Putrajaya. Jikalau Pas akhirnya berjaya melangkah ke Putrajaya bersama rakan sekutunya PKR dan DAP, sudah tentu ia membuka lembaran baru dalam sejarah Pas.

Pas sebagai parti Islam, men-

catat sejarah 67 tahunnya – dari sebuah parti pembangkang, menuju ke arah parti pemerintah dalam litar pilihan raya demokrasi. Sejarah ini dicorakkan dengan pelbagai pengalaman – pembangkang yang ditindas, kerajaan negeri, yang pernah ditumPaskan dengan rampasan kuasa, penyer-taan ke dalam kerajaan persekutuan yang berakhir dengan pengalaman pahit pada tahun 1970-an; berkongsi wadah dan berkongsi kuasa dengan parti politik non-muslim dan sebagainya.

Kesemua pengalaman ini akan memantapkan Pas sebagai parti Islam yang diteladani dunia, lebih-lebih lagi apabila ia berpijak atas bumi Malaysia, sebuah masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian etnik, agama, bahasa dan budaya. Pas akan dikaji di dunia, bagaimana parti Islam ini diamanahkan mandat oleh non-muslim untuk memegang kuasa. Kesemua ini menggilap imej Pas, dan melonjakkan martabat Pas di mata dunia.

Namun pimpinan Pas sanggup memilih landasan lain, terus lunak dengan penguasa yang korup, dan berkeras dengan rakan pembangkang yang tertindas di bawah sistem yang sama. Apakah "kebijaksanaan" ini mampu dihadam dan difahami orang kebanyakan? Hakikatnya, Pas dalam bahaya jika kebanyakannya memahaminya.

Awan, Arif cemerlang dekati rakyat

KITA melihat dengan penuh kagum betapa aktifnya Awan – sayap wanita AMANAH - menebarkan khidmat baktinya di tengah masyarakat di mana saja. Suatu pencapaian yang sangat cemerlang, membantu kesuburan AMANAH dalam usahanya peduli rakyat.

Walaupun baru ditubuhkan sebagai sayap AMANAH, prestasi yang ditunjukkannya sangat mengagumkan. Ia benar-benar berfungsi sebagai sayap penting AMANAH. Ia bergerak hampir di seluruh pelusuk tanah air. Rakyat mengenal AMANAH, maka dengan sendirinya mereka mengenal Awan.

Tahniah kepada pimpinan AMANAH, Dr. Siti Mariah Mahmud dan seluruh saf pimpinan Awan baik peringkat nasional, mahupun peringkat kawasan.

Kita melihat Awan di mana-mana dengan warna orennya, menebarkan khidmat bakti di kota dan di desa, di kampung terpencil berlumpur, di flat yang tinggi di tengah kota, mengedarkan pelbagai sum-


bangkan kepada rakyat dengan penuh ceria, tidak pernah membayangkan rasa penat dan sebagainya.

Ia sangat menolong memperteguh kehadiran AMANAH di persada masyarakat bersama dengan Arif, sayap Pemuda AMANAH yang sangat cergas.

Ketika banjir melanda beberapa negeri baru-baru ini, Arif berada di tengah keadaan yang sangat mencemaskan. Menolong mangsa banjir, menghantar bantuan makanan, memindahkan dan menyelamatkan mangsa banjir.

Dalam masa yang sama, Awan turut membantu mangsa banjir itu baik di penempatan, bahkan di mana saja mangsa banjir itu berada.

Kita perhatikan, Awan dan Arif menjaadi tunggak kepada AMANAH.



Atas prestasi cemerlang Awan dan Arif, maka AMANAH sangat dirasakan kehadirannya di tengaaah masyarakat.

Dengan semakin dekatnya PRU14, kita boleh menjangkakan Awan dan Arif akan semakin aktif di tengah medan

kempen AMANAH di 27 kawasan parlimen dan ratusan Dun di mana calon AMANAH bertanding.

Maka kita boleh mengharapkan khidmat Awan dan Arif ini sebagai tunggak penting memperkasa kekuatan AMANAH dalam menghadapi PRU14 nanti.

Sementara itu, dari laporan yang diterima mendapati, AMANAH sudahpun menggerakkan jentera pilihan rayanya di seluruh negara.

Ini termasuk kempen di kawasan parlimen Parit Perak, yang sudah digerakkan secara intensif dengan kerjasama Bersatu dan DAP.

Begitu juga di Johor, di kawasan Dun

Kukup dan Pulau Sebatang, di mana AMANAH akan bertanding di samping Dun lain di negeri selatan Semenanjung.

Negeri Johor, tempat kelahiran Timbalan Presiden AMANAH, Salahudin Ayub – di Tanjung Piai, Pontian – itu mempunyai potensi besar melakukan perubahan dalam PRU14.

Sejauh ini sudah dua kali Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad berceramah di kawasan parlimen Tanjung Piai, iaitu di Tajum Piai sendiri dan satu lagi di Kelab Golf Kukup, Pontian, bersebelahan Tanjung Piai. Ternyata AMANAH sedang berdiri gagah menyahut cabaran.

Di negeri lain juga, di seluruh negara, gerak kerja pilihan raya AMANAH sudah digerakkan. Ini petanda yang sangat memberangsangkan dan ternyata AMANAH sedang berdiri gagah menyahut cabaran. Ia akan membantu Pakatan Harapan memenangi PRU14.

Tun Mahathir **terajui** pasukan kabinet baru

Oleh **ARIF ATAN**

MELAKA: Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa memberi jaminan jemaah kabinet yang diterajui Tun Dr Mahathir Mohamad akan dibarisi pemimpin Pakatan Harapan (PH) jika blok pembangkang itu mendapat mandat menerajui Putrajaya selepas pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) akan datang.

Pengerusi PH Kelantan itu berkata, menteri-menteri Umno tidak akan lagi mendapat tempat dalam kabinet pasca PRU-14 memandangkan pendirian Tun Mahathir sudah berbeza berbanding ketika menjadi Perdana Menteri sebelum ini.

"Beza Tun Mahathir sekarang dengan yang dulu, kita akan ada kabinet yang baru. Ahmad Maslan tidak boleh masuk kabinet. Yang boleh masuk kabinet ialah Nurul Izzah, Salahuddin Ayub.

"Nazri Aziz tidak boleh masuk kabinet. Dia sudah tidak boleh keluar TV3 lagi sebagai menteri. Jadi, Tun Mahathir dengan 'team' (pasukan) baru.

"Jangan lihat Mahathir dengan 'team' dahulu," ujarnya dalam Ceramah Perdana Muafakat Rakyat, dekat sini, 3 Feb lalu.

Beliau berkata, keputusan PH mencalonkan Tun Mahathir sebagai Perdana Menteri (PM) memandangkan pertukaran rejim bagi sebuah negara yang belum pernah mengalami pertukaran parti pemerintah

memerlukan tokoh yang diterima banyak pihak daripada segi pengalaman.

Sehubungan itu, Husam menyeru rakyat bersatu menolak rejim Umno-BN pada pilihan raya akan datang kerana masalah yang dihadapi di negara ini membebani semua pihak tanpa mengira kaum.

"Kita kena bersatu padu, kena lupakan perselisihan, batu api, lupakan perbezaan kaum. Macam GST (cukai barang dan perkhidmatan), adakah kena pada orang Cina?"

"Orang Melayu teruk (akibat GST) sebagai pengguna. Orang Cina rasa teruk sebagai ahli perniagaan. Orang India, orang Umno, orang Pas pun kena GST. Jadi masalah dihadapi semua rakyat," ujar bekas Exco Kerajaan

Negeri Kelantan itu.

Beliau turut mengulangi penegasan bahawa kerajaan PH akan melaksanakan janji menghapuskan GST sebaliknya cukai enam peratus itu dijangka akan naik jika rejim Umno-BN terus mendapat mandat.

"GST tidak boleh dijamin kekal enam peratus. Kalau Najib naik jadi perdana menteri sekali lagi, naik lapan peratus, sembilan peratus.

"Ada yang soal kalau hapus GST, apa jadi pada BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia)? Kita PH secara afirmatif menegaskan BR1M akan diteruskan kerana kita faham ada rakyat benar-benar susah kerana subsidi minyak dan barang-barang utama sudah tiada," jelas Husam lagi.

Anak cadang hapus 50% hutang peneroka

JEMPOL: Presiden Persatuan Anak Peneroka Kebangsaan (Anak), Mazlan Aliman menjelaskan badan bukan kerajaan (NGO) itu telah mengemukakan beberapa cadangan untuk dimasukkan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) bagi pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

"Ia adalah intisari kepada program Kenduri Rakyat yang diadakan di FELDA Raja Alias 6 di Negeri Sembilan malam tadi," kata beliau dalam satu kenyataan, 5 Feb lalu.

Menurut beliau, antara cadangan yang dikemukakan adalah memansuhkan 50 peratus hutang peneroka dan penghapusan 6.25 peratus faedah atas pinjaman sara hidup peneroka.

Anak juga, jelas beliau menyarankan agar terma-terma bayaran dan potongan yang dikenakan dalam Penyata Tanam Semula disemak semula



Mazlan dalam program Kenduri Rakyat yang diadakan di FELDA Raja Alias 6, Jempol.

bagi memastikan hanya jumlah sebenar potongan dilakukan.

Mazlan berkeyakinan jika insentif ini dilakukan, hutang dan pinjaman peneroka FELDA dapat diselesaikan dalam tempoh

lebih singkat iaitu tidak melebihi 10 tahun.

"Ia sekali gus akan meringan beban peneroka yang amat tertekan pada ketika ini," kata beliau.

BN tidak serius lawan kempen anti minyak sawit

Oleh **AKMAL HAZIQ**

KUALA LUMPUR: Anggota Majlis Tertinggi PPBM Dr Rais Hussin mendakwa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan anggota kabinetnya tidak mempedulikan nasib peneroka FELDA apabila tidak serius menangani kempen anti minyak kelapa sawit.

Menyentuh isu ancaman sekatan Kesatuan Eropah (EU) terhadap minyak kelapa sawit negara, Rais berkata pentadbiran Najib sepatutnya dapat melihat tanda-tanda kemungkinan perkara tersebut berlaku sejak beberapa tahun lalu.

"Sebenarnya mereka tahu tetapi mereka tidak sedikit pun peduli tentang masalah petani-petani ini," kata beliau.

Menurut Rais, hampir 3.2 juta keluarga di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak akan terjejas jika sekatan terhadap minyak kelapa sawit itu dilaksanakan.

Ketua Biro Polisi dan Strategi PPBM itu berkata, cakap-cakap mengenai sekatan EU terhadap minyak kelapa sawit mula ketara sejak 2012 namun

Malaysia tidak mengendahakan dan tidak mempedulikan ancaman tersebut.

Malah katanya, sehingga penghujung 2017, kerajaan Malaysia masih belum menangani ancaman tersebut secara serius sedangkan krisis berkenaan meningkat sejak Oktober 2017.

"Antara Oktober dan Disember 2017, kerajaan Malaysia tidak memberikan sebarang tindak balas terhadap isu berkenaan," katanya.

Tindak balas, ujar beliau dibiarkan kepada para petani dan di sini jelas membuktikan kerajaan BN tidak serius membela nasib peneroka.

Bahkan katanya, sewaktu peneroka FELDA menyerahkan hampir 130,000 tandatangan protes kepada wakil EU, Carl Horick di Menara Tan & Tan baru-baru ini, tidak ada seorang pun menteri kabinet berada di situ untuk memberikan sokongan.

"Apa yang boleh dilihat di sini, Najib dan kabinetnya masih bersikap 'tidak apa' sehinggalah krisis berkenaan benar-benar membarah.

"Secara terus terang mereka tidur, bukan buat kerja," katanya.

Bank Negara boleh beli tanah kerajaan pada kadar nominal

PETALING JAYA: Gabenor Bank Negara (BNM) Tan Sri Muhammad Ibrahim sepatutnya memohon membeli tanah daripada kerajaan pada kadar nominal seperti kebanyakan pengambilan tanah bukan komersial.

Ini kerana tanah seluas 55.79 ekar itu hanya akan dijadikan sebagai hub pendidikan dan bukannya bagi tujuan komersial, kata Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua.

"Tanah yang diperolehi untuk universiti awam biasanya dipindahkan pada kadar

nominal, manakala tanah yang dibeli oleh BNM berfungsi lebih kurang RM823 per kaki persegi," katanya dalam satu kenyataan 6 Feb lalu.

Beliau merujuk laporan The Edge bertarikh 4 Jan lalu bahawa BNM telah membeli seluas 55.79 ekar tanah milik kerajaan persekutuan bernilai RM2 bilion mengikut harga pasaran bagi dijadikan hub pendidikan kewangan.

BNM dilaporkan membeli tanah untuk dibangunkan sebagai tempat penempatan semula Universiti Kewangan Islam Global

dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa, selain membina pelbagai kemudahan pendidikan serta pusat latihan.

Pua memberi contoh bagaimana syarikat pelaburan bermasalah milik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) telah mendapat 500 ekar tanah daripada kerajaan persekutuan pada "nilai nominal atau banyak diskaun untuk tujuan komersial".

Setiausaha Publisiti DAP itu menambah, rakyat tidak wajar dipersalahkan jika mengesyaki pembelian itu hanya sekadar usaha kerajaan untuk mengambil wang

BNM bagi melunaskan hutang 1MDB.

"Harus diberi perhatian juga masa transaksi dan pembayaran tersebut kebetulan sama dengan pembayaran US\$600 juta yang terpaksa dibuat 1MDB bagi melangsaikan baki hutang terakhirnya kepada IPIC pada hujung tahun lalu.

"Sehingga soalan-soalan ini dijawab dengan betul, rakyat Malaysia tentu tidak boleh dipersalahkan kerana mempercayai BNM membenarkan dirinya diserbu oleh Kementerian Kewangan untuk menyelamatkan 1MDB," kata Pua.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



UMRAH MUSIM BIASA

HARGA PROMOSI RM4,900 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

www.alfajrtraveltours.com

4@5 orang sebilik

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

SIRI KE-22
(17-18 MAC 2018)
INSTITUT LATIHAN PEGAWAI AWAM, IPOH, PERAK



SILA HUBUNGI :
EN.FAIZUL (+6012-568 1150)

Nesma Airlines
نسمالطيران

PENERBANGAN UMRAH DARI KUALA LUMPUR TERUS KE MADINAH/MEKAH

HARGA TIKET NESMA DARI

LOW SEASON RM2,750 (KUL/JED/JED/KUL)
PEAK SEASON RM2,850 (KUL/JED/JED/KUL)



DISEMBER (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
04 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
07 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
09 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
13 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
14 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
18 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
19 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
23 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
25 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,590
28 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690
29 DIS	KUL/JED/JED/KUL	5,690

JANUARI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
04 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
08 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
13 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090

15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
25 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990

FEBRUARI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
05 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890
08 FEB	KUL/MED/JED/KUL	5,090
14 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
15 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,990
19 FEB	KUL/MED/JED/KUL	4,990
26 FEB	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MAC (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
08 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990
12 MAC	KUL/MED/JED/KUL	4,990
19 MAC	KUL/JED/MED/KUL	5,690

22 MAC	KUL/MED/JED/KUL	5,090
29 MAC	KUL/JED/MED/KUL	4,990

APRIL (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
09 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890
12 APR	KUL/MED/JED/KUL	5,090
19 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,990
23 APR	KUL/MED/JED/KUL	4,990
30 APR	KUL/JED/MED/KUL	4,890

MEI (12H/09M)(11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
03 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,090
10 MEI	KUL/JED/MED/KUL	4,990
14 MEI	KUL/MED/JED/KUL	5,990
21 MEI	KUL/JED/MED/KUL	6,390
24 MEI	KUL/JED/JED/KUL	5,290



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

TEL : 03-6127 7790 016-332 4452 / 53

FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my

ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI / HJ AZIZAN
04-4480709
011-4066 0800 / 013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA
HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR
HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK
EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN
CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG
HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG
UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN
HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR
HJ KAMAR
019-776 3300

SABAH
HJ AWANG ADI
013-559 8889

SERAWAK
HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

BATU CAVES HJ NOORDIN
AMPANG MOHD ROZAIRIZAL
AMPANG HJ HJ CONNIE
AMPANG HJ HJ ROSNANI
GOMBAK USTAZ ZULFEKAR
KLANG HAJAH FADILAH
GOMBAK HJ AZMAN AGUSTINE
BATANG KALI USTAZ ANAS
SHAH ALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
BANDAR SERI PUTRA PN SUZANA
BANGI HJ MOHD JAJOLI
SHAH ALAM HJ HASSAN
HULU KELANG HJ ROZALI
SUNGAI BULOH USTAZ SAIFUL
BANGI HJ NORIBAH
HULU SELANGOR NORAISHAH
SERENDAH RADZIAH MD ISA
PAHANG
BENTONG HJ ROHANI
JENGA HJ RABIAH
KUANTAN HJ MARZIANI
PEKAN HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUANTAN HJ NORMAH
BENTONG HJ ABD MANAN
RAUB NAIM ASHAARI
FELDA BUKIT GOH HJ SHARIFAH
SARAWAK
SG.LADA, SG MIRI ASLI

Wakil Daerah

012-640 3144
013-364 8452
017-681 2727
019-256 0478
013-607 7722
011-3550 0615
019-277 7070
019-225 0189
019-332 6002
012-350 5437
012-235 8640
019-359 8423
010-221 2962
019-250 1210
019-214 0246
019-234 1922
012-222 8958
019-567 2254
019-383 4586
013-704 5646
013-908 5969
019-958 4003
012-964 9730
016-987 5115
019-383 4586
012-243 7490
013-950 2565
013-885 1234

SABAH

SABAH HAJI RAMLI
BANDAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALABAKAN USTAZ RAMAN LEE
WIP LABUAN EN ZULKIFLI
KINABATANGAN MOHD JEFRI
KUNAK ENCIC KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQURRAHMAN
SANDAKAN ENCIC SAHAR
KUNDAT ARRAHIM BIN LAJAKAYA
SEMPORNA HAJI AHMAD ABDULLAH
ZAN BELURAN AWANG DAMIT
TUARAN & KB MIASIN BIN MION
BALONG HJ ROSNAH
PERAK
BOTA HJ AZIZAH
TAIPING HJ ABDUL RAHIM
IPOH MOHD ANI
MANJUNG ABDUL RAHIM CHE AWANG
BAGAN SERAI MUNAWIR MAHMUD
BAGAN DATO HAJI HAMZAH
K. LUMPUR
SEMARAK KASHPUL ANUAR
SEGAMPUT HJ ROHANI
DAMANSARA HAJI ROSLEE
KEPONG MEGAT NAJIB
MELAKA
BANDAR MELAKA HJH MASTURA
ALOR GAJAH M.NAZEER
JASIN PN ROHANI HARUN

Wakil Daerah

019-589 3194
019-883 4852
013-556 9894
014-504 1963
011-5166 5530
014-865 5663
017-647 1594
019-803 0104
013-893 6806
019-823 1419
013-286 8839
010-510 7871
019-808 3885
016-774 8965
016-562 8140
012-589 8965
017-523 9308
014-254 5221
019-347 1575
016-656 5803
019-248 3420
012-327 6401
012-315 8613
017-347 7612
017-698 1474
012-651 6003

KELANTAN

KOTA BHARU USTAZ OSMAN
PENGKALAN CHEPA AHMAD TARMIZI
BACHOK CIKGU NURI
NILAM PURI USTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI
TANAH MERAH AMINUDDIN AB HAMID
PASIR MAS HAJI ALIAS
N.SEMBILAN
BAHAU UST ZUBIR
NILAI YAHYA OTHMAN
GEMAS RIZAL KEMIS
TELOK KEMANG ABD RAHMAN
RASAH AZMAL
SEREMBAN UBAIDAH
JELEBU HJ MAZIN
PERLIS
KANGAR MOHD SOLEHIN
KEDAH
BUKIT KAYU HITAM ABD AZIZ
JOHOR
AIR HITAM/UTTM HJ. BAHARUDDIN
PARIT RAJA HJ. YAHYA
BATU PAHAT HJ. SULAIMAN
SRI GADING HJ. ABD. JALIL
PARIT SULONG HJ. REDZUAN
YONG PENG HJ. A. RAZAK
PT. ABD. RAHMAN HJ. A. RAHIM
SRI MEDAN HJ. RAMLI

Wakil Daerah

019-980 8538
013-972 9304
019-989 9028
017-237 2387
012-951 8172
019-915 5656
012-380 6140
011-1096 6342
019-604 6315
017-365 4399
016-685 4141
013-361 2875
011-1064 1046
019-460 5016
019-474 3732
011-1053 0254
013-756 3090
017-729 2402
011-1875 7710
011-1519 2400
013-770 3346
017-716 8499
019-761 1117

SIMPANG LIMA/SEMERAH EN. MASUD
PONTIAN EN. KHAIRUL FAUZI
TMN. BROLEH PN. HAMIMAH
RENGIT HJ JUNAIDAH
TKG. PECAH HJ. ARFAH
JOHOR BAHRU HJ. ROSLAN
SRI GADING HJ. ZAHARAH
SKUDAI EN. ABD. JALIL
NUSAJAYA HJ. RUHAIZAT
SENAI EN. ZAINUDIN
INDAHPURA EN. AHMAD SAHRIL
PASIR GUDANG EN. AMBOK SULO
KULAI/PASIR RAJA PN. PAZIDAH
KOTA TINGGI HJ. SAHRONI
PT.SAUH/TKG. PECAH EN. KASRIM
PARIT RAJA EN. MAIROP
KULAI/TIRAM PN. ROPINAH
SIMPANG RENGANG AZREEN
KLUANG HJ. SHAMSUDIN
BANDAR TENGGARA MOHD ARIEFF
MUAR HJ. WAGIMAN
KOTA MASAI HJ. ABD. HALIM
SIMPANG RENGANG ABD.WAHAB MAH
ULU TIRAM HJ. MARJONI
MAJIDEE HJH SUKARTINI
PLENTONG MUHAMMED ALI
BANDAR BARI UDA PN. SITI MUTI'AH
SETIA INDAH HASNIZAN
PASIR RAJA EN. SULAIMAN
TAMAN RINTING USTAZ TUHIDIN
TAMAN BUKIT DAHLIA EN DAUD
PARIT RAJA MOHD ZAINOL
PASIR GUDANG EN. MD. PAUZI
TAMAN PUTERI USTZH NORAMAHAINI
KOTA MASAI UST MOHAMAD ANAS

012-739 8477
012-722 8004
013-956 2524
017-752 2803
017-268 9029
019-700 0440
013-777 7044
019-779 9767
019-661 3068
012-798 4778
018-577 8898
019-776 3345
013-749 4432
019-797 2464
013-750 1889
017-712 3556
013-770 2810
019-777 0075
019-715 1764
019-792 6047
013-700 0454
019-720 0536
016-717 9098
013-754 6044
013-716 4114
019-709 1148
019-313 2274
016-707 2307
011-1273 7991
016-751 6565
013-722 4568
019-778 4487
019-728 2233
019-728 3783
019-374 4393

**HOTEL MEKAH : 1.AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. QASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTAD @ SETARAF (+ 600-800m)

HOTEL MADINAH : WARDAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m), VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAH HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING).
Tambahan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Sercharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing
Tanpa Notis. Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Rafizi: Umpama lilin bakar diri, untuk terangi orang lain

Di negara ini menyalahgunakan wang ratusan juta ringgit tidak salah tetapi mendedahkan akaun bank yang menjadi bukti penyalahgunaan itu adalah satu kesalahan.

Bagi mereka, Rafizi umpama lilin membakar diri sehingga terpenjara demi untuk menerangi orang lain.

Demikian kata rakan-rakan Rafizi Ramli selepas beliau disabitkan kesalahan kerana mendedahkan maklumat dari akaun bank National Feedlot Corporation (NFC) dan dijatuhkan hukuman 30 bulan penjara.

"Dapat duit kerajaan, duit habis, projek tak jalan, tidak jadi kesalahan. Mendedahkannya dengan bukti dokumen bank, itu kesalahan besar!" tulis Datuk Saifudin Nasution Ismail dalam Facebooknya.

Rafizi yang juga naib presiden PKR didapati bersalah oleh Mahkamah Sesyen Shah Alam kerana melanggar Bafia berhubung kebocoran akaun National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC).



Turut didapati bersalah, bekas kerani Public Bank Johari Mohamad.

Hakim Zamri Bakar berkata pendakwa mem-buktikan kes tanpa keraguan munasabah.

Dalam kes itu, kata Saifudin, didedahkan kerajaan Malaysia memberikan RM250 juta kepada suami Shahrizat Jalil.

la bertujuan untuk projek bela lembu skala be-

sar untuk membekalkan daging kepada pasaran tempatan.

"Duit itu disimpan dalam bank. Rafizi dedahkan dokumen bank tersebut mendapati projek tak berjalan dan duit diguna untuk tujuan lain. Buka restoran mewah di KL dan Singapura.

"Atas sebab itu rafizi disabit bersalah pagi ini," tulis Saifudin.

Rafizi pula mahu perjuangan dan pengorbanan yang beliau lakukan diteruskan oleh semua rakyat Malaysia.

"Jika anda rasa marah dan kecewa perkara ini boleh berlaku, ini bermaksud anda kisah. Ini juga bermaksud yang anda benci dengan apa yang berlaku. Ini juga bermaksud anda dapat rasa ketidakadilan yang berlaku di sekeliling anda.

"Jangan biarkan perasaan itu terpadam dalam diri. Perubahan bermula dari dalam diri anda.

"Saya tak perlukan simpati sesiapa. Saya yang buat pilihan ini sendiri. Saya cuma perlu anda bertindak menggunakan perasaan anda, supaya kita boleh membawa perubahan bersama," katanya.

Mydin rugi RM100 juta bila KR1M gagal

PENGARAH urusan rangkaian pasar raya besar Mydin, Ameer Ali Mydin tidak menyangka projek Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) akan berakhir dengan kerugian besar – lebih RM100 juta.

"Berapa sangat yang anda boleh rugi," fikirnya ketika peringkat awal projek yang diperkenal pada 2011 itu.

Pada ketika itu, rangkaian Mydin merekodkan

MYDIN

keuntungan antara RM50 juta hingga RM70 juta setahun, katanya.

Maka, syarikatnya itu bersetuju untuk menjalankan projek jualan runcit barangan keperluan pengguna dengan harga murah itu.

"Saya fikir niatnya sangat murni. Kerajaan mempunyai niat yang sangat murni. Kami juga berfikir dengan naif bahawa, memandangkan kami adalah pemain industri tempatan yang paling besar, kami perlu mengambil inisiatif ini," kata Ameer.

Dalam temubual disiarkan stesen radio BFM itu, beliau berkata Mydin setuju menjalankan operasi runcit KR1M itu "demi rakyat" dan atas "tanggungjawab sosial korporat (CSR)".

"Apa pun, ia adalah CSR untuk kami. Ia adalah satu pengajaran," kata Ameer yang menambah, barangan terbabit dijual tanpa sebarang subsidi dari kerajaan.

Akhirnya, Mydin terpaksa menanggung kesemua kerugian terbabit. Kos yang ditanggung kerajaan pula, yang dilaporkan sehingga lebih RM100 juta, adalah melibatkan aset.

Aset tersebut termasuk kos ubah suai kedai dan rak barangan yang ditanggung oleh kerajaan. Barangan yang dijual itu pula adalah milik Mydin, jelasnya.

"Aset tersebut bukan barang jualan. Barangan tersebut kami tanggung, kos operasi kami tanggung, harga kami tanggung, kerugian kami tanggung, kos logistik juga kami tanggung. Saya hasilkan lebih RM100 juta dalam bentuk kerugian," katanya.

Faktor utama kerugian itu adalah kos logistik yang menurutnya sangat besar – sehingga 25 peratus.

Ini kerana, KR1M meliputi kawasan luar bandar seperti di Kapit, Belaga di Sabah dan Sarawak di mana harga barangan sangat tinggi, katanya.

"Kami hantar banyak kontena ke sana dan barangan itu habis hampir serta merta," katanya yang menjelaskan, kebanyakan produk tersebut dijual pada harga yang sama dengan harga di Semenanjung.

Wawancara itu disiarkan BFM hari ini selepas Perdana Menteri Najib Razak semalam melancarkan projek baru KR1M, dengan nama KR1M 2.0 dan dengan model bisnis baharu tanpa penyertaan Mydin.

Pada kali ini ia dilaksanakan di kedai Tunas Manja Group yang menjadi rakan kongsi kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Menurut Najib, KR1M 2.0 juga tidak lagi menjual barangan yang tidak berjenama.

Rakyat tak berduit walaupun ekonomi berkembang, kata Mydin

PENDAPATAN rakyat negara ini tidak mengimbangkan keperluan perbelanjaan mereka berikutan peningkatan kos barangan yang terlalu tinggi walaupun ekonomi Malaysia dilaporkan meningkat.

Inilah rumusan oleh pengusaha pasar raya Mydin, Ameer Ali Mydin bila menghuraikan data tentang bagaimana tahun lalu penjualan merosot di seluruh pasar raya di negara ini.

Akibat penjualan yang rendah, kemerosotan dalam pertumbuhan untuk pasar raya berlaku kerana harga untuk lebih daripada 100 jenis makanan meningkat sebanyak 14% dalam lima tahun kebelakangan ini.

"Saya fikir rakyat tak ada duit," kata Ameer, pengarah urusan Mydin dalam temu ramah bersama stesen radio BFM baru-baru ini.

Data dari rangkaian Mydin menunjukkan harga-harga meningkat dari 14% kepada 15% dalam tempoh lima tahun lepas.

Manurut Ameer, harga untuk 150 barangan ini naik antara 2.7% kepada 3.7%. Tahun lalu, harga meningkat 2.3%.

"Untuk item individu (kenaikan harga) menakutkan. Sebagai contoh, kubis dari Cameron Highlands naik 29% dalam tempoh lima tahun lalu.

"Ikan kembung hitam 19%, sos cili jenama Maggi 38.8%, sardin jenama Ayam pula 30.6%."

Ameer berkata yang harga untuk barangan ini juga turut dinaikkan oleh pesaing mereka.



"Kalau harga (barangan) saya naik, saya pasti pesaing saya juga akan naikkan juga. Kami peneraju pasaran. Kami naik (harga) bila kos kami naik," katanya.

Harga barangan yang meningkat ini memberi kesan pada semua pasar raya yang mana Ameer berkata, merangkumi 50% daripada semua barangan runcit di Malaysia.

Pada suku pertama 2017, keseluruhan jualan runcit menurun sebanyak 1.2% tetapi jualan pasar raya menurun sebanyak 4.8%.

Kemerosotan dalam sektor runcit ini terjadi ketika keluaran dalam negara kasar (KDNK) meningkat sebanyak 5.6%.

Pada suku ketiga tahun sama pula, sektor runcit menyusut sebanyak 1.1% manakala pertumbuhan pasaran pasar raya menurun merosot

5.5%.

"Saya tak nafikan yang tidak ada perkembangan (ekonomi) sebab ada bukti. Tapi, dalam negara normal, pertumbuhan itu bermaksud (adanya) penggunaan domestik.

"Dan paling asas adalah makanan. Tetapi pasar raya yang mengawal 50% pasaran, (perkembangannya pula) negatif," katanya.

Bagaimanapun, Ameer berkata yang kadar pertukaran ringgit yang semakin pulih berbanding dolar Amerika diharap akan menurunkan harga barangan, itu pun jika trend ini berterusan.

"Satu-satunya sinar harapan adalah ringgit kukuh berbanding dolar Amerika. Harga mungkin akan turun untuk jangka tempoh yang panjang," ujarnya.

Kes Indira Gandhi: Kesan perundangan terhadap pentadbiran agama Islam

Oleh KANUN

BARU-BARU ini rakyat Malaysia terkejut dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang telah membatalkan surat perakuan menganut agama Islam ke atas anak-anak Indira Gandhi A/P Mutho bersama pasangannya Pathmanathan A/L Khirsan (Mohd Ridzuan Abdullah).

Dalam kes ini, pasangan ini telah bernikah pada 10 April 1993 di bawah Akta Undang-Undang Membaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Mereka dikurniakan dengan tiga anak iaitu Tevi Darsiny (12 tahun), Karan Din- ish (11 tahun) dan Prasana Diksa (11 bulan) pada mula kes ini difailkan pada tahun 2009.

Pada 11 Mac 2009, Pathmanathan telah memeluk agama Islam. Pada masa itu, dua anak mereka iaitu yang pertama dan kedua tinggal bersama ibu mereka dan yang ketiga bersama dengan Mohd Ridzuan.

Pada 8 April 2009, Mohd Ridzuan telah memperolehi perintah interim ex-parte (perintah sebelah pihak) hak penjagaan ke atas ketiga-tiga anak daripada Mahkamah Syariah dan seterusnya pada 29 September 2009 memperolehi perintah kekal hak penjagaan ke atas ketiga-tiga anak itu.

Dalam bulan April 2009, Indira Gandhi telah menerima dokumen daripada suaminya bahawa ketiga-tiga anak itu telah menganut agama Islam berkuatkuasa pada 2 April 2009 dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak telah mengeluarkan tiga sijil perakuan menganut agama Islam. Dokumen tersebut juga menunjukkan Pendaftar Muallaf telah mendaftarkan anak-anak itu sebagai orang Islam.

Oleh kerana terkilan dengan tindakan itu, pada 9 Jun 2009 Indira Gandhi telah menfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Ipoh untuk membatalkan sijil perakuan menganut agama Islam.

Indira Gandhi juga telah memohon hak jagaan anak di Mahkamah Tinggi Ipoh dan pada 11 Mac 2010 Mahkamah Tinggi Ipoh telah mengeluarkan perintah hak jagaan ke atas ketiga-tiga anak itu, termasuk perintah supaya suaminya itu menyerahkan anak bongsu kepadanya serta-merta.

Indira Gandhi kemudiannya telah menfailkan permohonan cerai atas alasan suaminya telah menganut agama Islam dan perintah perceraian telah dikeluarkan pada 8 Ogos 2012.

Di Mahkamah Persekutuan, ada tiga isu besar yang telah diputuskan oleh lima orang Hakim iaitu Zulkefli Ahmad Makinuddin, Richard Malanjum, Zainun Ali, Abu Samah Nordin dan



Ramly Haji Ali.

Isu pertama adalah berkaitan dengan bidangkuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah iaitu sama ada Mahkamah Sivil mempunyai bidangkuasa untuk menyemak apa-apa keputusan yang dibuat oleh pihak pentadbiran kerajaan termasuk oleh Pendaftar Muallaf Negeri Perak yang telah menjalankan kuasanya sebagai pihak berkuasa awam di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

Isu kedua adalah sama ada seorang kanak-kanak daripada sebuah perkahwinan bukan Islam yang telah dilangsungkan di bawah undang-undang sivil dan belum mencapai umur 18 tahun mesti mematuhi kehendak Seksyen 96(1) dan 106(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 sebelum Pendaftar Muallaf boleh mengeluarkan sijil perakuan menganut agama Islam.

Seksyen 96(1) itu menyatakan bahawa seseorang yang ingin menganut agama Islam mestilah mengucapkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab. Seksyen 106 pula menyatakan bahawa seseorang itu boleh menganut Islam jika telah mencapai usia 18 tahun, dan jika belum mencapai usia itu dia perlu mendapatkan kebenaran ibu bapanya atau penjaganya secara bertulis.

Isu ketiga adalah sama ada kedua-dua ibu dan bapa daripada perkahwinan sivil mesti memberikan kebenaran sebelum surat perakuan menganut agama Islam dikeluarkan kepada anak tersebut.

Untuk tujuan artikel ini, hanya isu kedua sahaja yang akan diulas kerana ringkas kerana ruang yang terbatas. Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Seksyen 96(1) dan Seksyen 106 itu mestilah dibaca bersama dalam konteks penganutan agama Islam oleh seorang kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

Mahkamah mendapati fakta kes ini menunjukkan bahawa anak-anak itu tidak pernah dibawa berjumpa Pendaftar dan tidak pernah mengucapkan dua kalimah syahadah di hadapan Pendaftar sebelum sijil perakuan menganut agama Islam dikeluarkan.

Oleh itu, Mahkamah mengatakan bahawa Pendaftar Muallaf telah bertindak melampaui batasan undang-undang yang dibenarkan dan menyebabkan sijil perakuan menga-



nut Islam bagi anak-anak pasangan ini adalah terbatal serta tidak sah. Mahkamah juga mendapati tiada surat kebenaran ibu bapa yang diberikan kepada Pendaftar.

Dalam penghakiman itu, Mahkamah juga mengulas bahawa Islam terbina atas dua asas utama iaitu keadilan (*al-adl*) dan permesyuaratan (*as-syura*). Mahkamah mendapati tiada perbincangan dibuat sebelum si suami yang menganut agama Islam memohon sijil perakuan menganut agama Islam itu dikeluarkan. Sepatutnya si suami ini menunjukkan contoh yang baik supaya akhlak Islam akan terus dipandang mulia oleh masyarakat dan akhirnya mereka sendiri akan tertarik dengan ajaran Islam.

Penghakiman oleh Mahkamah Persekutuan ini perlu diambil iktibar oleh para pentadbir di pejabat agama Islam di negeri-negeri. Penghakiman ini juga menunjukkan bahawa ada kelemahan dalam pentadbiran undang-undang khasnya dalam memahami undang-undang.

Usaha untuk memperkemas pentadbiran agama Islam wajar dibuat dan latihan berterusan perlu dilakukan supaya pentadbiran agama Islam ini lebih profesional dan dipandang tinggi. Apatah lagi, Majlis Agama Islam di negeri-negeri adalah penasihat utama kepada Raja-Raja Melayu yang menjadi Ketua Agama Islam di negeri-negeri maka sewajarnya tahap profesional pentadbiran agama Islam perlu lebih cemerlang.

Para pentadbir ini perlu menadabirkan agama Islam mengikut undang-undang yang diluluskan secara rasional tanpa membabitkan emosi serta fahaman agama atau politik masing-masing. Jika fahaman

agama dan politik dicampur-adukkan maka ianya akan merendahkan tahap dan mutu pentadbiran.

Kes Indira Gandhi ini perlu dijadikan sebagai asas dan semangat untuk mengembangkan agama Islam serta meneruskan usaha dakwah secara lebih berkesan. Hakikatnya, Hakim Mahkamah Persekutuan sendiri melihat tindakan Mohd Ridzuan yang gagal mempraktikkan keadilan (*al-adl*) dan permesyuaratan (*as-syura*) dalam hal ehwal rumah tangganya khasnya berkaitan dengan pengeluaran sijil perakuan menganut agama Islam.

Menganut agama Islam bukan sekadar ditulis di sijil sahaja bahkan ianya hendaklah menjadi suatu amalan hidup melalui penzaharan akhlak yang terpuji supaya orang bukan Islam tertarik kepada Islam dengan rela hati dan bukan dengan paksaan.

Memisahkan ibu kandung daripada anak kandung juga bukanlah suatu tindakan yang baik. Seharusnya dalam konteks masyarakat Malaysia ini hal ini perlu dipandang lebih serius supaya keamanan di Malaysia dapat dikekalkan dengan semangat toleransi dan harmoni.



SYURA
DEMOKRASI

MEMORIEK
MAGAZIN AL-ADL

HAKIM DR. ANUAR IBRAHIM

MEMORIEK
MEMORIEK

RM 39



ANWAR
IBRAHIM

PERANPILIH
DEMOKRAT MUSLIM

MEMORIEK
MEMORIEK

RM 49



KLEPTOKRASI
BUKAN
RAHMAT

MEMORIEK
MEMORIEK

RM 30



TEKAL
BERJUANG

MEMORIEK
ANUAR TAHIR

MEMORIEK
MEMORIEK

RM 30



MUSAFIR
KERHAIKIAN
KEMBARA
KEMANUSIAAN

MEMORIEK
MEMORIEK

RM 35

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

01132334322
untuk urusan pembelian

Industri tempatan dipinggir, rakyat menganggur

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Dasar pentadbiran Najib yang tidak membantu pertumbuhan industri tempatan malah sebaliknya lebih cenderung membeli barangan dari luar negara memberi kesan negatif kepada ekonomi negara, tegas Pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kerajaan sepatutnya melindungi industri tempatan sekali gus menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat kerana semua negara berbuat demikian seperti industri pembuatan kereta.

"Dulu kita tidak benarkan kereta dari Korea masuk ke Malaysia, itu zaman saya dulu, zaman purba. Sekarang dibuka semuanya Korea, Jepun, Jerman.

"Negara-negara ini tidak membenarkan kereta kita masuk ke negara mereka tetapi kita benar kereta mereka masuk ke negara kita.

"Apa yang terjadi adalah industri tempatan kita mati. Kita terpaksa bergantung pada FDI (pelaburan langsung asing)," ujarnya pada Bicara Pimpinan Anak Muda Bersama Tun M, 3 Feb lalu.

Bekas Perdana Menteri itu berpendapat,

polisi FDI di bawah kerajaan pada masa ini yang mengabaikan tenaga pekerja tempatan pula bercanggah dengan praktik yang diamalkan sebelum ini.

"Dulu FDI bermakna bawa masuk modal dan teknologi, dirikan kilang, keluar barangan untuk tempatan dan eksport. Itu dasar FDI.

"Sekarang ditafsirkan FDI sebagai mem-bawa masuk wang, membeli tanah untuk mendirikan bandar seperti Forest City.

"Bandar itu bukan untuk kita tetapi untuk orang asing tinggal di sini. Itu bukan FDI kerana pekerja tidak menggunakan pekerja kita. Mereka (China) menggunakan pekerja mereka," jelasnya ketika menjawab soalan wakil NGO Demi Malaysia, Young Syefura Othman.

Terdahulu Shefura yang juga Penolong Setiausaha Wanita DAP Kebangsaan memaklumkan angka pengangguran anak muda tinggi pada kadar 10.7 peratus dengan peratusan graduan sains dan teknikal menganggur lebih tinggi mencecah 20 peratus.

Tegas Tun Mahathir lagi, Malaysia malahan tidak menerima manfaat daripada projek Forest City seluas 1,370 hektar itu apabila diisytihar sebagai kawasan bebas cukai.

"Bangunan itu juga untuk mereka dan

kita tidak mendapat apa-apa. Bahkan, saya mendapati kawasan Forest City diberi 'duty free', tidak dikenakan cukai.

"Kita dapat apa? Kereta tidak boleh (masuk), jurutera kita pun mereka tidak mahu," ujarnya dalam forum yang dimoderatkan penganalisis politik, Dr. Maszlee Malik.

PINJAM DARI CHINA

Menyentuh projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL), Tun Mahathir menganggap projek yang mencecah kos sebanyak RM55 bilion itu juga tidak mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

"Duit pinjam pada China. Kontrak bagi pada kerajaan China sebab salah satu daripada terma pinjaman, kontrak diberi kepada syarikat China.

"Syarikat China ini pula bawa pekerja mereka bukan pekerja kita. Jadi apa kita dapat? Tidak dapat apa-apa," katanya.

Sehubungan itu, calon Perdana Menteri Pakatan Harapan itu menegaskan pentingnya industri tempatan dilindungi sekali gus menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat seperti diamalkan negara-negara maju lain.

"Kita perlu pertahankan industri kita. Korea pun pertahan industri dia. Kalau



Tun Dr Mahathir Mohamad

di Korea, Jepun tiada kereta asing sebab mereka tahan.

"Kereta Proton tidak boleh jual di China, Jepun dan Jerman tetapi kereta Jepun, Jerman, Korea, semua masuk (Malaysia). Itu tidak adil.

"Ini jual Proton pada China pun tidak boleh masuk China cuma boleh jual di Indonesia dan Thailand," ujarnya.

Sebaliknya, beliau berkata, FDI perlu dipastikan menggunakan tenaga kerja tempatan tidak seperti pada masa ini yang menyaksikan banyak pihak berkaitan industri Proton hilang sumber pendapatan.

"Kalau orang asing bawa modal dan teknologi dia mesti guna tenaga kita, baulah jurutera kita mendapat kerja. Hari ini tidak ada.

"Bahkan Proton telah dijual kepada syarikat China. Ramai jurutera, vendor buat 'part' Proton pun sudah berhenti. Ini bukan cara untuk mencipta peluang pekerjaan.

"Sekarang ini kereta dari China masuk dengan begitu mudah. Inilah sebabnya graduan tiada (kerja).

"Sebab itu kita menerima hakikat kita baru mula. Kita perlu pada perlindungan. Kalau kita malu sangat untuk melindungi diri kita, kita akan gagal," tambahnya lagi.

Silap besar sasar negara berpendapatan tinggi

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan kesilapan paling besar apabila memberi tumpuan kepada sasaran berpendapatan tinggi bukannya kuasa beli rakyat yang tinggi.

Menurut Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu, sasaran tersebut bukan cara yang berkesan untuk membangunkan negara memandangkan belum tentu menjadikan rakyat kaya.

"Yang penting daya beli wang yang kita ada itu. Adakah dengan kenaikan gaji boleh beli lebih berbanding dahulu?

"Kita mesti mempunyai daya beli yang tinggi. Untuk itu, kita kena tingkatkan produktiviti.

"Dia (Najib) ingat kalau naikkan gaji, orang berjaya. Tidak. Kenaikan gaji tetap akan menaikkan kos. Sebab itu kalau nak naikkan gaji kita kena tentukan produktiviti meningkat," tegasnya.

Untuk rekod, Najib tahun lalu dilapor berkata, Program Transformasi Negara (PTN) berjaya merapatkan jurang menuju sasaran pendapatan

tinggi dan memainkan peranan besar membawa negara keluar daripada perangkap pendapatan pertengahan seperti dialami pada 2009.

Berbeza dengan pentadbirannya sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun sebelum ini, Tun Mahathir memberitahu tidak pernah menaikkan gaji penjawat awam begitu tinggi kerana menyedari kesan terhadap kenaikan kos sara hidup.

"Najib naikkan gaji sampai 25 peratus gaji penjawat awam. Saya tidak pernah naikkan (begitu tinggi)," katanya pada program Bicara Pimpinan Anak Muda, 3 Feb lalu.

Mengulas pelbagai projek mega infrastruktur dilakukan Najib, beliau mengakui terkejut apabila Najib meluluskan kesemua cadangan syarikat Gamuda berhubung projek Transit Aliran Massa (MRT) yang sebelum itu pernah ditunjukkan kepadanya.

"Dia (Najib) selalu tidak cukup duit. Dulu kita boleh buat landasan kapal terbang, Pelabuhan Klang. Dia hutang macam-macam.

"Jika tidak tahu pengurusan kewangan, kita akan bankrap," ujar

Mahathir sambil menyifatkan Najib mahukan tinggalan yang dapat dikaitkan dengan pentadbirannya.

Beliau berkata, amalan pentadbirannya sebelum ini hanya berbelanja mengikut kemampuan berbeza dengan Najib yang mahu melakukan pelbagai projek sehingga sanggup berhutang.

"Saya ini secara peribadi memang kedekut. Bila saya belanjakan duit, belanjakan setakat yang kita mampu. Setakat yang ada duit kita buat. Tapi kalau tiada duit, hutang, itulah cara Najib. Dia nak buat semua," tambahnya.

Calon Perdana Menteri PH itu bagaimanapun mengakui projek kilang besi Perwaja Steel sebelum ini mengalami kerugian tetapi menganggap hal tersebut sebagai lumrah perniagaan.

"Ya. Rugi. Perniagaan ada untung, ada rugi. Proton satu masa ada rizab RM400 juta tapi apabila bertukar pengurusan, hilang semua dah. Satu sen pun tak tinggal.

"Kita dulu bangunkan negara ini sampai dunia panggil Malaysia ini sebagai Asian Tiger," ujar Pengerusi PPBM itu lagi.

Masalah air, pembangunan bakal tumbang kerajaan Pas

TANAH MERAH: Masalah bekalan air yang berlarutan dan kelembapan pembangunan boleh menjadi punca kejatuhan kerajaan Pas Kelantan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang kata Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa.

Husam mengulas dakwaan Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah yang mendakwa wujud kerjasama antara Umno dan AMANAH untuk menjatuhkan kerajaan Pas di negeri itu.

"Saya nak jawab Nik Amar yang kata AMANAH nak jatuhkan kerajaan Pas di Kelantan.

"Saya sudah beratus kali sebut, Pas Kelantan ini kita tidak payah jatuhkan kerana ia akan jatuh dengan sendiri... dengan masalah air yang tak selesai, masalah pembangunan dia nak perlahan.

"Kalau kerajaan Pas jatuh, itu sudah natural, bila rakyat tolak dan bukan sekali ini kerajaan Pas Kelantan (pernah) jatuh," katanya ketika merasmikan pelancaran jentera pilihan raya Pakatan Harapan Tanah Merah, dekat sini, baru-baru ini.

Husam juga membidas Pas Kelantan kerana cuba mengalirkan rakyat apabila mendakwa memiliki sumber kewangan yang cukup untuk mentadbir tetapi anehnya, kerajaan negeri terpaksa meminta 'sedekah' daripada kerajaan pusat.

"Kalau kerajaan BN tak beri duit, (kerajaan negeri) nak bayar gaji (kakitangan awam negeri) pun tak cukup, kena minta sedekah dengan kerajaan pusat.

"Jangan kelirukan rakyat, kata kerajaan Kelantan cukup duit kerana defisit belanjawan mengurus pada tahun lepas sahaja RM100 juta yang dibayar kerajaan pusat.

"Bila kerajaan pusat bagi duit, maknanya duit tak cukup. Dari satu sudut, perkara ini tak perlu diperbesarkan kerana itu tanggung jawab kerajaan pusat tapi dari satu sudut lain, kerajaan negeri kena mengaku duit tak cukup," jelasnya lagi.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Tiada seorang pun penyeleweng dana NFC dihukum

“ Saya pasrah dan apa pun hukuman yang telah dan akan dijatuhkan ke atas saya, saya dan keluarga saya akan redha dan menerimanya dengan baik. Kami tenang kerana kami tahu kami telah menjalankan amanah kami.”

ANDA mungkin kenal saya. Nama saya Rafizi, umur 40 tahun. Seperti juga anda, saya ada anak, isteri dan mak ayah.

Sebentar tadi, pada hari ini, 7 Februari 2018, hakim Zamri Bakar telah mendapati saya bersalah dalam kes NFC. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman 2.5 tahun penjara. Termasuk 1.5 tahun hukuman penjara untuk kes OSA, saya kini berkemungkinan besar akan berhadapan 4 tahun penjara.

Saya ada 13 kes mahkamah yang sedang berjalan, tetapi kes NFC inilah yang memulakan segala-galanya. NFC adalah skandal pertama yang saya dedahkan. Sekarang semua orang tahu mengenai lembu dan kondo, bila mana sebahagian besar dari RM250 juta dana awam yang sepatutnya sampai untuk penternak miskin, akhirnya digunakan untuk membeli kondominium mewah dan membiayai perniagaan lain.

Kes ini telah berlalu 6 tahun, sebahagian besar dari rakyat telah pun melupakannya. Begitulah sifat kita – kita mudah lupa.

Dalam setiap skandal penyelewengan, ada orang yang tidak akan lupa kerana

mereka menanggung kesannya. Mereka menjadi mangsa bila masyarakat membiarkan rasuah berleluasa.

Ketidakadilan yang berlaku adalah nyata – saya tidak mengambil satu sen pun duit rakyat, tetapi saya dan kerana bank yang menghabiskan banyak masa di dalam kendang tertuduh.

Tidak ada seorang pun dari mereka yang terlibat dengan skandal NFC yang dihadapkan ke muka pengadilan. Yang kena dakwa adalah saya dan abang Johari, bukannya mereka.

Jutaan lagi rakyat Malaysia turut menanggung beban bila kegagalan NFC tidak dihukum. Harga daging lembu semakin mahal dan kebelakangan ini banyak keluarga tidak mampu pun untuk menikmati daging lembu.

Dana awam RM250 juta sebahagian besarnya hilang begitu saja.

Saya telah jalankan amanah saya. Saya tidak menyesal sedikit pun.

Jika anda ada sedikit rasa marah dan kecewa kerana ketidakadilan ini berlaku, maksudnya anda peduli. Anda benci den-

gan ketidakadilan yang berlaku di sekeliling anda.

Janganlah biarkan rasa marah dan kecewa itu padam secepat ia datang. Perubahan bermula dengan kita.

Saya tidak perlukan simpati dari sesiapa, ini pilihan yang saya buat.

Cuma saya nasihatkan anda turut memilih untuk bertindak, kerana apabila kita sama-sama peduli dan bertindak, kita boleh mengubah keadaan masyarakat.

Saya perlukan anda menjadi sukarelawan. Saya perlukan sumbangan anda membantu biayaramai (crowdfunding) supaya lebih ramai boleh bertindak bila ketidakadilan berlaku.

Saya dahulu bermula begitu. Saya tidak boleh menafikan naluri bahawa skandal NFC itu satu penyelewengan dan ketidakadilan yang nyata.

Sementara itu, mari kita berganding bahu untuk menghentikan semua ketidakadilan ini.

Bertindaklah sekarang:

Anda boleh menyumbang kepada dana membayar denda hukuman secara online



PENDAPAT
RAFIZI RAMLI

di bit.ly/contributeNOW, atau

Anda boleh menyumbang terus ke akaun Maybank INVOKE: INVOKE Solutions Sdn Bhd

5622 0964 0698, atau

Jika anda mahu menyumbang dari luar negara, boleh menghantar sumbangan menggunakan kod bank MBBEMYKL 62209, atau

Anda boleh membeli bahan kempen, buku, pelbagai t-shirt, topi dan payung di <https://shop.invokemalaysia.org/>

Paling penting, anda perlu menjadi sukarelawan untuk membantu menumpaskan Datuk Seri Najib dalam pilihan raya akan datang.

Daftar sekarang di bit.ly/JOMJOININVOKE

■ **Rafizi Ramli ialah Naib Presiden Keadilan dan Ahli Parlimen Pandan.**

Kerajaan tak perlu nafi penurunan kuasa beli rakyat

SAYA mengambil maklum mengenai kenyataan Pengarah urusan rantaian hypermarket popular Mydin, Datuk Wira Ameer Ali Mydin bahawa pengguna tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk perbelanjaan runcit mereka walaupun Malaysia mungkin akan menyaksikan pertumbuhan dalam negara yang kukuh.

Menurutnya, jualan hypermarket terus menyaksikan penguncupan dimana hypermarket dan pasar raya besar di Malaysia yang menguasai 50 peratus pasaran runcit menyaksikan pertumbuhan negatif.

Jelasnya, pada suku pertama, KDNK Malaysia meningkat sebanyak 5.6 peratus manakala jualan runcit menyusut seban-

yak 1.2 peratus dan jualan hypermarket pula menguncup sebanyak 4.8 peratus.

Kenyataan Datuk Wira tersebut secara jelas telah mengesahkan apa yang diperkatakan semua pihak sebelum ini iaitu rakyat terbeban dengan kos sara hidup yang meningkat sehingga tidak mempunyai kuasa untuk membeli.

Malah, kenyataan beliau itu juga menjadi fakta yang menjawab penutupan pasaraya besar seperti Giant akhir tahun lalu. Rakyat kini lebih berhati-hati untuk berbelanja ekoran harga barang yang semakin mahal ditambah pula dengan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)

Untuk makluman, sebelum ini syarikat Mydin telah bekerjasama dengan projek Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M), namun ia

tidak bertahan lama kerana menurutnya pasaraya Mydin mengalami kerugian lebih RM100 juta disebabkan keadaan ekonomi yang menekan rakyat.

Keadaan kos sara hidup yang tinggi ini bukan sahaja memberi kesan kepada peniaga semata-mata sebaliknya memberi kesan berantai kepada pekerja di syarikat tersebut kerana untuk menampung kerugian yang dialami, Mydin terpaksa melaksanakan pemotongan kos yang sangat ketat secara besar-besaran, dan tidak mengambil pekerja baru serta tidak menaikkan gaji pekerja.

Kesimpulannya menteri kerajaan Umno usahlah menafikan lagi tentang realiti bebanan kos hidup rakyat apabila pemain industri sendiri telah mengakui hal tersebut.



PENDAPAT
LEE CHEAN CHUNG

■ **Lee Chean Chung ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semambu dan Ketua Penerangan Angkatan Muda Keadilan (AMK).**

Mara dan kementerian perlu beri penjelasan

Dakwaan rasuah hartanah di Melbourne

KUALA LUMPUR: Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan kerajaan digesa segera menjelaskan dakwaan media asing berhubung rasuah membabitkan pembelian hartanah di Melbourne, Australia.

Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brid Jen (B) Datuk Mohd Arshad Raji berkata, pendedahan akhbar Sydney Morning Herald (SMH) bertarikh 27 Jan bahawa wujud kegiatan rasuah membabitkan pembelian sebuah hartanah di Australia adalah satu dakwaan serius.

"Patriot dan semua rakyat Malaysia sedang menunggu Pengerusi Mara dan menteri bertanggungjawab agar segera membuat pernyataan balas terhadap laporan SMH.

"SMH melaporkan dana awam dari Malaysia berjumlah A\$18.3 juta telah masuk ke dalam saku para konspirator, pegawai-pegawai perasuah dari Malaysia.

"Skandal ini melibatkan penilaian berlebihan ke atas bangunan pangsapuri kota 280 bilik, UniLodge yang mana Mara didakwa terbabit," ujarnya dalam satu kenyataan.

Bagaimanapun beliau kesal kerana laporan media asing itu tidak mendapat reaksi balas daripada pengerusi dan menteri yang dipertanggungjawabkan.

"Mengapa senyap sunyi berhubung skandal yang didakwa ini? Di manakah akauntabiliti?

"Akal dan etika yang baik menuntut menteri bertanggungjawab supaya segera membuat pernyataan bagi menanggapi laporan SMH ini.

"Rakyat Malaysia menuntut siasatan menyeluruh dan pencerahan yang jelas mengenai apa yang berlaku. Mereka yang disiasat mesti melepaskan semua jawatan yang sedang disand-

ang," tegas beliau.

Mohd Ashad juga menggesa pihak-pihak terbabit dengan urusan rasuah itu dibawa ke muka pengadilan dan menerima hukuman sewajarnya.

Tambah beliau, Patriot mengingatkan kerajaan bahawa dana awam mesti dibelanjakan secara berhemah demi kebaikan rakyat.

"Pembelian apa-apa barang, kelengkapan, dan bangunan, pada harga melampau (overinflated prices) tidak boleh diterima.

"Kami menghimbau laporan yang mengejutkan pada tahun 1982 oleh Ketua Audit Negara mengenai harga belian sebungkus mee segera pada harga RM-4.00 sedangkan harga pasaran pada masa itu hanya 30 sen.

"Sejak itu, laporan tahunan ketua audit terus menerus mendedahkan pernyataan yang mengejutkan berhubung penyalah-

gunaan kuasa," katanya.

Menurut beliau, tindakan tidak masuk akal oleh jabatan-jabatan kerajaan dan penjawat-penjawat awam yang membuat pembelian pada harga melampau mesti dihentikan serta-merta.

SMH melaporkan Mara telah membeli sebuah bangunan di Jalan Swaston, Melbourne pada harga yang tinggi berbanding harga pasaran.

Sejurus transaksi pembelian hartanah itu dibuat, wang berjumlah RM10.05 juta (A\$3.2 juta) telah dimasukkan ke dalam akaun bank peribadi seorang bekas pengerusi Mara Inc.

Mara memiliki empat hartanah mewah di Australia iaitu 7-13 Dudley Street, Caulfield East, Melbourne; 333 Exhibition Street, Melbourne; 51 Queen Street, Melbourne dan 746 Swanston Street, Carlton, Melbourne.

Madrasah Aljunied Singapura lantik mudir wanita pertama

SINGAPURA: Madrasah Aljunied, institusi pendidikan Islam terulung di Singapura mencatat sejarah penting sepanjang 91 tahun penubuhannya apabila melantik mudir wanita pertama awal tahun ini.

Ustazah Khairiana Zainal Abiden menjawat naib pengetua Madrasah Aljunied Al-Islamiah selama sembilan tahun sebelum dilantik sebagai pengetua atau mudirah.

Khairiana mula berkhidmat sebagai guru matematik di Madrasah Aljunied sekitar 20 tahun lalu, mula menerajui pucuk pimpinan institusi yang bertapak di Victoria Lane itu bermula Januari ini.

Sebagai pengetua ke-14 Madrasah Aljunied, Ustazah Khairiana berkata, misi dan visi institusi tersebut tetap sama iaitu melahirkan pemimpin agama yang berkualiti tinggi.

Madrasah Aljunied kini mempunyai 670 pelajar dan 50 guru.

Dalam era moden hari ini, wanita berwawasan berusia 45 tahun itu mahu me-



Khairiana Zainal Abiden

rubah pendekatan yang diambil untuk memastikan pelajar kelahiran Madrasah Aljunied mengikut peredaran masa.

"Pemimpin agama yang datang dari-

pada Madrasah Aljunied akan lebih relevan, canggih, progresif, berilmu dan bukan sahaja mahir dalam bidang akademik berbentuk ukhrawi sahaja, malah bidang-bidang lain juga," ujarnya positif.

Ibu dua anak yang mempunyai latar belakang sekular itu tidak menyangka diberi kepercayaan menggalas tanggungjawab berat tersebut.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Tanjong Katong Teknikal dan Maktab Rendah Nanyang itu terpanggil berkhidmat menjadi guru matematik di Madrasah Aljunied ekoran komen 'pedas' yang dilemparkan seorang mahasiswa.

Rakannya itu dilaporkan berkata, tiada guna membuang masa mengajar di madrasah kerana madrasah tiada masa depan.

"Saya rasa seakan 'terpukul' dengan kata-kata tersebut.

"Jika bukan kita yang ke hadapan untuk memelopori usaha ini, siapa lagi? Justeru saya menyahut cabarannya dan mula berkhidmat di Aljunied," kata lulusan Sarjana Muda Matematik NUS itu dalam wawancara dengan *BeritaHarian.sg*.

Lelaki rempuh jemaah masjid disabitkan membunuh

LONDON: Lelaki yang merempuh sekumpulan jemaah masjid dengan van pada 19 Jun tahun lalu disabitkan kesalahan membunuh oleh mahkamah, lapor *Aljazeera*.

Seorang terbunuh dan 10 lagi cedera apabila van dipandu Darren Osborne melanggar pejalan kaki yang keluar daripada sebuah masjid selepas solat Tarawih di Finsbury Park, utara London.

Dalam kejadian itu, lapan orang telah dibawa ke tiga hospital berasingan dan dua orang dirawat di tempat kejadian kerana cedera ringan.

Sebelum kejadian, Osborne digam-

barkan sebagai 'gila' dan dihalau keluar dari sebuah pub kerana mengecam umat Islam serta mengancam 'mahu melakukan sesuatu'.

Menurut *Daily Mail*, Osborne, 47, yang mempunyai empat anak menyewa van dengan harga £80 sehari di South Wales sebelum melakukan rempuhan itu.

Dia memandu van itu menaiki laluan pejalan kaki sebelum merempuh sekumpulan jemaah Islam yang sedang keluar dari masjid.

Dalam kejadian itu, Makram Ali, 52, meninggal dunia di depan anak pere-

mpuannya berusia 26 tahun. Seorang remaja lelaki 17 tahun koma akibat rempuhan van itu.

Polis mengesahkan 11 orang cedera, seorang kritikal dan seorang meninggal dunia akibat kejadian itu.

Menurut saksi, Osborne menjerit "saya akan bunuh orang Islam, saya jalankan tugas saya" ketika dia diberkas orang ramai.

Ibunya, Christine Osborne, mengutuk perbuatan anaknya itu manakala adik perempuan beliau memohon maaf atas perbuatan abangnya.

Pengunjung sebuah pub di Hollybush,

Pentwyn, Cardiff, berkata Osborne amat mabuk pada malam kejadian.

"Dia bagaikan hilang akal, menyumpah orang Islam dan berkata akan melakukan 'kerusakan'," katanya.

Osborne, mekanik yang menganggur dikatakan mahu membalas dendam terhadap kejadian rempuhan van dan tikaman oleh tiga lelaki Islam di Jabatan London.

Dia yang tinggal dalam khemah selama dua minggu selepas berpisah dengan isterinya, Sarah Andrews, 42, dikatakan tertekan dengan kehidupannya.

Batal persempadanan semula jika pilihan raya telus

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dicabar membatalkan semua persempadanan kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) jika benar sistem pengundian telah ditambah baik menjadi lebih telus dan tidak memungkinkan berlaku penipuan.

Naib Presiden Keadilan Shamsul Iskandar Mohd Akin berkata, persempadanan semula yang dilakukan SPR jelas tidak mengikut prinsip-prinsip asas persempadanan di dalam perlembagaan serta bersifat

perkauman.

Najib baru-baru ini mendakwa sistem pengundian yang ada sekarang jauh lebih baik berbanding ketika zaman bekas perdana menteri Tun Mahathir Mohamad.

Beliau turut menyifatkan tindakan Dr Mahathir dan Pakatan Harapan (PH) mengadu kepada diplomat Kesatuan Eropah serta menuntut kehadiran pemantau antarabangsa dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang sebagai tindakan tersepit dan cubaan untuk mendapatkan

bantuan kuasa asing.

Shamsul Iskandar menambah, kenyataan yang dibuat Najib kononnya tiada penipuan yang akan berlaku pada PRU14 sebenarnya sarat dengan sandiwara.

Shamsul Iskandar yang juga Ahli Parlimen Bukit Katil berkata, menjadi satu rahsia umum bahawa pelbagai helah dan taktik kotor sedang giat direkayasa sebelum berlangsungnya PRU14.

"lanya termasuklah dengan rancangan persempadanan semula yang ternyata berat

sebelah, bersifat perkauman dan melanggar amalan demokrasi sihat.

"Saya telah membuat laporan polis hasil penelitian Rang Daftar Pemilih Tambahan yang terbaru menunjukkan pemindahan pengundi secara terancang bila mana ratusan pengundi menggunakan alamat palsu untuk berada di lokaliti yang tidak mereka diami.

"Ini jelas adanya usaha untuk memenangi semula Parlimen Bukit Katil dengan helah yang jahat," ujarnya.

Individu buat laporan RoS bukan wakil Pemuda, Srikandi PPBM Klang

KUALA LUMPUR: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Klang menafikan dua individu yang membuat laporan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) 5 Feb lalu adalah wakil sayap parti berkenaan.

Ketua Bahagian PPBM Klang Datuk Dr Rais Hussin Mohamed Ariff berkata, dakwaan Mohd Khairol Faizal Mohd Nordin dan Juliana Mansor kononnya mereka ahli PPBM yang sah adalah tidak benar sama sekali.

"Mereka berdua tidak mewakili PPBM Bahagian Klang atau sayap-sayapnya, malahan didapati Mohd Khairol Faizal Mohd Nordin bukan ahli PPBM yang berdaftar sebagai ahli di bahagian Klang.

"PPBM Bahagian Klang ingin menafikan kenyataan Mohd Khairol dan Juliana Mansor terhadap PPBM yang gagal mematuhi perlembagaan parti," ujarnya dalam satu kenyataan 6 Feb lalu.

Dr Rais Hussin yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) PPBM menjelaskan, Mohd Khairol yang mendakwa sebagai ketua pemuda bahagian telah meletakkan jawatan pada 10 Nov 2017 lalu dan Juliana yang mengaku sebagai ketua Srikandi Bahagian Kelang sedang dalam pemantauan Lembaga Disiplin

parti di atas beberapa isu membabitkan dirinya.

Mohd Khairol dan Juliana mengemukakan aduan kepada RoS berhubung perhimpunan agung tahunan parti itu pada 30 Dis lalu yang didakwa melanggar ketetapan perlembagaan parti.

Mereka mendakwa perhimpunan agung pertama PPBM itu bercanggah dengan perlembagaan parti kerana dibuat tanpa perwakilan peringkat bahagian.

Dr Rais Hussin menjelaskan, parti itu tidak mengadakan persidangan peringkat bahagian kerana belum ada satu cawangan pun yang telah berdaftar dengan RoS termasuklah bahagian Klang.

Katanya lagi, RoS tidak memberikan sebarang nasihat yang jelas, melainkan sepucuk surat bertarikh 19 Dis 2017 yang meminta PPBM melaksanakan Perhimpunan Agung menurut perlembagaan parti.

Mesyuarat itu telah dihadiri Pengerusi Tetap, Timbalan Pengerusi Tetap, Ahli Majlis Tertinggi dan perwakilan dari 137 bahagian.

AGM parti itu, katanya telah diadakan selaras dengan keperluan Akta Pertubuhan 1966 dan juga perlembagaan parti.

Mahfuz minta tempoh untuk pilih parti

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar meminta tempoh sehingga pertengahan Mac bagi menentukan parti politik yang bakal disertai olehnya namun menegaskan komitmen untuk bersama Pakatan Harapan (PH) bagi melakukan perubahan politik negara.

Dalam satu kenyataan media, bekas naib presiden Pas itu berkata, walaupun telah meninggalkan Pas, beliau masih berbincang dengan rakan-rakan dalam Pas bagi mengatur strategi untuk membolehkan ahli dan penyokong parti itu menyokong PH.

"Mutakhir ini banyak pihak sama ada parti politik, NGO, media atau pun orang perseorangan tatkala menghubungi saya sering bertanya dengan soalan 'cepu emas' bila saya akan isytihar menyertai mana-mana parti politik atau terus kekal sebagai ahli parlimen bebas.

"Saya amat memahami persoalan dan tumpuan yang banyak dari berbagai pihak dengan mengharap agar saya segera mengumumkan dan memuktamad pendirian serta kecenderungan politik saya untuk masa kini dan akan datang," ujarnya.

Menurut Mahfuz, pendirian beliau cukup jelas untuk bersama PH kerana terlibat pada awal pembentukan pakatan politik itu.

Malah beliau turut hadir pada sidang meja bulat yang membawa kepada pembentukan PH sejak masih menjadi ahli Pas.

Oleh kerana itu, beliau mengakui tidak kekok memenuhi jemputan program yang dianjurkan PH atau parti komponen PH bagi menggerakkan kesedaran rakyat agar menolak Umno-BN dan memastikan peralihan kuasa berlaku kepada PH pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Insya Allah saya akan terus bersama PH bagi mencipta sejarah baru politik Malaysia tanpa kuasa politik Umno-BN yang telah melingkupkan negara selepas PRU ke-14 nanti.

"Justeru itu, persoalan sama ada saya akan menyertai mana-mana parti komponen PH atau kekal sebagai wakil rakyat bebas dan pendukung PH tanpa parti akan saya umumkan dalam tempoh 45 hari dari sekarang," katanya dalam satu kenyataan 1 Feb lalu.

Kes Indira Gandhi sentuh isu jagaan anak

Oleh **HUSIN MAHAT**

KUALA LUMPUR: Kes melibatkan anak-anak Indira Gandhi sebenarnya bukanlah kes murtad atau keluar daripada Islam tetapi sebenarnya kes menukar agama anak-anak secara unilateral.

Malah kes ini melebar sehingga membawa kepada pemisahan anak-anak bawah umur termasuk bayi yang ketika itu baru berusia 11 bulan daripada ibu biologi mereka yang sah, kata ketua penerangan Wanita Pakatan Harapan (PH) Aiman Athirah Aljundi.

Sehubungan itu, beliau menasihati pihak-pihak tertentu termasuk Timbalan Presiden Ikatan Muslimin Malaysia (Isma) Aminuddin Yahaya agar memahami terlebih dahulu fakta kes sebelum membuat ulasan yang dikhuatiri boleh mengeruhkan lagi keadaan.

"Mengulas tanpa memahami fakta sebenar kes seperti ini hanya menimbulkan salah faham dalam masyarakat dan pergeseran antara agama.

"Adalah lebih baik ummat Islam dan institusi dakwah yang ada menumpukan kepada usaha konstruktif agar insiden-insiden seperti ini yang hanya memberi imej hodoh kepada Islam diperbaiki dan diuruskan sehikmah dan sebijaksana yang boleh," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam perkembangan berkaitan Indira tidak kisah jika anak perempuan bongsunya Prasana Diksa mahu kekal menjadi seorang Islam, walaupun Mahkamah Persekutuan me-

mutuskan untuk membatalkan penukaran agamanya.

"Saya tidak kisah apa pun agama yang Prasana pilih. Dia boleh kekal jadi orang Islam jika dia mahu.

"Saya cuma mahu dia kembali ke pangkuan saya. Saya tak tahu macam mana rupa dia sekarang. Hanya waktu dia kecil.

"Adilkan perkara itu pada saya sebagai ibu? Biarkan dia diambil daripada saya tanpa pengetahuan?" ujarnya dilapor Malay Mail Online.

Sambil menyifatkan agama adalah pilihan individu, beliau mengakui tidak akan campur tangan atau memaksa anaknya menukar agama.

"Saya hanya mahu anak saya balik. Tolong jangan guna agama untuk pisahkan kami," kata Indira.

Indira mengulas gesaan Persekutuan Ulama Malaysia (PUM) yang meminta polis tidak memburu suami dan anak-anaknya, sehingga penyelesaian bersama dicapai.

PUM bimbang sekiranya ia dilakukan, ada kemungkinan akan berlaku konflik antara penganut agama sehingga mungkin berlakunya keganasan dalam masyarakat.

Kenyataan yang dimuat naik di Facebook itu bagaimanapun telah dipadam.

Mahkamah Persekutuan baru-baru ini membatalkan penukaran agama anak oleh sebelah pihak ketika menjelaskan maksud "ibu bapa" dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan yang bermaksud ibu dan bapa.

PM usah gundah gulana jika sistem pilihan raya telus

Saifuddin
Nasution Ismail



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri tidak sewajarnya gundah gulana dengan cadangan membenarkan pemantau pilihan raya antarabangsa memantau proses pilihan raya umum (PRU) di negara ini jika benar-benar yakin dengan ketelusan sistem pilihan raya negara.

Pengarah Pilihan Raya Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, cubaan Datuk Seri Najib Razak untuk beralih bagi menolak syor pemantau pilihan raya antarabangsa hanya akan menimbulkan kecurigaan.

"Saya meneliti kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang menyatakan sistem pengundian telah ditambah baik oleh Suruhanjaya Pilihan

“ Jikalau pilihan raya dilakukan dengan telus, usahlah risau gundah-gulana dengan adanya pemantau pilihan raya dari luar negara kerana cubaan beralih hanya akan menampakkan muslihat yang dibuat... ”

Raya (SPR) dan tidak memungkinkannya akan berlaku penipuan.

"Tetapi apa yang dilihat kini berlaku sebaliknya dengan nama pengundi hilang, penukaran tempat mengundi, SPR membuat persempadanan semula, cubaan melambat-lambatkan pendaftaran pengundi baru dan ini bukannya satu cubaan untuk memenangi pihak Umno BN?"

"Jikalau pilihan raya dilakukan dengan telus, usahlah risau gundah-gulana dengan adanya pemantau pilihan raya dari luar negara kerana cubaan beralih hanya akan menampakkan muslihat yang dibuat," tegasnya.

Saifuddin berkata, SPR sememangnya bekerja keras dan nampak 'telus' sehinggalah badan itu digunakan semaksimum

untuk memenangi Umno BN. Beliau memberi contoh mudah bagaimana pengundi di kawasan parlimen Pekan yang diwakili Najib meningkat secara mendadak daripada 58,217 pengundi pada PRU 2008 kepada 80,260 pengundi pada PRU 2013.

"Angka siapakah hal seperti ini boleh berlaku?" soal beliau.

Pakatan Harapan, katanya tidak akan diam membisu dan akan terus komited untuk memastikan PRU negara pada kali ini dapat dijalankan secara telus dan bersih.

"Prinsip-prinsip ini seharusnya diamalkan oleh SPR bagi memastikan sistem pendemokrasian negara dapat berjalan dengan lancar," tegas Saifuddin.

Mengapa bimbang pemantau antarabangsa jika proses pilihan raya telus?

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak perlu bimbang untuk menjemput pemantau antarabangsa pada pilihan raya umum (PRU) bagi memastikan ia berjalan dengan bersih, bebas, adil dan berwibawa.

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0) berkata, pemantau pilihan raya antarabangsa akan memberi keyakinan kepada rakyat terhadap integriti dan kebolehppercayaan proses pilihan raya negara.

"Pemantauan pilihan raya adalah asas sebuah demokrasi yang progresif. Sejak dua dekad

yang lepas, jutaan rakyat dari lebih 90 buah negara telah membenarkan pemantauan pilihan raya secara sah dan secara bebas.

"Bersih 2.0 mencabar SPR untuk menjemput pemantau antarabangsa dan membenarkan pemantau dalam negara kepada badan-badan yang bebas jikalau SPR benar-benar yakin dengan kebersihan dan keadilan proses pilihan raya di Malaysia," kenyataan Bersih 2.0 itu dipetik.

Dalam perkembangan berkaitan, Bersih 2.0 terkejut dengan kenyataan Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Mahdzir Khalid

yang menganggap kehadiran pemantau pilihan raya umum antarabangsa tidak diperlukan.

Menteri Pendidikan itu memberikan alasan bahawa sistem PRU yang diguna pakai hampir sama dengan sistem di negara-negara lain justeru tidak memerlukan pemantauan.

"Kenyataan itu jelas menunjukkan keketatan pemahaman beliau terhadap demokrasi dan proses pilihan raya. Hari ini, pemantauan pilihan raya adalah satu 'amalan terbaik' (best practice) pilihan raya di seluruh dunia.

"Cuma negara yang tidak

demokratik akan menghalang pemantauan atau memanipulasi operasi pemantauan," kata kenyataan itu.

Pada masa ini, antara negara yang mengamalkan sistem PRU seperti di Malaysia adalah Indonesia, Bangladesh, Pakistan, Nepal, Kenya, Myanmar, Filipina dan sebagainya.

"Negara-negara ini membenarkan pemantauan pilihan raya kerana, mereka faham akan keperluan menjaga dan memelihara integriti PRU di negara mereka.

"Bahkan ini juga menunjukkan keterbukaan negara-negara terse-

but untuk belajar dari kelemahan yang sedia ada ke arah sebuah sistem yang lebih cekap dan berkesan.

"Suka kami mengingatkan Datuk Seri Mahdzir Khalid bahawa Malaysia sendiri pernah menjemput badan bebas daripada luar negara untuk memantau PRU di Malaysia sekitar tahun 90-an," ujar Bersih 2.0.

Mengulas lanjut, Bersih 2.0 turut menjemput orang ramai untuk melaporkan insiden berkenaan kesalahan dan penipuan pilihan raya di laman web Pemantau di pemantau.org.

SPR sedia undang pemerhati antarabangsa tinjau proses PRU14

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengundang pemerhati pilihan raya antarabangsa bagi meninjau ketelusan proses pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang sepertimana yang dilakukan pada PRU terdahulu, kata Pengerusi SPR Tan Sri Mohd Hashim Abdullah.

Beliau berkata SPR juga melantik wakil-wakil badan bukan kerajaan (NGO) tempatan sebagai pemerhati di samping pemerhati tetap yang terdiri daripada wakil-wakil calon yang juga merupakan anggota daripada parti-parti yang bertanding.

Untuk pengetahuan, pada PRU ke-13 yang lepas, SPR telah mengundang pemerhati pilihan raya antarabangsa daripada beberapa negara.

"Pada PRU14 ini juga, SPR akan me-

ngundang pemerhati-pemerhati pilihan raya untuk meninjau ketelusan proses pilihan raya. Mereka ini terdiri daripada pemerhati tempatan dan juga luar negara," katanya dalam satu kenyataan, 3 Feb lalu.

Beliau berkata sistem pilihan raya yang diamalkan di negara ini adalah telus dan adil serta tidak seperti mana yang digambarkan oleh pihak tertentu.

Timbalan Presiden Pakatan Harapan Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini menyaran kerajaan supaya mengundang pasukan pemantau pilihan raya bebas daripada Sekretariat Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memantau perjalanan PRU14.

Mohd Hashim berkata pemerhati tempatan terdiri daripada wakil-wakil NGO atau mana-mana organisasi tempatan

yang layak serta berkecuali dan tidak beralih kepada mana-mana parti politik.

Bagi pemerhati antarabangsa pula, beliau berkata mereka daripada pelbagai negara yang mewakili negara-negara Komanwel, Asean dan lain-lain.

Mohd Hashim menjelaskan pemerhati tetap daripada parti-parti yang bertanding akan bertugas sebagai pemerhati barung untuk semakan SPR, Ejen Tempat Mengundi (ETM) yang bertugas sebagai pemerhati dalam tempat mengundi semasa proses pengundian berlangsung dan Ejen Mengira Undi (EMU) yang bertugas sebagai pemerhati semasa proses pengiraan undi dijalankan.

Beliau berkata wakil/ejen ini berperanan penting sebagai pemerhati dan pemantau bagi setiap proses pengundian dan pe-

ngiraan yang berlaku di Tempat Mengundi (saluran) secara langsung kerana mereka berada di dalam bilik pengundian dan pengiraan undi sepanjang masa iaitu dari awal pusat pengundian dibuka hinggalah kepada pengiraan kertas undi dijalankan.

"Bukan sahaja proses yang berlaku di dalam tempat mengundi bahkan di luar tempat mengundi juga terdapat ejen calon yang bertugas sebagai ejen pemerhati barung semakan daftar pemilih dan segala proses pilihan raya yang berlaku di dalam dan luar tempat mengundi itu adalah dalam pengetahuan mereka," katanya.

Sehubungan itu, Mohd Hashim berkata SPR akan memastikan semua calon yang bertanding pada PRU14 akan menghantar wakil/ejen mereka bertugas semasa proses pilihan raya itu dijalankan.



Perwakilan empat parti gabungan PH memenuhi dewan konvensyen

Oleh MOHD ALI HASHIM

PERMATANG PAUH: Ribuan pendokong Pakatan Harapan (PH) menghadiri Konvensyen PH di Seberang Jaya, dekat sini, 4 Feb lalu menandakan kesediaan gabungan parti politik itu untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) ke-14 yang bakal berlangsung pada bila-bila masa dan komitmen tinggi bagi mempertahankan kerajaan PH negeri.

Kehadiran empat warna parti tunggak yang mendokong PH memenuhi Dewan SP Arena dengan laungan 'reformasi, takbir, lawan tetap lawan, bebas Anwar' dan 'tolak BN'.

Dewan konvensyen menjadi rancak dengan kehadiran Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad, Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Timbalan Presiden PH Lim Guan Eng dan Mohamad Sabu.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Pulau Pinang, Marzuki Yahya ketika berucap menyarakn agar rakyat memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada PH.

Malah katanya, semua pihak tidak harus mengikut sentimen dan emosi, sebaliknya mengutamakan usaha untuk membebaskan negara dari cengkaman Umno dan BN.

"Kita tidak harus mengikut sentimen dan keutamaan harus diberikan dalam usaha menyelamatkan negara tercinta.

"Manakala wang dan 'dedak' yang menjadi pertuaran setiap kali menjelang pilihan raya umum bukan keutamaan yang diperjuangkan oleh PH.

"Sifat kebencian tidak harus ditanam, sebaliknya sifat priatikawan harus diberi prioriti," jelasnya.

Beliau juga berkata, saingan sebenar PH adalah Umno dan BN serta rakan sekutunya dan bukannya sesama komponen dalam PH.

"Dulu ada parti yang mengkafirkan orang Umno, tidak boleh makan sembelihan orang Umno dan pelbagai lagi perkara.

"Sebaliknya kini mereka ini pula yang menjadi tongkat untuk menyambung hayat Umno.

"Namun begitu PH tidak merelakan parti sedemikian untuk terus memperalatkan agama untuk kepentingan politik sempit mereka," katanya.

Sementara itu Pengerusi AMANAH Pulau Pinang, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa pula berkata, perjuangan asas yang terbentuk kini adalah kerana pengalaman memperjuangkan hak rakyat sehingga menyebabkan Datuk Seri Anwar Ibrahim merengkok dalam penjara.

"Perjuangan ini bukan sesuatu yang mudah, sebaliknya memerlukan pengorbanan yang besar.

"Kita mesti lihat perjuangan agenda yang dah lama diperjuangkan, perlu ada jiwa besar serta berlapang dada sekiranya serius untuk meraih kejayaan.

"Semua pihak mesti perlu berkorban dengan rasa jujur dan tanggungjawab tanpa adanya perasaan 'bebal' ujarnya.

Katanya lagi, Umno Pulau Pinang mesti dibenarkan 'berpencer' menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Namun begitu untuk memastikan kemenangan ini tidak harus ada mana-mana pihak yang bijak hanya menuding jari.

"Sebaliknya perlu berbincang, besar hati untuk menang serta bersungguh-sungguh.

"Kesungguhan ini mampu untuk memenangkan PH bagi merebut kesemua baki 10 kerusi Umno yang ada di Pulau Pinang," tegasnya lagi.

Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan negeri Datuk Mansor Othman pula menegaskan semangat yang ada daripada empat komponen dalam PH perlu digilap dan dipertahankan.

"Sejak 2008 lagi pakatan senantiasa bersama bagi menumbangkan Umno dan BN.

"Kemenangan yang akan kita capai nanti mampu untuk merealisasikan impian menambah baik sistem kehakiman, pendidikan serta sistem demokrasi yang diamalkan dalam negara.

"Selain itu kita ingin demokrasi yang ada iaitu membawa perubahan kepada SPR agar ia menjadi organisasi yang benar-benar bebas dalam mengendalikan sistem pilihan raya dalam negara," tambahnya pula.

Ucapan bersemangat juga disampaikan oleh Tun Dr Mahathir, Datuk Seri Dr Wan Azizah, Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng serta Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Rashid Hasnon.

Perarakan bendera parti-parti komponen serta negeri-negeri juga turut disempurnakan dengan tepukan gemuruh ribuan hadirin yang hadir sebelum majlis berakhir.

Konvensyen serlah tek



Timbalan Ketua Pemuda AMK (kiri) Dr Afif Bahardin bersama perwakilan Keadilan negeri.



Perwakilan Awan AMANAH negeri diketuai Aida Yusof (kiri).



DR MUJAHID YUSOF



DR MANSOR OT

PH Pulau Pinang adakan lakukakan perubahan

Para pemimpin utama PH di pentas utama konvensyen.



Datuk Seri Mohd Shariff Omar (dua dari kanan) bersama perwakilan PPBM negeri.



Bendera parti-parti gabungan PH diarak masuk ke dalam dewan.



Para perwakilan tekun mengikuti perjalanan konvensyen.



THMAN



MARZUKI YAHYA



Bersama memaparkan 'flash card' PH tanda perpaduan untuk melakukan perubahan.

Sekitar Wacana Tawaran Anak Muda Pakatan Harapan di Kubang Pasu, 2 Februari 2018.

Hanya belia komited dapat dana usahawan

Kelolaan ARIF ATAN

HUKUMAN penjara dua tahun enam bulan ke atas Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli pada 7 Februari lalu bukti jelas ketirisan dana awam mencecah RM250 juta bagi kepentingan golongan penternak miskin seolah-olah direstui.

Rafizi bersalah kerana mendedahkan dokumen penyata baki akaun milik Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) pada 2012 ketika tiada seorang pun daripada pihak yang menyeleweng duit rakyat itu diheret ke mahkamah.

Projek ternakan dengan sasaran pengeluaran sebanyak 38,600 ekor lembu pada 2010 yang gagal dicapai seperti disahkan Laporan Ketua Audit Negara tahun itu menyaksikan duit rakyat diagih membabitkan keluarga



Asmirul

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil ketika menjadi Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Suaminya, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail menjadi Pengerusi Eksekutif NFC manakala anak mereka, Wan Izran Mohamad Salleh sebagai Ketua Pegawai Eksekutif NFC.

Pernah dilapor sebelum ini, sebahagian wang pinjaman modal ratusan juta ringgit itu diguna untuk membeli hartanah di bawah nama Salleh seperti pembelian kondominium mewah di One Menerung, Bangsar.

Justeru, anak muda Pakatan Harapan melalui tawaran menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) berazam untuk memastikan dana awam sampai kepada golongan sasaran jauh sekali diseleweng hanya semata-mata demi tembolok keluarga dan kroni menteri.

Menurut Ketua Pemuda Pakatan Harapan Kedah, Asmirul Anuar Aris, dana berjumlah RM1 bilion untuk anak

muda menceburi bidang keusahawanan akan dipastikan diagih kepada golongan belia yang bersungguh-sungguh dan komited mahu berjaya.

"Kita beri betul-betul kepada individu yang mahu berkaya untuk mwelahirkan lebih ramai usahawan belia lagi. Kebanyakan dana sebelum ini disalurkan kepada keluarga, adik beradik mereka saja tidak mengikut merit.

"Jadi maksudnya jika diberi betul-betul kepada individu yang benar-benar mempunyai merit dan terbukti bagus dalam bidang masing-masing, dana itu akan melahirkan lebih ramai usahawan sebenar," ujarnya dalam wacana anjuran Pemuda Pakatan Harapan Kubang Pasu itu.

Ketua Pemuda AMANAH Kedah berkenaan berkata, polisi kerajaan Umno-BN pada dasarnya bertujuan

baik tetapi pincang daripada segi pelaksanaan.

"Memang Umno-BN awalnya ada hajat begitu tapi pelaksanaannya tidak seperti dirancang. Idea memang ada tetapi idea Pakatan Harapan datang sekali dengan mereformasi institusi," jelasnya dalam program yang turut dihadiri pimpinan Pemuda Bersatu dan PKR itu.

Pada masa sama, Asmirul berkata, golongan usahawan yang dibantu pada peringkat awal melalui agihan dana berkaitan akan cuba dipastikan kemudiannya berdikari seperti apa yang berlaku di Jepun.

"Kaji balik juga sistem dan silibus pendidikan tinggi supaya contohnya mahasiswa perakaunan ada dwi-ijazah supaya graduan tidak terlalu bergantung," tambahnya lagi.

Tawaran populistis, keperluan seiring

Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi (*gambar*) menegaskan Tawaran Anak Muda Pakatan Harapan dipastikan boleh dan mampu dilaksanakan dan bukan sekadar bersifat populistis.

Menurutnya, tawaran seperti siaran langsung perlawanan bola sepak Liga Perdana Inggeris (EPL) diimbangi dengan banyak tawaran lain yang memenuhi keperluan anak muda seperti rumah mampu milik.

"Populis dan keperluan anak muda itu seiring dengan apa yang kita tawarkan. Manifesto kita juga menawarkan keperluan anak muda berkaitan skim perumahan serta pembayaran PTPTN dengan hanya mendapat gaji RM4,000 sebulan.

"Kita boleh tawarkan terlampau populistis, bulan dan bintang tapi adakah apabila rakyat beri amanah, kita dapat dilaksanakan dengan baik?"

"Tawaran kita merangkumi keperluan dan populistis tetapi apa paling penting, kita mampu dilaksanakan apabila rakyat memberi mandat kepada Pakatan Harapan untuk memerin-



tah nanti," katanya yang kali pertama berforum di luar Lembah Kelang.

Timbalan Ketua Pemuda Pakatan Harapan Selangor itu berkata, masalah perumahan mampu milik cukup kritikal apabila kerajaan Umno-BN masih gagal mencari penyelesaian.

"Perlunya kerajaan baru untuk membantu rakyat ketika nilai tanah, harga bahan binaan naik dan terbaru dengan kemasukan syarikat-syarikat dari China yang bermahajaralela di negara kita.

"Pakatan Harapan menyedari banyak faktor lain yang mengekang anak muda untuk memiliki rumah mampu milik. Kalau kita kaji balik, seorang graduan dengan gaji asas sekitar RM1,800 sebulan, bagaimana mahu lepas pinjaman RM500,000?" soalnya.

Beliau berpendapat dengan kadar gaji yang

rendah itu menyukarkan golongan muda memperoleh kediaman sendiri yang selesa dan mengangap sarana kerajaan supaya anak muda bekerja lebih masa dan melakukan dua jenis pekerjaan sebagai mengart.

"Apartment sekitar Selayang pun cecah RM350,000. Kalau nak sewa rumah flat dua bilik RM1,100 sebulan. Kalau kita mahu anak muda berfikir kelas pertama, keperluan mesti cukup seiring dengan apa yang kita mahu.

"Mana mungkin pemikrannya kelas pertama kalau keperluan mereka hanya kelas ketiga. Sardin hari ini pun sudah jadi makanan orang kaya," bidasnya.

Sehubungan itu, Abbas berpendapat syarikat milik kerajaan (GLC) peringkat nasional ataupun negeri perlu dilibatkan dalam membina rumah mampu milik.

"Kalau diberi kepada syarikat swasta, mereka tidak mampu untuk menukarkan banyak margin keuntungan. Di bawah GLC, hal ini sepatutnya boleh dibuat kerana bermatlamatkan demi kepentingan rakyat," tambahnya lagi.

Isi lompong pentadbiran Umno-BN

TAWARAN Anak Muda Pakatan Harapan adalah sebahagian daripada manifesto gabungan keempat-empat parti yang mengisi kelompongan yang diabaikan pentadbiran Umno-BN.

Ketua Penerangan Pemuda Bersatu, **Ulya Aqamah Husamudin** berkata, lima teras dalam tawaran tersebut dirangka bukan sekadar syok sendiri sebaliknya turut dipandu pandangan mereka lebih berpengalaman.

"Ada penglibatan Pemuda Pakatan Harapan. Saya sendiri dimasukkan dalam AJK Manifesto, diharmonikan pendapat dengan orang berpengalaman.

"Banyak perkara yang Pakatan Harapan tawarkan sebab dalam pentadbiran Umno-BN banyak lompong yang lupa diisi disebabkan mereka terlalu lama di tampuk kuasa," tegas Ulya.

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu itu berkata, tawaran merangkumi antaranya berkaitan pekerjaan, gaji setimpal, perumahan dan pendidikan percuma sebenarnya memberi kelebihan kepada rakyat.

Sementara itu, Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Kedah, **Ridzwan Razali** berkata, Insentif Perkahwinan Belia RM500 seorang untuk pasangan berusia kurang 35 tahun bagi perkahwinan pertama dilihat paling menepati



Ulya Aqamah

keperluan anak muda pada masa ini.

"Anak muda ramai kahwin lewat sebab duit tidak cukup. Di Kedah, mengikut kata kawan-kawan saya peguam syariah, ramai kahwin dekat Siam tapi bila balik berdepan macam-macam masalah.

"Soal kahwin ini fitrah. Sekarang kad kahwin pun kena GST. Selesai bab kahwin, selesai juga isu keruntuhan akhlak, buang bayi dan segala masalah sosial lain," ujarnya.

Walau bagaimanapun, Ridzwan menyarankan agar cadangan tersebut ditambahbaik dengan menubuhkan tabung khas bagi membantu pasangan yang untuk melakukan tuntutan kos kenduri.

"Saya rasa cadangan ini tidak melampau. Khairy Jamaluddin pernah sebut, siapa yang bankrap dia akan tolong selesaikan. Kalau kita letakkan agenda kahwin ini sebagai antara agenda utama, Pakatan Harapan

boleh tarik sokongan anak muda," katanya lagi.

Untuk rekod, Pemuda Pakatan Harapan turut menawarkan langkah untuk menurunkan harga jalur lebar sebanyak 50 peratus dan memastikan setiap desa mempunyai akses kepada telekomunikasi 4G disambut majoriti anak muda.

Anak muda juga berpeluang menggunakan pengangkutan awam tanpa had sebaik diperkenalkan kad bagi kemudahan bernilai RM100 sebulan itu jika Pakatan Harapan mendapat mandat di Putrajaya.

Selain itu, anak muda yang menjadi peminjam PTPTN juga hanya perlu melunaskan semula hutang pengajian tinggi itu selepas pendapatan mereka mencecah RM4,000 sebulan.

Pendidikan percuma di universiti awam dengan geran sara diri untuk pelajar miskin dan sederhana turut dilaksanakan jika Pakatan Harapan menang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Apa kata Mahathir kepada anak muda?

Oleh **FAKHRUL RAZI HAMDAN**

Ketika mendapat mesej pesanan jemputan tertutup untuk menghadiri program Bicara Anak Muda Bersama Tun



Mahathir, 3 Februari lalu, tanpa berfikir panjang terus mendaftar. Secara peribadinya ini adalah program bual bicara pertama bersama Tun M yang saya hadir. Saya kongsikan beberapa perkara yang sempat dikutip yang saya yakin tidak semua berpeluang hadir sama ada tidak ingin mengambil peluang atau menolak peluang.

Tun M memulakan bicara dengan menyebut golongan muda adalah idealis yang sentiasa mahukan kebaikan sebaik mungkin manakala golongan tua pula mempunyai pengalaman bahawa banyak yang dikehendaki tidak mungkin tercapai lantaran kefahaman manusia yang berbeza.

Adik beradik kembar sekalipun banyak perbezaan yang wujud. Ini adalah satu penghormatan kepada golongan muda dan boleh menjadi bukti Tun sangat menghargai idea-idea dan pandangan daripada anak muda dan barangkali Tun juga sedia maklum antara yang menentang dan menolaknya hari ini juga adalah dari kalangan golongan muda dek kerana kesilapan silam ketika menjadi perdana menteri selama 22 tahun.

Tumpuan hadirin seterusnya seolah-olah dibawa ke dalam kuliah sejarah apabila Tun menyebut tentang sejarah kemunculan kumpulan-kumpulan ideologi seperti sosialisme dan komunisme dengan menyatakan

kegagalan ideologi-ideologi ini membawa nilai-nilai keadilan kepada masyarakat Barat ketika itu.

Tun menyebut ideologi-ideologi ini hendak membawa nilai kesamarataan dalam kalangan masyarakat yang mustahil untuk dilaksanakan memandangkan banyaknya jurang perbezaan. Akibatnya adalah lebih meningkatkan jurang perbezaan antara miskin dan kaya.

Anak-anak kecil semakin hilang nilai-nilai akhlak dan moral akibat kurang nilai-nilai kekeluargaan diterapkan di rumah. Kesibukan ibu bapa hari ini menyebabkan ibu bapa tidak sempat untuk memberi tunjuk ajar kepada anak-anak hingga menyebabkan mereka diserahkan kepada proses pembelajaran di sekolah semata-mata.

Di sekolah kononnya sudah ada pendidikan agama dan moral tetapi apa yang diajar adalah dimasukkan unsur-unsur politik dan lebih kepada menimbulkan stigma-stigma 'ini baik, itu tak baik' manakala dalam pendidikan agama hanya ditekankan amalan-amalan fardhu ain berkisar ibadat-ibadat individualis tetapi penekanan kepada fardhu kifayah kurang diajar.

Akibatnya, ilmu-ilmu sains, teknologi dan sejarah ini seolah-olah bukan daripada tuntutan agama. Atas sebab perkara inilah banyaknya negara-negara Islam yang dijajah dan dikuasai kuasa-kuasa Barat.

Teringat kritikan Pendeta Za'aba dalam



buku Revolusi Tanpa Budi tidak pernah menang kepada orang yang melakukan kebajikan hanya untuk dirinya sahaja. Umpama sang pengarang kitab yang menulis kitabnya dengan niat untuk menjadikannya sebagai pasport melepaskan diri

daripada azab akhirat kelak sama ada kitab itu bermanfaat atau tidak kepada masyarakat tidaklah dipedulikannya.

Tun memberhentikan bicara awalnya dengan mengungkapkan tentang masyarakat yang berjaya adalah masyarakat yang rajin dan mementingkan sikap amanah dan jujur. Apabila ditanya ahli panel, apa usaha Pakatan Harapan untuk mengatasi pengangguran dalam bidang sains dan teknologi, Tun memfokuskan idea menarik pelaburan asing untuk mendirikan kilang-kilang dan seterusnya membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Kecacatan dalam industri kita adalah sibuk membawa teknologi luar masuk ke dalam negara tetapi produk keluaran negara sendiri tidak boleh masuk ke negara-negara tersebut. Kita sibuk membawa produk-produk luar dalam masa sama kita terlupa untuk memperkasakan bidang-bidang industri dalam negara kita yang kebanyakannya masih bersifat baru seperti industri pemotoran dan teknologi.

Tun menegaskan perlu 'dikahwinkan' yang muda dengan yang tua. Gandingkan idealisme dengan pengalaman dan yang tua jangan menolak idea

orang muda. Barangkali ini satu peringatan dan amaran Tun kepada 'warga tua' supaya jangan pandang lekeh kepada orang muda. Ya, kita boleh lihat di sesetengah peringkat, golongan muda hanya dipergunakan untuk diperah tenaga dan kudrat semata-mata.

Zaman Najib ada 1MDB dan zaman Tun ada kilang besi yang gagal. Dalam perniagaan ada untung ada rugi. Mungkin Tun lupa, boleh jadi Najib menggunakan alasan yang sama juga selepas ini. Kata Tun, Khairy Jamaluddin yang 'tall-dark-handsome' yang dilihat progresif dalam kabinet Perdana Menteri sebenarnya tiada idealisme tetapi dia ada cita-cita.

Usaha Pakatan Harapan adalah fokus memperbaiki ekonomi jika menang mendapat mandat di Putrajaya, menjadikan orientasi import kepada eksport, mmbantu R&D. Ya, Tun mengaku beliau kedekut hanya membelanjakan wang jika ada sahaja.

Harga diri

Apabila Tun melaksanakan Dasar Pandang ke Timur, beliau bukan menyuruh rakyat Malaysia menjadi seperti rakyat Jepun sebaliknya mempelajari dam mengambil contoh dari Jepun, bagaimana sebuah negara yang musnah teruk dalam Perang Dunia Kedua mampu bangkit dalam jangka masa singkat sehingga menjadi negara kedua terbesar kuasa ekonomi dunia. Sifat harga diri dan integriti masyarakat Jepun yang tinggi itu yang sepatutnya dicontohi setiap rakyat Malaysia.

Pada pemahaman saya, berdasarkan jawapan yang Tun berikan kepada yang bertanya berkaitan Wawasan 2020 yang Tun gagaskan dahulu, sama ada diteruskan atau tidak, maka jawapannya tidak. Katanya, laluan yang sepatutnya dilalui untuk mencapai wawasan itu sudah tidak diikuti oleh pemimpin-pemimpin selepas Tun meletak jawatan sebagai perdana menteri dahulu.

Terlepaslah bayangan kanak-kanak yang lahir di era 90-an untuk melihat kereta-kereta terbang seperti yang kami gambarkan pada zaman tadika dan sekolah rendah dahulu jika Malaysia berada pada tahun 2020 nanti. Barangkali, inilah faktor terbesar mengapa Tun 'bengang' sama sekali dengan Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Najib kerana tidak mengikut acuan dan laluan yang Tun tinggalkan untuk mencapai Wawasan 2020.

Ini hanya sebahagian kecil daripada bicara yang berlangsung selama hampir tiga jam. Moderator dan hadirin menjangkakan akan adanya suasana tegang dan panas dalam sesi soal jawab tetapi apa yang terjadi adalah suasana sangat harmoni dan audien yang hadir sangat bertolak ansur walaupun ketika awalnya ramai yang mengasak untuk bertanyakan lebih lagi kepada Tun.

Jika sesiapa yang tidak berkesempatan hadir boleh melihat rakaman Live Facebook yang telah disediakan oleh Media Oren yang sentiasa ada di mana-mana program anjuran Pakatan Harapan. Jujur dikatakan anak muda perlukan lebih banyak program bicara dan wacana seperti ini untuk berdepan dengan nuansa politik baharu di negara ini.

Permainan kita bukan lagi sentimen dan bermain api perkauman tetapi apa yang kita perlukan adalah permainan idea dan perbincangan seperti ini. Setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur serta moderator yang santai dan 'pedas' Dr Maszlee Malek dan dua panelis lain.

Sebagaimana sering dilaungkan, kita perlukan lebih ramai 'Tok Guru Nik Aziz', 'Anwar Ibrahim', 'Rafizi Ramli' maka kita juga perlukan lebih ramai 'Mahathir'. Kita perlukan lebih ramai insan-insan seperti ini untuk menerajui dan mewarisi kepimpinan negara ini. Anak muda bersama Pakatan Harapan.

• **Penulis merupakan Timbalan Pengerusi Mahasiswa AMANAH.**

Mengangkat warisan ilmu SAKTI

Oleh **ARIF ATAN**

Sains dan Matematik dalam Acuan Bahasa Melayu dan Islam merupakan



siri Sarjana Melayu terbitan PTS Akademia yang memuatkan wacana berkaitan bidang sains, kesihatan, kejuruteraan dan teknologi atau akronimnya SAKTI yang kembali ke akar diri.

Istilah SAKTI yang diperkenalkan Dr Shaharir Mohamad Zain seorang ahli Matematik Melayu pada 2002 itu mengajak masyarakat agar kembali untuk mengangkat khazanah ilmu dari rumpun Melayu yang seawal kurun pertama wilayah ini dikenali oleh sarjana Yunani sebagai *Chry Insula*.

Beliau menekankan tentang pentingnya penerokaan kajian etno-matematik di alam Melayu dengan menelaah tinggalan manuskrip yang sebahagiannya berada di universiti di luar negara.

Buku matematik 'Ilmu Hitungan' bertarikh 1826 yang dinyatakan berasal dari Bangkahulu misalnya ditemui dalam senarai manuskrip Melayu di Universiti Leiden.

Menurut Dr Shaharir lagi, manuskrip Melayu yang tertua dalam bidang sains dan matematik daripada Abdul Rahman Kelantan bin Muhammad Samar al-Battul


bertarikh 1828 berkisar tentang ilmu falak.

Kajian tentang unsur matematik pada prasasti serta pelbagai cabang teknologi Melayu sehingga puluhan jenis simplan dan ikatan juga boleh dipadankan dengan teori matematika.

Prasasti berbahasa Melayu purba yang tertua iaitu prasasti Kedu-kan Bukit di Palembang, Sumatera bertarikh 683M misalnya, merakamkan cerita seorang raja berangkat dengan dua laksa (1 laksa = 10,000) bala tenteranya.

Kritikan terhadap Teori Kenisbian dan Kaedah Pengkuantuman mengikut perspektif Islam dan Melayu juga diperincikan dalam buku ini selain perbincangan

berkaitan pendekatan baharu terhadap konsep optimum kini.



Mengisi kekosongan idola kanak-kanak

SEORANG mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar menulis sebuah buku kumpulan biografi 20 orang sasterawan Kedah. Ketika dia menemui saya beberapa bulan dulu dan memberitahu siapa dia dan tujuan dia hendak menulis biografi itu, memang saya terasa pelik dan hairan.

Tujuan dia hendak menyumbangkan buku itu, bersama sekumpulan buku lain, kepada sekolah-sekolah di seluruh negeri Kedah. Itu sumbangan peribadi dia sendiri. Setelah bersara, dan menyedari dia mempunyai sedikit kemampuan, dia mengambil inisiatif untuk menabur kebajikan tersebut kepada anak-anak sekolah di seluruh negerinya. Dan dia telahpun melakukan itu sejak beberapa bulan lalu.

Ketika pertama kali bertemu dan melihat saya agak hairan kenapa seorang doktor veterinar yang setelah bersara

memilih untuk membuat penyelidikan, bertemu penulis dan sasterawan, untuk menulis buku kumpulan biografi sasterawan, dia menjelaskan bahawa dia bukan sahaja menulis mengenai sasterawan tetapi juga mengenai tokoh-tokoh di bidang perubatan, kejuruteraan, tokoh-tokoh ilmuwan dan tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang lagi.

Itulah Datuk Dr Mohamad Azmie Zakaria atau nama pena dan nama facebooknya M.Z. Azmie. Buku pertamanya yang diberi judul "Sasterawan Darul Aman" telahpun terbit dan telahpun disumbangkan ke sekolah-sekolah. Terdapat lebih 700 buah sekolah di negeri Kedah.

Dalam penulisannya dia memang amat mementingkan nama-nama sekolah tempat tokoh-tokoh pilihannya itu belajar, terutamanya di peringkat paling awal. Dia mahu supaya pelajar-pelajar



**Penulis buku Sasterawan Darul Aman",
Datuk Dr Mohamad Azmie Zakaria**

dapat berbangga mengetahui yang sekolahnya adalah sekolah tempat



**TEKAD
BUDAYA
DINSMAN**

Shahnnon Ahmad atau Azizi Hj Abdullah pernah belajar sewaktu mereka kanak-kanak sepertinya dulu.

Dan dalam masa yang sama dia mahu supaya pelajar-pelajar di sekolah rendah lagi sudah mempunyai idola yang terdiri daripada tokoh-tokoh penting negara – sasterawan, jurutera, doktor, profesor dan sebagainya. Apatah lagi kalau tokoh penting negara itu pernah menimba ilmu di sekolah yang sama dengannya di suatu masa dulu.

BERSAMBUNG KE MUKA 21

Perlu mekanisme pentadbiran tangani isu pengislaman sebelah pihak

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

SECARA peribadi, saya tidak bersetuju dengan tindakan mana-mana seorang daripada pasangan suami isteri yang memeluk Islam, kemudian mengambil anak dan mengislamkan anak itu tanpa persetujuan bekas pasangannya.

Tindakan sebegitu mengundang perbalahan antara individu, keluarga dan penganut Islam dengan penganut agama lain. Hal ini turut memalitkan Islam dengan persepsi negatif iaitu paksaan memeluk Islam.

Dari sudut hukum fiqh, memang wujud pandangan ulama yang menghukumkan keislaman seseorang anak di bawah umur berlaku dengan keislaman salah seorang ibu bapanya. Permasalahannya, adakah ia semudah itu?

Misalnya, seorang bapa berhasrat memeluk Islam, lalu dia melarikan anaknya, dia memeluk Islam dan turut mengislamkan anaknya itu, bagaimana dengan ibunya yang tidak Islam yang juga punya hak ke atas anak itu?

Apa pula perasaan seorang ibu muslim jika suaminya menukar agama ke agama bukan Islam dan turut melakukannya terhadap anak mereka? Tentu marah, kecewa dan punya persepsi negatif terhadap individu berkaitan dan agamanya.

Jika kita punya perasaan itu, dan tidak mahu orang lain bertindak begitu kepada agama kita, mengapa kita cuba menafikan perasaan orang lain dan bertindak sedemikian terhadap agama lain?

Bagi orang yang menganut Islam secara sentimen, tidak menilai manusia lain yang tidak seagama dengannya dengan nilai "karamah al-insan", tindakan pengislaman secara sepihak itu dianggap benar sepenuhnya dan pelakunya mungkin dinobatkan pejuang agama.

Tetapi isunya ialah, bagaimana persepsi penganut agama lain terhadap Islam dengan tindakan itu? Mungkin dikata, apa dikira sangat persepsi itu, paling penting Islam mesti menang kerana Islam agama yang benar dan tinggi.

Persoalan yang berbangkit juga, penganut agama lain turut menganggap mereka perlu menang dan agama mereka juga agama yang benar dan tinggi. Semua penganut akan berasa begitu dengan agama yang dipilihnya.

Bagaimana Islam akan berkembang jika persepsi terhadap Islam buruk dan negatif? Bagaimana Islam akan menang dan tinggi jika Islam tidak diminati dan sentiasa dipandang serong?

Selaklah lembaran sejarah, Nabi Muhammad SAW sangat giat mengikis persepsi negatif orang lain terhadap Islam demi kelangsungan dakwah dan kemajuannya.

Nabi Muhammad SAW tidak membunuh Abdullah bin Ubai, kepala munafik kerana bimbangkan persepsi negatif bahawa baginda membunuh sahabatnya sendiri. Padahal Nabi SAW tahu melalui wahyu, itulah musuh Islam paling ketat.

Nabi SAW tidak bertindak kasar terhadap Yahudi yang merentap selendangnya kerana menuntut hutang, tidak membenarkan badwi yang kencing dalam masjid baginda dari diapa-apakan. Bukankah Nabi Muhammad SAW kaya dengan pemeliharaan persepsi terhadap Islam?

Nabi SAW meminta sahabat makan dengan tangan kanan, tidak berlagak sombong, sentiasa berpakaian dan beraambut kemas, sentiasa menebarkan salam, membentangkan selendangnya untuk menjadi alas duduk seorang wanita...!

Bukankah itu semua usaha membina persepsi positif terhadap Islam dan orang Islam?

Kedudukan seorang anak terutama yang masih di bawah umur adalah bersama ibunya, biarpun ibunya bukan muslim kecuali ibunya hilang kelayakan keibuan. Bapa pula wajib menyara anak itu dan berbuat baik dengan bekas isterinya semoga terhidayah kedua-duanya untuk menerima Islam.

Islam bukan agama pencetus kebencian apatah lagi permusuhan. Jika ada tindakan pencetus kebencian antara agama daripada penganut Islam; itu bukan

ajaran Islam. Islam sentiasa menobatkan keharmonian dan hidup bersama secara aman.

Justeru, saya menyarankan supaya pihak berkuasa agama memperkenalkan suatu mekanisme berbentuk pentadbiran untuk menangani isu-isu pengislaman anak-anak secara sebelah pihak kepada mana-mana seorang pasangan yang berhasrat memeluk Islam.

Pihak berkenaan perlu melalui proses rundingcara atau proses syura supaya tindakan pihak yang memeluk Islam tidak menyebabkan penafian apatah lagi penganiayaan terhadap pihak yang belum bersedia memeluk Islam.

Mengapa proses ini penting? Sebab nampaknya, apabila isu sebegini sampai ke meja mahkamah, polemiknya sangat panjang, risiko perbalahan besar sangat tinggi bahkan perasaan curiga-mencurigai antara penganut pelbagai agama dalam negara semakin menebal.

Semua itu tentulah sangat tidak sihat untuk masa depan negara pelbagai kaum dan agama seperti Malaysia yang memerlukan pendekatan khusus dalam mengurustadbirnya.

Malaysia bukan Baghdad, Makkah atau Madinah, tetapi negara yang sangat unik dengan kepelbagaian dan kerencamannya.

Dahan apa yang dipaut mereka?

“Sedangkan orang asal di negara ini yang sudah lama hidup terasing daripada yang kita gelar ‘ketamadunan’ pun akhirnya terlibat aktif dalam mempengaruhi politik yang dirasakan mereka menjejaskan kelangsungan hidup mereka, bagaimana pula dengan golongan yang terang-terang bergantung hidup dengan ringgit yang sentiasa terkesan dek politik?”

SAYA teringat getus seorang teman dari kampung lama dahulu; bahawa menyertai politik adalah perkara yang bodoh dan sia-sia. Di saat penyokong parti masing-masing di bawah bertikam lidah sehingga tidak bertegur jiran tetangga, pemimpin di atas bersenang-lenang mengira hasil, baik pembangkang mahupun yang dibangkang. Bagi beliau, lebih baik menjaga nasib sendiri daripada melihat ke arah politik. Politik adalah perkara sia-sia yang boleh diabaikan.

Apa yang beliau katakan mungkin tidaklah salah sepenuhnya, namun saat itu saya sama sekali tidak berkenan dengan apa yang dituturkan. Masakan tidak, bukan sahaja saya waktu itu baru mencecahkan kaki ke dalam arus deras politik negara, malah yang menuturkan itu sendiri bukanlah orang yang dikenali mempunyai sebarang pengetahuan politik. Ia hanyalah alasan malas yang bunyinya sedikit bijak. Entah dari mana didengarnya, lalu digunakan sebagai alasan untuk terus menjadi buta politik.

Tidaklah pula saya cuba untuk membe-

tulkan beliau. Bukan kerja saya untuk membetulkan pendapat yang sudah diimani penuh oleh seseorang, kecuali kalau mereka sendiri mahu dicabar pegangan mereka. Malah saya tidak pun berniat untuk cuba-cuba berdakwah ke atas beliau agar celik politik dan tidak lagi ketinggalan arus. Buat apa diganggu kebagharian fikiran beliau? Saat tersebut dibiarkan sahaja berlalu, namun ia kekal melekat dalam kotak fikiran saya.

Bukan soal buta politik dalam kalangan masyarakat yang membuatkan saya teringat kepada beliau kembali. Saya yakin masyarakat hari ini tidak lagi buta politik. Tidak mudah pun untuk menjadi buta politik. Setiap perkara dari jual beli di pasar tani sehinggalah ke khutbah Jumat dan kuliah Maghrib di masjid-masjid sudah diresapi dengan pelbagai bentuk wacana politik. Setiap perkara kini terpalit dengan politik. Air balang di pasar malam pun sudah ada yang mewarnakannya mengikut parti-parti politik.

Yang membuatkan saya teringat kepada beliau dan apa yang dituturkannya

adalah kalau benar politik itu boleh diabaikan, seperti yang dilakukan beliau dan yang lain; dahan apakah yang menjadi tempat mereka berpaut? Tentulah tidak adil kalau sudut pandang saya cuba diselaraskan sama dengan beliau. Jatuh bangun kehidupan saya memang sudah bergantung terus dengan politik. Namun paling tidak pun, ringgit dan ekonomi kita sendiri sentiasa berpaut kepada politik.

Tidakkah ada sedikit rasa pada mereka untuk menoleh kepada politik apabila bercakap soal menentukan nasib hidup mereka?

Golongan yang terputus dari mata rantai politik ini bukan sedikit bilangannya. Dan mereka juga tidak semestinya adalah orang yang memang sedia meluat dengan politik dan kerumitannya. Golongan terperosok nun jauh dari kampung-kampung di pedalaman misalnya; yang langsung tidak terlibat dengan sebarang wacana politik, apa dahan tempat mereka berpaut? Mereka ini bukan sahaja tidak terlibat dengan politik, politik itu

sendiri sentiasa tidak melibatkan mereka.

Begitu juga dengan golongan imigran yang ke sini mencari rezeki, hidup ber-generasi tanpa terlibat langsung dengan hiruk pikuk politik kita. Apa dahan yang dipaut oleh mereka? Apa-

kah golongan sebegini sekadar membiarkan sahaja nasib mereka tenggelam timbul mengikut pasang surut politik tanpa ada sedikit pun rasa untuk mengawalannya?

Apakah memang benar bahawa tidak semua kita ini memerlukan politik untuk terus hidup? Sedangkan orang asal di negara ini yang sudah lama hidup terasing daripada yang kita gelar ‘ketamadunan’ pun akhirnya terlibat aktif dalam mempengaruhi politik yang dirasakan mereka menjejaskan kelangsungan hidup mereka, bagaimana pula dengan golongan yang terang-terang bergantung hidup dengan ringgit yang sentiasa terkesan dek politik?

Tanda tanya sebegini akan sentiasa membuatkan saya terfikir, apakah benar politik benar-benar boleh diabaikan? Jika benar, apa dahan yang ada untuk dipaut? Buat masa sekarang, saya masih tidak bertemu jawapan, maka saya akan terus berpaut pada dahan politik. Biar pun kalau ada seperti teman tadi yang mengatakan ia adalah sia-sia, ia adalah kebahagiaan saya.



Mengisi kekosongan idola kanak-kanak

DARI MUKA 20

“**MAKA** tidaklah lagi Mat Rempit yang menjadi idola mereka,” kata M.Z.Azmie ketika dia menyerahkan senaskah buku “Sasterawan Darul Aman” itu kepada saya, 7 Februari.

Azmie sendiri telah pergi ke banyak sekolah, bukan semata-mata hendak menyumbangkan buku tetapi untuk mengutip maklumat siapakah nama-nama penting yang pernah belajar di sekolah-sekolah berkenaan. Namun agak dikesalnya kebanyakan guru yang ditanya tidak dapat memberikan maklumat yang diperlukannya. Mereka memberi alasan baru lagi berkhidmat di sekolah berkenaan, dan tidak tahu siapa-siapa tokoh penting yang pernah belajar di sekolah itu.

“Sepatutnya ada alumni yang memberikan maklumat begini kepada sekolah-sekolah berkenaan,” katanya. Tetapi biasanya di peringkat sekolah rendah tidak diwujudkan persatuan alumni sekolah. Yang ada biasanya di peringkat menengah dan kolej.

Maka dengan adanya gerakan (saya

anggap ini sebagai gerakan, walaupun yang menggerakkannya sekarang hanya individu) yang dilakukan oleh Datuk Dr Mohamad Azmie ini, saya percaya ia akan menimbulkan kesedaran di pihak sekolah, untuk melakukan sesuatu bagi meraikan tokoh-tokoh penting yang pernah mendapat ilmu di peringkat awal di sekolah mereka. Selama ini hal ini memang tidak pernah kita pedulikan pun.

Siapakah yang pernah belajar di sekolah kita? Kita tak pernah ambil tahu pun. Kita tak pernah berasa penting pun untuk mengambil tahu perkara tersebut. Sedangkan misalnya kenapakah nama MCKK itu menjadi begitu masyhur dan disebut-sebut orang? Kerana ramai tokoh-tokoh penting negara pernah belajar di situ!

Itu dulu. Generasi yang dulu. Sekarang tidak lagi begitu. M.Z.Azmie telah memuktikannya. Sehingga sekarang dia telah berjaya mengumpul lebih daripada 500 nama tokoh-tokoh penting yang telah mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang kerjaya, di seluruh negeri Kedah. Dan dia masih lagi mencari nama-nama penting ini, untuk di-

terbitkan dalam siri buku-buku orang ternama, yang masing-masing pernah belajar di sekolah-sekolah tertentu di negeri Kedah.

Secara tidak ketara M.Z.Azmie sebenarnya sedang mendidik dan menanam satu budaya baru di kalangan sekolah-sekolah. Dia memperkenalkan kepada guru-guru dan pelajar-pelajar akan siapakah orang-orang penting dalam masyarakat kita. Mereka terdiri daripada sasterawan, jurutera, doktor, ilmuwan, saintis, peguam, pentadbir dan sebagainya.

Dan M.Z.Azmie menunjukkan dengan bukti-bukti kejayaan dan kepentingan tokoh-tokoh tersebut, di dalam siri buku-bukunya. Dia membuka horizon pengetahuan dan pemahaman pelajar-pelajar dan juga guru-guru terhadap kehidupan masyarakat di sekeliling persekolahan mereka.

Dan saya melihat sesuatu yang sangat menarik di sini, dalam konteks fahaman Tekad Budaya; iaitu mengenai siapakah tokoh-tokoh penting dalam kehidupan masyarakat kita sebenarnya. Ia bukan sahaja tokoh-tokoh politik dan tokoh-tokoh hiburan, tetapi ramai lagi, termasuk tokoh-tokoh sastera, budaya,

ilmuwan dan profesional.

Demikianlah saya melihat buku bersiri yang diusahakan oleh M.Z.Azmie ini, dengan siri pertamanya mengenai sasterawan dan akan diikuti dengan tokoh-tokoh di bidang perubatan, dan selepas itu kejuruteraan, akan mencetuskan suatu kesedaran budaya baru di kalangan para pendidik kita.

Dan M.Z.Azmie melakukan semua ini bersendirian, hinggalah sekarang setelah dia berjaya menubuhkan suatu pusat yang dinamakannya Pusat Ilmuwan Darulaman, barulah dia membuka ruang untuk orang ramai yang berminat membuat sumbangan atau menyertainya.

Ada pun 20 orang sasterawan yang dipilihnya mengisi buku pertamanya itu ialah Abdul Halim R, Abdullah Hussain, Affudin Omar, Affrini Adham, Amelia Hashim, A.Rahmad, Azizi Hj Abdullah, Dinsman, Hasan Baseri Budiman, Ismail Restu, Jamaluddin D, Jihaty Abadi, Muhamad Lutfi Ishak, Osman Ayob, Puzi Hadi, Rosmini Shaari, Shaari Isa, Shahnnon Ahmad, Syed Mahadzir Syed Ibrahim dan Zurinah Hassan.

Berbudi pada bangsa, berbahasa pada negara

SAUDARA,

Hidup kita secara alami memang berbangsa-bangsa. Firman Tuhan untuk kita saling kenal mengenal. Bukan saling membenci dan perang memerangi. Manusia dikurniakan akal fikiran, jiwa rohani dan batang tubuh memakmurkan bumi.

Antara yang difikirkan daripada jutaan pemikiran untuk hidup bermasyarakat dan bernegara adalah mewujudkan parti siasah. Parti siasah hanyalah wahana mendapatkan kuasa bagi memakmur negara, membahagikan bangsa.

Subur bangsa kerana budi.



PENDAPAT
DR MUHAIMIN SULAM

Budi disemai, dituai sehingga mati. Entah siapa yang mencipta pantun yang berbunyi begini:

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,

Budi yang baik dikenang juga.

Terasa dapat kami menumpang kasih.

Namun dalam kita bersiasah di tanah lembah ini, mengapa harus ada dengki mendengki, fitnah memfitnah walau sesama sendiri. Berebut kerusi hingga hilang kewajaran dan kebijaksanaan diri. Beruntung yang memahami sejarah dan pepatah orang tua kita dahulu.

Ada pepatah Melayu lama menyebut 'seperti Belanda minta tanah'. Pernahkah terfikir mengapa harus Belanda? Tidak Inggeris, Portugis atau Jepun.

Yang arif sejarah pasti memahaminya. Jika tidak masakan Belanda berkubu di Pangkor, kotanya di Melaka.

Lupakah semasa diri sekecil lidi dan sehalus bayi. Sama ditatang, sama di hadapan. Berdiri pada garisan sama, seia dan sekata. Lupakah kalian. Setelah malam bersilih ganti dan bumi berputar sekian kalinya, dan kuasa berada di tangan, salam tidak lagi seerat, sekuat seperti dahulu. Lupakah pantun yang sama kita dendangkan bersama dahulu?

Pisang emas dibawa belayar,

Masak biji di atas peti,
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Saudara,
Sayang sekali berkasih pada orang tamak, tidak pernah dicatat sebagai simbol kesetiakawanan dalam sejarah bersiasah. Itupun jika ingin belajar berbahasa pada bangsa.

Sekian, terima kasih.

Saya saudaramu.

Dr Muhaimin Sulam ialah Naib Pengerusi AMANAH Perak.

SKMM gagal jamin maklumat peribadi pengguna selamat

PADA 6 Februari, saya telah mengarahkan peguam saya untuk memfailkan satu saman sivil terhadap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Nuemera (M) Sdn Bhd, berkait satu insiden kebocoran 46.2 juta maklumat peribadi pengguna perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia yang dipercayai berlaku sekitar 2014.

Saman sivil ini difailkan atas dasar bahawa mereka telah gagal menjamin keselamatan maklumat peribadi rakyat Malaysia.

Dalam era teknologi maklumat sekarang, di mana keselamatan maklumat peribadi menjadi asas pelbagai interaksi dan transaksi harian kita, umum perlu percaya dan yakin bahawa institusi-institusi dan pihak-pihak yang diamanahkan menjaga maklumat peribadi kita bertanggungjawab ke atas amanah itu. Maka semestinya kejadian kebocoran 46.2 juta maklumat peribadi ini



PENDAPAT
FAHMI FADZIL

telah menimbulkan pelbagai tanda tanya.

Sebagai contoh, mengapa pihak berkuasa khususnya SKMM yang bertanggungjawab dalam hal ini, serta syarikat Nuemera yang menerima kontrak kerajaan dan diamanahkan mengendalikan sistem penyahaktifan telefon bimbit PCBS, tidak

memaklumkan orang ramai terutama pengguna yang terkesan tentang kejadian ini?

Hingga ke hari ini, kita tidak diberi penjelasan sebenar bagaimana kecurian ini berlaku. Tambahan pula kita hanya mengetahui tentang kejadian ini 3 tahun selepas ia dipercayai berlaku, dan hingga kini belum ada sebarang tangkapan atau pendakwaan yang dilakukan berkait isu ini.

Dalam mana-mana demokrasi matang, apabila skandal sebesar ini berlaku, sudah pasti ada pihak yang mengambil tanggungjawab dan meletakkan jawatan kerana

kegagalan yang amat besar ini. Malah jika didapati sesebuah syarikat gagal menjamin keselamatan maklumat peribadi, mungkin kontrak syarikat tersebut akan dibatalkan! Tetapi nampaknya sehingga kini semuanya masih berjalan seperti biasa, atau "business as usual".

Ini tidak adil kepada semua pengguna syarikat telekomunikasi yang terkesan, di mana maklumat peribadi kami kini terpampang dan tersebar di internet. Ia boleh dimuat turun dan disalah guna pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab!

Pada ketika begitu ramai ahli politik pembangkang dan orang awam diserbu, ditangkap dan didakwa kerana membuat posting di laman media sosial mengkritik pemimpin politik negara, kegagalan pihak berkuasa memberi jawapan atau mengambil tanggungjawab akibat skandal besar ini amat mendukacitakan.

Oleh sebab-sebab ini, sebagai salah seorang pengguna perkhidmatan telekomunikasi yang terkesan, dan memandangkan

isu ini bersifat berkepentingan awam (public interest), saya telah membuat keputusan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap SKMM dan Nuemera atas kegagalan mereka menjamin keselamatan maklumat peribadi kita.

Saya percaya kita semua mahu tahu bagaimana kecurian maklumat peribadi ini boleh terjadi. Saya juga percaya kita semua mahu tahu apakah langkah-langkah yang akan atau telah diambil pihak berkuasa untuk menyelamatkan keadaan.

Saya berharap melalui tindakan saman sivil ini, persoalan-persoalan ini akan dapat dijawab, beberapa perkara mendapat pencerahan, dan langkah-langkah memperbaiki keadaan dapat diambil demi keadilan buat semua rakyat Malaysia.

Maklumat peribadi kita adalah hak milik kita. Kita perlu bangkit untuk pertahankan hak milik kita!

Fahmi Fadzil ialah Pengarah Komunikasi Keadilan.

MB Terengganu sembunyi status medan minyak Bertam?

PADA 12 Disember tahun lalu, Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman memaklumkan di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Terengganu bahawa keputusan lokasi medan minyak Bertam Blok PM307 akan diketahui sama ada pertengahan atau akhir bulan Januari 2018.

Status keputusan lokasi yang dijalankan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) adalah indikator terpenting untuk menjayakan rundingan antara Tereng-

ganu dan Pahang mengenai status sebenar telaga minyak tersebut.

Terdahulu pada tahun 2012, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sewaktu mengumumkan penemuan rizab minyak tambahan di medan minyak Bertam yang terletak di Blok PM307 adalah bertentangan dengan negeri Pahang. Justeru Pahang berhak menerima wang ihsan sekitar RM100 juta setahun, apabila pengeluaran bermula pada suku ketiga tahun 2014.

Walau bagaimanapun, syarikat cari gali minyak di kawasan berke-

naan iaitu Lundin Oil mendakwa bahawa ia berada di kawasan Geliga, Kemaman, Terengganu.

Sehingga kini, keputusan lokasi sebenar medan minyak tersebut masih tidak diumumkan kepada rakyat Terengganu. Ia kekal menjadi teka-teka walaupun Menteri Besar mengesahkan bahawa ia akan diketahui pada bulan Januari yang lalu.

Adakah Menteri Besar berbohong di dalam Dun yang mulia?

Adakah keputusan sudah diketahui tetapi Menteri Besar

sengaja sembunyi dari pengetahuan rakyat Terengganu?

Justeru, Pemuda Pakatan Harapan Terengganu mendesak agar Menteri Besar segera mengumumkan kepada rakyat keputusan lokasi tersebut. Menteri Besar seharusnya faham bahawa isu hak milik ke atas hasil petroleum merupakan maruah rakyat Terengganu yang tidak boleh dipikul secara sambil lewa.

Kegagalan pemimpin negeri memperjuangkan hak rakyat dan negeri adalah pengkhianatan buat



PENDAPAT
HASBIE MUDA

rakyat dan generasi pada masa depan.

Hasbie Muda ialah Ketua Pemuda Pakatan Harapan Terengganu.

PH mampu menang walaupun tiga penjuru

Oleh **ARIF ATAN**

PERTEMBUNGAN tiga penjuru ekor tindakan Pas yang turut meletakkan calon bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) tetap akan menyaksikan undi berpihak kepada Pakatan Harapan (PH).

Timbalan Pengerusi AMANAH Perak, Datuk Seri Nizar Jamaluddin berkata, pertandingan tiga penjuru sama ada di peringkat Parlimen mahu pun Dewan Undangan Negeri (Dun) tidak dapat tidak akan berlaku.

"Pengumuman demi pengumuman dibuat oleh Pas yang mahu meletakkan calon di 133 kawasan Parlimen dan banyak lagi kerusi Dun.

"Walaupun dua atau tiga penjuru, hasrat kita (PH) masih menentang Umno-BN. Itu merupakan musuh politik PH pada asalnya sama ada dari DAP, Keadilan,

PPBM dan AMANAH.

"Untuk itu, kita akan berhadapan tiga penjuru dengan Pas dan Umno-BN," ujarnya menjawab satu soalan penonton dalam slot Fokus yang disiarkan secara langsung di TV Oren, 6 Feb lalu.

Beliau berkata, beberapa tindakan dan strategi telah diatur PH dalam konteks menentang Umno dan Pas secara berperingkat daripada hari penamaan calon hingga hari mengundi pada pilihan raya umum (PRU) kali ini.

Mengulas dakwaan perpecahan pengundi Melayu, Nizar berpendapat undi Melayu memang sudah lama berpecah dalam siri pilihan raya sebelum ini.

"Bukan satu fenomena baru yang mengangap pengundi Melayu berpecah kepada tiga. Sebenarnya tidak ada untuk dibuktikan bahawa pengundi Melayu memang pernah bersatu.

"Memang pengundi Melayu berpecah daripada mula pilihan raya lagi. Kalau berpecah

tiga seperti diteorikan, kebbaikannya Insya Allah akan pergi kepada PH.

"Pengundi bukan sahaja daripada pengundi Melayu tetapi daripada pengundi bukan Melayu dan bukan Islam," jelas bekas Menteri Besar Perak itu.

Sehubungan itu, Nizar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Changkat Jering berkata, PH khususnya AMANAH amat bersedia untuk berhadapan dengan pertandingan tiga penjuru pada PRU-14.

"Insya Allah, mereka akan memberikan undian kepada PH. Kajian-kajian telah dibuat pengundi bukan Melayu memberikan sokongan yang kuat dan jitu kepada Pakatan Harapan.

"Sudah tentu apabila mengambil kira pengundi bukan Melayu dan pengundi Melayu yang dikatakan berpecah tiga itu PH akan mendapat manfaat daripada gabungan (pengundi) tersebut," tambah Nizar lagi.

Mahkamah tolak keluarkan pengundi tentera dari Segamat

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi 7 Feb lalu menafikan cubaan 6 pengundi Segamat untuk mengeluarkan nama 102 pengundi tentera di kawasan Parlimen itu.

Peguam, R Sivarasa yang mewakili 6 pengundi itu berkata, Hakim Datuk Kamaludin Md Said tidak membenarkan mereka memulakan semakan kehakiman bagi mambatalkan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memasukkan anggota tentera itu sebagai pengundi Segamat.

"Mahkamah menolak permohonan mereka dengan alasan pengundi itu tidak mengemukakan rayuan ketika inkuiri SPR.

"Disebabkan ada proses rayuan, pengundi perlu mengikut proses itu," katanya kepada wartawan.

Sivarasa berkata, pihaknya akan memfailkan rayuan.

Enam pengundi yang diketuai Abu Bakar Ibrahim memohon untuk mengeluarkan 102 anggota tentera yang dimasukkan dalam daftar pemilih Segamat.

Mereka juga mahu satu pengisytiharan mahkamah yang kemasukan pengundi tentera ke kawasan Parlimen Segamat tidak berperlembagaan.

Mereka mahu kemasukan pengundi tentera dalam daftar pemilih Segamat dibekukan sehingga prosiding di mahkamah selesai.

Kumpulan pengundi itu menamakan SPR dan Pendaftar Pemilih Johor, Shafie Taib sebagai responden dalam semakan kehakiman itu.

Bulan lalu, Mahkamah Tinggi membenarkan sekumpulan 48 pengundi Segamat mencabar keputusan SPR memasukkan 949 anggota tentera dan pasangan mereka sebagai pen-

gundi baharu di sebuah kem tentera yang belum siap di kawasan Parlimen itu.

Mahkamah turut memberi kebenaran bagi menghalang SPR memasukkan nama pengundi tentera dan ahli keluarga mereka dalam daftar pemilih Segamat, sehingga kes itu selesai.

SPR memfailkan bantahan awal terhadap keputusan mahkamah yang memihak kepada 48 pengundi itu bulan lalu.

DAP sebelum itu mempertikaikan tindakan memindahkan kumpulan anggota tentera itu dan sama ada ia bertujuan menyelamatkan kerusi Parlimen itu daripada jatuh ke tangan pembangkang pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Pada PRU13, Presiden MIC merangkap Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam menewaskan calon Keadilan Datuk Dr Chua Jui Meng dengan majoriti 1,217 undi.

PH perintah, Hospital Parit Buntar akan disiapkan

PARIT BUNTAR: Pakatan Harapan (PH) akan memastikan Hospital Parit Buntar disiapkan pada tempoh ditetapkan jika parti berkenaan diberi peluang oleh rakyat memerintah negara ini.

Ahli Parlimen Parit Buntar, Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, kegagalan kerajaan BN mewujudkan hospital yang telah dilaung-laungkan selama hampir 10 tahun begitu mengecewakan penduduk.

"Mereka janji dan janji dari setahun ke setahun. Dari pilihan raya umum (PRU) 2008 sehinggalah ke PRU 2013.

"Kemudian mereka janji lagi sehinggalah ke PRU ke-14, tapi apa yang mereka janjikan tidak menjadi kenyataan dan mengecewakan harapan rakyat bagi mendapatkan kemudahan tersebut," katanya.

Beliau mengulas isu pembinaan Hospi-

tal Parit Buntar yang dibangkitkan Adun Titi Serong Abu Bakar Husin dan menimbulkan rasa kurang senang pemimpin BN termasuk Menteri Besar Datuk Zambry Abd Kadir.

Dr Mujahid berkata, Menteri Besar tidak sepatutnya menjawab kenyataan Adun Titi Serong dengan mempersendakan beliau.

"Tidak perlu nak syorkan kepada JKR melantik Ustaz Abu Bakar jadi ketua jurutera kerana beliau hanya melaksanakan tanggung jawab kepada pengundi kawasannya.

"Alasan yang diberi oleh kerajaan berkaitan struktur tanah yang melewati pembinaan hospital berkenaan sukar diterima penduduk," katanya.

Dr Mujahid menambah, penduduk Parit Buntar disajikan dengan janji dalam rentetan tempoh yang terlalu panjang sehingga mereka sukar mempercayai alasan kerajaan berkenaan kelewatan pembinaan hospital tersebut.

Penderaan kanak-kanak perlu dibanteras

Oleh **AKMAL HAZIQ**

MELAKA: AMANAH Negeri Melaka menyeru kerajaan dan masyarakat agar mengambil tindakan berkesan bagi membendung kejadian mendera kanak-kanak yang semakin menjadi-jadi di negara ini.

Timbalan Pengerusi AMANAH Melaka, Mohd Sofi Abdul Wahab berkata kejadian menyayat hati itu terus berleluasa dan kes terbaru membabitkan seorang ayah yang didakwa mendera anaknya tetapi dibebaskan selepas siasatan.

Menurut Sofi, persatuan penduduk atau jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung (JKKK) perlu prihatin dan memerhatikan gelagat ibu bapa terutama yang mempunyai anak tiri atau anak angkat.

"Tindakan segera mesti diambil seperti membuat laporan kepada pihak berwajib jika terdapat unsur-unsur yang mencurigakan.

"Persatuan penduduk dan JKKK mesti mendaftarkan dan mempunyai senarai keluarga yang memelihara anak tiri atau anak angkat. Ini memudahkan mereka memantau perkembangan keluarga tersebut.

"Jiran mesti mengambil tahu dan prihatin jika terdengar apa-apa yang mencurigakan atau ternampak kesan-kesan kecederaan pada kanak-kanak," saran beliau.

Dalam keadaan sekarang, katanya perumpamaan 'jangan jaga tepi kain orang' sudah tidak lagi sesuai.

"Guru di sekolah juga mesti prihatin dengan perubahan murid-murid seperti murung, lemah apatah lagi jika terdapat kesan-kesan seperti lebam dan sebagainya.

"Pasangan yang bercerai juga perlu memantau perkembangan anak masing-masing jika ianya dijaga oleh sebelah pihak.

"Jika terdapat perkara-perkara yang pelik mereka mestilah bertindak bagi membendungnya daripada menjadi lebih serius," kata Ketua AMANAH Bukit Katil itu.

ritahu pembinaan hospital tersebut akan bermula tahun 2013," katanya.

Kerajaan pada peringkat awal, jelas beliau menjanjikan hospital itu mempunyai kapasiti 300 katil namun kemudian berkurang kepada 150 katil sahaja.

Pada 29 Julai tahun lalu, tambah beliau kerajaan memaklumkan hospital baharu Parit Buntar akan siap pada 2021 dengan hanya memuatkan 76 katil.

"Dengan hanya kapasiti 76 katil, adakah hospital ini kekal sebagai hospital pakar seperti dijanjikan pada peringkat awal cadangan pembinaannya?" soal beliau.

Dr Mujahid berkata, penduduk mengharap hospital pakar kerana mereka terpaksa mendapatkan rawatan pakar dari Hospital Pulau Pinang dan Hospital Taiping yang jaraknya amat jauh.

Tukar kempen #UndiRosak kepada #JomUndiPH

Oleh AKMAL HAZIQ

KUANTAN: Ketua Penerangan Pakatan Harapan (PH) Pahang, Zulkifli Mohamed menyeru pengundi muda di negara ini agar tidak terpengaruh dengan kempen undi rosak dan membiarkan emosi mereka ditunggangi pihak tertentu.

Zulkifli meyakini kempen undi rosak tidak muncul secara organik dalam kalangan pengundi muda yang kecewa, sebaliknya ia merupakan kempen yang berstrategi dan dilakukan secara halus oleh sekumpulan individu bagi memenuhi kehendak dan kepentingan diri sendiri.

"Natijahnya, tidak sedikit pengundi muda terpengaruh dengan kempen dan dakyah kumpulan tersebut dalam meracuni pemikiran pengundi muda supaya mengikut rentak tari mereka, sekali gus memudahkan cita-cita dan dendam mereka direalisasikan.

"Saya masih meyakini bahawa sebahagian besar undi rosak dilakukan adalah berpunca daripada protes para pengundi terhadap sistem dan institusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang sering dilihat berat sebelah, kerana banyak membantu memenangi parti pemerintah.

"Dan golongan inilah yang terikut-ikut dengan kempen yang tidak bertanggungjawab ini. Hakikatnya emosi mereka telah dipergunakan bagi memenuhi agenda kumpulan tertentu," kata Pengarah Komunikasi Parti AMANAH Pahang itu dalam blognya.



Zulkifli Mohamed

Motif sebenar kempen seumpama ini digerakkan, katanya tidak dapat dipastikan namun ia boleh memberi kesan bukan

sahaja kepada satu-satu kawasan pilihan raya, malah turut melibatkan negara.

"Mengundi adalah hak setiap rakyat yang layak. Terpedaya dengan kempen ini, menjadikan suara rakyat tidak kedengaran. Seluruh rakyat Malaysia yang waras tidak perlu melayan kempen yang sia-sia ini.

"Justeru, adalah menjadi tanggung jawab PH untuk meyakinkan para pengundi muda bahawa sekiranya golongan ini menolak kempen yang merosakkan demokrasi ini dan berfikir waras dengan mengundi PH dalam PRU14 nanti," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai agar memberi kepercayaan kepada PH dengan tidak merosakkan undi hanya kerana mengikut emosi atau terpedaya dengan pihak yang kecewa.

"Jom, pakat ramai-ramai kita tolak kempen #UndiRosak kita tukar kepada kempen #JomUndiPH," kata beliau.

Naib Presiden AMANAH tunai jemputan nyalakan tanglung



Ustaz Hasanuddin memperagakan tulisan kaligrafi Cina yang dilukis Ronnie Liu.

BROGA: Menjelang sambutan tahun baharu China, Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus diberi penghormatan untuk menyalakan lampu tanglung dan meraikan warga emas kaum Tionghoa di pekan Broga.

"Saat paling gembira apabila kami dapat bersama menggembirakan warga emas.

"Saya, isteri, anak-anak dan tiga orang

cucu berkesempatan menghadiri dua majlis menjelang sambutan tahun baharu Cina,"ujarnya di laman facebook.

Ustaz Hasanuddin yang juga penyelaras Pusat Peduli Rakyat Parlimen Hulu Langat mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi DAP Hulu Langat Bryan Lai Wai Ching dan Senator Chandra Mohan yang menganjurkan program ramah mesra bersama



Beramah mesra dengan warga emas di Sungai Chua.

warga emas di Sungai Chua.

Beliau turut berterima kasih kepada Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Semenyih Hamidi A. Hasan, Ketua Kampung Baru Tarun Chan Chee Keong, Ahli Majlis MPKj Lai Wai Chong dan Rajendran Kumar yang menganjurkan acara nyalaa tanglung pada malamnya.

Majlis yang berlangsung di Balai Raya

Kampung Baru Tarun itu turut dihadiri Ahli Jawatankuasa DAP negeri Ronnie Liew dan Ahli Parlimen Bukit Tunku Lau Weng San.

Ronnie turut mempamerkan kemahirannya menulis kaligrafi Cina pada majlis itu.

Ustaz Hasanuddin yakin majlis-majlis seumpama itu mampu mengukuhkan lagi kerjasama antara parti-parti gabungan PH bagi mendekati masyarakat di kawasan parlimen Hulu Langat.

Tim. Presiden MCA dicabar jelaskan pembohongan

GEORGETOWN: Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng mencabar Timbalan Presiden MCA, Datuk Wee Ka Siong menjelaskan pembohongan yang dilakukannya terhadap kerajaan negeri itu.

Ka Siong dalam kenyataannya sebelum ini mendakwa dokumen perjanjian yang dimeterai kerajaan negeri dengan kon-

traktor utama, China Railway Construction Corporation (CRCC) bagi projek lebuh raya dan terowong bawah laut tidak dicop sah (stamping).

"Saya telah tunjukkan bukti bahawa dokumen tersebut dicop sah, oleh itu saya cabar dia (Wee Ka Siong) jawab kenapa dia berbohong menyatakan dokumen tersebut tidak dicop sah, namun sehingga ke

hari ini dia tidak menjawabnya.

"Saya harap beliau jangan lari atau cuba elak untuk menjawab pembohongan ini. Jawablah," kata beliau dalam sidang media, baru-baru ini.

Guan Eng sebelum ini beberapa kali menegaskan bahawa segala dokumen perjanjian berhubung projek pembinaan tiga lebuh raya dan terowong dasar laut

Pulau Pinang dilaksanakan secara tender terbuka dan dicopsahkan.

Setiausaha Agung DAP itu percaya dakwaan Ka Siong dibuat untuk memberitahu umum bahawa kerajaan negeri tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada syarikat pembinaan tersebut jika projek itu bermasalah.

AMANAHA sedia berkhidmat di Pantai Merdeka

Oleh MOHD ALI HASHIM

SUNGAI PETANI: AMANAHA Kawasan Sungai Petani yang telah bertapak seawal 2015 bersedia menangani permasalahan yang dihadapi penduduk yang gagal ditangani Umno-BN.

Melalui pembentukan jawatankuasa dan penyusunan struktur pusat khidmat, AMANAHA kawasan kini bergiat aktif khususnya di kawasan Dun Pantai Merdeka yang tidak diberi perhatian serius wakil rakyat BN.

Menurut Ketua Pemuda AMANAHA kawasan, Abdullah Suady Ramadhan Mohd Nasir, parti itu optimis dengan sokongan penduduk di Dun Pantai Merdeka, kerusi sedia ada mampu dimenangi calon Pakatan Harapan (PH).

"Reputasi wakil rakyat BN sedia ada, Datuk Ali Yahya begitu lemah. Banyak aduan daripada penduduk tempatan akhirnya diajukan kepada AMANAHA kawasan apabila Adun BN gagal membantu menyelesaikan masalah mereka.

"Isu seperti kawasan yang kerap dilanda banjir seperti di Kampung Tengah dan Padang Tembusu yang ditelenggami banjir lebih tiga kali sejak tahun lepas tidak diberi perhatian hingga kini," jelasnya.

Malah katanya, suara-suara nelayan kecil yang dihipit dengan pelbagai masalah kemudahan dan keperluan asas tidak dipedulikan oleh wakil rakyat BN tersebut.

"Adun BN hanya kembali turun padang pada saat-saat akhir menjelang pilihanraya.

"Selain itu masalah rakyat daif, miskin dan melarat juga kurang diberi perhatian oleh wakil rakyat BN.

"Terlalu banyak masalah tempatan yang belum dapat diselesaikan walaupun tempoh hayat pentadbiran kerajaan negeri hampir berakhir," ujarnya.

AMANAHA tambah Abdullah Suady telah menubuhkan Pusat Peduli Rakyat dan menggerakkan sebuah kenderaan pacuan empat roda bagi urusan kerja-kerja kebajikan dan bantuan bencana.

"Kerja-kerja penerangan turut diperkasakan sama ada dengan cara konvensional seperti ceramah, penerangan dan edaran risalah



Abdullah Suady Ramadhan

sehinggalah dengan menggunakan teknologi terkini.

"Manakala di peringkat tenaga kerja pula, AMANAHA Sungai Petani disertai begitu ramai bekas aktivis Pas dan Umno," tambahnya.

Dengan jumlah pengundi melebihi 38,000 orang AMANAHA yakin Dun Pantai Merdeka mampu untuk menyumbang satu lagi kerusi buat PH di negeri Kedah.

"Berkat turun padang serta komitmen parti komponen PH lain, kita yakin melakukan kejutan di Dun Pantai Merdeka.

"Yang pasti AMANAHA dan PH akan terus meningkatkan gerak kerja bagi memastikan kerusi Dun Pantai Merdeka tidak lagi menjadi milik Umno-BN," katanya yang juga Timbalan Ketua Pemuda AMANAHA negeri.



Abdullah (kanan) bersama petugas menyediakan pelbagai keperluan bagi menghadapi PRU yang semakin hampir.



Pimpinan AMANAHA Sungai Petani turun padang menemui penduduk.



Gerak kerja menyelesaikan masalah dan keperluan penduduk setempat.

PPBM yakin BN kekal pembangkang di Pulau Pinang

PERMATANG PAUH: Perpaduan dan kerjasama di kalangan parti-parti komponen sangat penting sekiranya Pakatan Harapan (PH) serius untuk menang dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Gerak kerja bersama dan bersepadu empat parti komponen membolehkan PH menawan kesemua kerusi yang menjadi milik Umno-BN di Pulau Pinang, kata Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) negeri, Marzuki Yahya.

Jelas beliau, PPBM Pulau Pinang akan meletakkan calon di kerusi-kerusi Dun yang ditandingi Umno-BN pada PRU akan datang.

"Kesemua kerusi ini adalah 'kubu kuat' Umno, bagaimanapun apa yang dikatakan kubu kuat tersebut kini semakin runtuh," ujarnya lagi.

Tegasnya lagi, sebelum ini Parlimen Permatang Pauh juga menjadi kubu kuat Umno, namun dengan kehadiran Datuk Seri Anwar Ibrahim, sehingga kini Permatang Pauh kekal diwakili Keadilan.

"Begitu juga dengan Parlimen Nibong Tebal

yang didakwa sebagai kubu kuat Umno sebelum ini, setelah dua penggal tidak mampu dirampas kembali oleh Umno-BN.

"Kini mereka hanya tinggal Parlimen Kepala Batas, Tasek Gelugor dan Balik Pulau sahaja," katanya.

Senario politik terkini tambahnya, membuktikan Umno tidak lagi mampu untuk mempertahankan kerusi-kerusi yang akan mereka tandingi dalam PRU14 nanti.

Yang menjadi keutamaan katanya, gabungan dalam PH harus membentuk organisasi yang mantap.

"PPBM mengambil cabaran untuk mengalahkan Umno dengan meletakkan calon bertanding di kawasan-kawasan yang telah dikenali pasti menjadi kubu kuat mereka.

"Dengan komitmen bersungguh-sungguh, saya optimis Pulau Pinang terus kekal di tangan PH.

"Tidak dapat dinafikan Umno-BN akan kehilangan lebih banyak kerusi dan mereka akan kekal sebagai pembangkang untuk penggal yang ketiga pada PRU14 akan datang," katanya lagi.

Kejutan di pelancaran PH Pasir Tumbuh

KUBANG KERIAN: Mantan ketua penghulu Dun Pasir Tumbuh, Hanapi Abdullah membuat kejutan apabila mengisytiharkan diri keluar Pas dan menyertai AMANAH di majlis pelancaran jentera pilihan raya Pakatan Harapan (PH) 2 Feb lalu.

Beliau yang dikenali ramai sebagai Tok Ngulu Pi ialah ahli jawatankuasa Majlis Tindakan Dun Pasir Tumbuh.

Pengerusi Jawatankuasa Dun (JDUN) AMANAH, Che Mat Isa Che Dir yang mengalu-alukan penyertaan beliau ke dalam AMANAH berharap perkembangan ini akan memudahkan kempen pilihan raya umum nanti.

"Sebagai ketua sekalian penghulu di Dun ini tentulah beliau mampu memberi sumbangan bermakna kepada AMANAH dan PH," katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Dalam ucapan ringkas selepas menyerahkan borang AMANAH, Hanapi mengaku telah lama berminat dengan parti baru bernama AMANAH kerana hala tuju perjuangannya yang jelas.

"Parti ini amat jelas halatuju untuk kekal dengan perjuangan asal kita untuk

menentang kezaliman Umno dan BN.

"Agak pelik apabila parti lama saya begitu mesra dan tidak lagi seperti dulu bila berhadapan dengan parti pemerintah yang dulu kita tentang habis-habisan," katanya.

Majlis yang bermula sejak jam 2.00 petang itu menghidangkan laksa bagi mengutip derma untuk mengisi tabung pilihan raya Dun berkenaan.

Setiausaha Dun PH Pasir Tumbuh, Abdullah Zawawi Wahab berkata kehadiran amat memberangsangkan kerana semua anggota empat parti hadir memberi sumbangan masing-masing.

"Saya perhatikan orang Pas pun ada yang datang dan menderma," katanya.

Hadirin katanya turut dihiburkan oleh kumpulan dikir barat yang diundang khas kelolaan pemuda PPBM.

"Bagi pihak penganjur kami amat berbesar hati atas kehadiran begitu ramai pimpinan semua parti dari kawasan Kubang Kerian dan luar Kubang Kerian," katanya.

Di majlis yang sama, Pengarah Undang-undang PH Kelantan, Hisham Fauzi yang merasmikan pelancaran itu berharap



Hanapi menyerahkan borang permohonan keahlian AMANAH kepada Che Mat Isa.

semua unit gerak kerja pilihan raya digerakkan ke tahap maksima seberapa segera.

"Kini kita telah memasuki pusingan akhir untuk berlawan jadi tiada apa lagi yang patut ditangguhkan.

"Kita patut menjadikan gerak kerja Dun ini yang telah bersiap begini rupa seolah-

olah pilihan raya akan berlaku minggu depan," katanya.

Pada majlis itu semua petugas PH yang dilantik disampaikan watak, manakala semua 12 ketua pusat daerah mengundi (PDM) menerima bendera parti-parti dalam PH sebagai simbol bermulanya kerja-kerja akhir menghadapi pilihan raya.

Tubuh AMANAH elak Umno kembali kuasai Kelantan

Oleh ZIKRI ABDULLAH

TANAH MERAH: Dakwaan kononnya AMANAH berpakat dengan Umno di Kelantan untuk menumpaskan kerajaan Pas negeri adalah ganjil kerana parti itu berusaha mengelakkan Umno kembali berkuasa di negeri ini akibat Pas semakin ditolak rakyat.

Penasihat AMANAH Kelantan Datuk Husam Musa berkata tuduhan Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Abdullah kononnya Umno memberi bantuan kepada AMANAH termasuk bantuan kewangan adalah amat tidak berasas.

"Yang semua orang tahu ialah Pas dan Umno yang kelihatan begitu bantu-membantu.

"Sekurang-kurangnya telah tiga kali Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakub dan

Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapha Mohamad bertemu. Ini termasuk di pejabatnya sendiri," katanya ketika berucap melancarkan jentera Pakatan Harapan (PH) peringkat parlimen di restoran Koza Garden, dekat sini, baru-baru ini.

Husam yang juga Adun Salor berkata, dengan kemunculan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Pakatan Harapan semakin kukuh, hasrat asal AMANAH itu semakin hampir menjadi kenyataan.

"Dulu masa AMANAH berusaha yakinkan rakyat untuk tukar kerajaan Kelantan, kita hanya mampu beri kesedaran kepada orang-orang Pas sahaja.

"Tetapi sekarang bila ada parti Bunga Raya (PPBM), orang Umno boleh menyebelangi dengan mudah kerana ada parti yang serasi dengan mereka.

"Gabungan ini akan lebih meyakinkan rakyat bahawa kita sudah berkeupayaan untuk membentuk sebuah kerajaan baru yang lebih baik berbanding Pas selepas pilihan raya ini," katanya.

Mengulas lanjut, Husam berkata tuduhan janggal timbalan menteri besar Kelantan itu muncul kerana Pas negeri kini tersepit dan terdesak apabila menghadapi kesuntukan masa menghadapi pilihan raya yang hanya akan berlaku dalam masa tiga bulan lagi.

"Dulu jelas mereka cuba untuk berpakat dengan Umno. Bawa slogan politik matang dan sejahtera.

"Semua kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang membela Najib," katanya.

Mohd Amar sebelum ini dilaporkan mendakwa Umno dan AMANAH berpakat

termasuk menyediakan dana untuk menumbangkan kerajaan Pas negeri pada PRU 14.

"Saya dapat maklumat Umno setuju bagi duit kepada AMANAH untuk buat kerja pilihanraya," kata Mohd Amar.

Dalam perkembangan sama, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapha Mohamad turut menafikan partinya menjalin kerjasama dengan AMANAH.

Mustapha berkata, tuduhan tidak berasas itu sudah menjadi kebiasaan bagi sesetengah pemimpin politik apabila menjelang pilihan raya.

"Tidak timbul kita berpakat dengan Pas atau AMANAH untuk menjatuhkan mana-mana parti politik di negeri ini," katanya.

Terima biaya DAP: AMANAH Kelantan saman CEO PKINK

KOTA BHARU: AMANAH Negeri Kelantan memfailkan dua saman berkaitan fitnah menerima pembiayaan dana daripada DAP di Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Menurut peguam Hisham Fauzi yang mengendalikan kes-kes tersebut, saman pertama telah difailkan oleh penasihat AMANAH Kelantan, Husam Musa.

"Saman berkenaan adalah terhadap Ahli Lajnah Politik dan Pilihan Raya Pas Kelantan yang juga Ketua Eksekutif,

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) Datuk Dr. Wan Zawawi Wan Ismail.

"Ia berkaitan penyiaran tulisan di akaun Facebooknya yang menuduh bahawa AMANAH negeri Kelantan menerima duit dari seorang tauke judi dari parti DAP untuk digunakan bagi menjatuhkan Kerajaan Pas Kelantan.

"Gambar Husam turut disiarkan bersama-sama dengan artikel tersebut," katanya.

Pengarah Undang-undang Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu menambah,

saman kedua difailkan atas nama Pengerusi AMANAH Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

"Ini berkaitan tindakan sebuah portal pro-Pas iaitu Tranungkite yang telah menyiarkan artikel bahawa AMANAH Kelantan sedang bekerjasama dengan Umno Kelantan bagi menjatuhkan Kerajaan Pas Kelantan.

"Tulisan ini kemudiannya banyak dikongsi (share) oleh pengguna media sosial dan tersebar luas," katanya.

Kedua-dua kes ini menurutnya masih di

peringkat pengurusan kes di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Kota Bharu dan tarikh pengurusan kes terdekat ialah pada 7 Feb.

"Justeru, saya sebenarnya tidak terkejut apabila sekarang ini heboh diperbincangkan mengenai Datuk Mohd Amar, Timbalan Menteri Besar Kelantan yang membuat kenyataan terbuka menuduh AMANAH menerima pembiayaan dari Umno untuk menjatuhkan Kerajaan Pas Kelantan," kata Hisham Fauzi.

Keberanian untuk menghancurkan budaya takut

UNTUK membicarakan judul ini, saya sempat menyemak sebuah buku tulisan Mortimer J. Adler bertajuk "Gagasan Agung: Sebuah Leksikon Pemikiran Barat" yang merupakan terjemahan ITN-MB oleh Shamsiah Mohd Said;

"Wira mempunyai keghairahan yang tidak terbatas dan antaranya adalah Rasa takut. Apabila mereka digelar tak takut, sebabnya bukan kerana tidak ada apa-apa yang ditakuti oleh mereka atau mengemukakan hati mereka. Rasa takut mencengkam diri mereka, begitu juga kemarahan, dengan segala kekuatan fizikalnya. Mereka tidak kenal takut hanya dalam konteks makna mereka tidak bertindak dengan takut atau gagal bertindak.

"Keberanian mereka sentiasa setara dengan bahaya yang dirasakan, dan dengan itu mereka boleh melaksanakan apa yang mesti dibuat seolah-olah mereka tidak gentar menghadapi kesakitan atau kematian.

"Namun lelaki berani sering bercakap tentang keberanian seolah-olah orang berani tidak takut, dan mereka mengemukakan pengecut sebagai seorang yang dimusnahkan oleh perasaan takut."

Memang setiap bangsa di dalam dunia ini punya pahlawan dan wira kebanggaan masing-masing sama ada pahlawan nyata atau mitos legenda seperti epik Homer The Iliad di mana keberanian melebihi semua sifat lain yang mencirikan tokoh-tokoh watak seperti Achilles dan Hector, Ajax, Patroclus serta Diomedes, Agamemnon dan Menelaus.

Suatu waktu di tahun 90-an, ketika saya berkesempatan berkunjung ke Bishkek, Kyrgystan sewaktu menemani Duta Besar Malaysia, Datuk M. Redzuan Kushairi, saya terpegun melihat sebuah patung besar di hadapan bangunan kerajaan di mana seorang pahlawan menunggang kuda sambil menghayun pedang yang terhunus.

Saya baru mengetahui itu adalah tugu Pahlawan Penyatuan Kyrgystan bernama Manas. Manas berasal dari puisi (epos) terpanjang di dunia yang mempunyai 500,000 bait yang mengisahkan migrasi orang Kyrgys di bawah pimpinan Pahlawan Manas.

Bumi Uzbekistan yang saya kunjungi di tahun 90-an juga punya pahlawan, Timur Lenk yang pada abad ke-14 Masihi mengalahkan bangsa Monggol dan membangun sebuah empayar. Dalam peperangannya, Timur Lenk memperluas wilayahnya hingga ke Timur Tengah. Ia mengalahkan Sultan Uthmaniyyah Bayezid I. Bayezid ditangkap dan meninggal dalam tahanan. Timur Lenk membangunkan ibu kota empayarnya di Samarkand. Timur Lenk dianggap sebagai pahlawan terbesar di Uzbekistan yang memainkan peranan penting di dalam identiti dan sejarah nasional negara tersebut.

Di alam Melayu pula, Laksamana Hang Tuah digambarkan sebagai pahlawan bangsa yang teragung yang dikenal

dengan ungkapannya, "Takkan Melayu hilang di dunia". Hikayat Hang Tuah adalah sebuah epik yang meletakkan kedudukan wira yang begitu tinggi dalam sejarah bangsa dan dunia. Hikayat Hang Tuah yang diterbitkan di bawah projek Karya Agung Yayasan Karyawan dan DBP 1997 yang saya miliki telah diautograf oleh Pengarah Projek Karya Agung, Almarhum Datuk Dr Hassan Ahmad pada 8 Disember 2005, dengan satu catatan pendek: "Belum ada 'novel' Melayu moden yang dapat mengatasi kegeniusan hikayat ini".

Oleh itu, setiap bangsa di dunia ini mengagumi keberanian dan memandang rendah terhadap ketakutan dan kepengecutan. Tiada bangsa atau masyarakat yang bebas di dunia ini kalau tidak punya keberanian. Malangnya di zaman baru ini kita berdepan dengan manusia moden yang diselubungi oleh rasa takut yang membudaya. Budaya takut atau 'culture of fear' dalam masyarakat hari ini tidak terjadi secara sengaja.

Dr Siddiq Fadzil dalam tulisan "Melayu Budaya Takut: Dakwah dan Pemberdayaan Umat" menulis seperti berikut;

"Budaya takut adalah projek orang-orang politik untuk mendapatkan dukungan dengan cara menakut-nakutkan rakyat. Memang definisi konvensional 'culture of fear' ialah 'the concept that people may incite fear in the general public to achieve political goals through emotional bias'.

"Dalam bukunya 'The Culture of Fear', Barry Glassner menyebut ahli-ahli politik sebagai salah satu kelompok 'the peddlers of fear'. Rasa takut yang membudayakan tidak hanya akibat propaganda politik, malah sering kali akibat ancaman, penindasan dan penderaan oleh pihak berkuasa. Budaya inilah yang telah mengecil dan mengerdilkan rakyat, sehingga kata 'rakyat' selalu dirangkaikan dengan kata 'kecil', lalu menjadi 'rakyat kecil'.

"Ironis memang, ada istilah 'rakyat kecil', tetapi tidak ada istilah 'rakyat besar'. Bagaimana rakyat boleh mengecil, dan sebaliknya kerajaan menjadi begitu besar, sedang slogan yang selalu dikumandangkan adalah 'kerajaan rakyat, oleh rakyat, untuk rakyat'? Dalam kaitan inilah pentingnya tulisan al-Raysuni, 'al-Ummah Hiya al-Asl' bahawa yang sebenarnya menjadi induk dan tonggak adalah umat (rakyat), sedang kerajaan hanya alat pelaksana kemahuan umat."

Di zaman serba baru ini kita melihat betapa sulitnya mewujudkan demokrasi kerana pelbagai hambatan dan halangan terpaksa dihadapi. Melahirkan demokrasi itu menurut seorang penulis Indonesia, adalah ibarat kepelehan dan keperitan seorang ibu hamil yang melalui berbagai fasa kesulitan,

keletihan, kesakitan untuk melahirkan.

Kita di negara dunia ketiga ini, berdepan dengan cabaran sosial yang sangat mencolok, rakyat yang sebahagian besarnya tergolong sebagai wong cilik (orang kecil) sentiasa berdepan dengan segala bentuk kegusaran, kegerian dan ketakutan terhadap pihak yang berkuasa. Golongan wong cilik sentiasa merasa kalah bila berdepan dengan golongan wong gedé (orang besar), pepatah 'mentimun dan durian' menggambarkan bahawa golongan rakyat kecil itu selamanya tidak mampu mengalahkan golongan atasan, ningrat, aristokrat dan para birokrat.

Rakyat kecil

Ketika berdepan dengan pilihan raya umum yang semakin dekat kini, saya masih berasa betapa besarnya rasa ketakutan rakyat kecil di kampung dan desa terpercik mahupun di kawasan pinggir bandar untuk berdepan dengan golongan pemerintah. Setelah 13 kali pilihan raya umum, apakah pada kali ini rakyat tetap tidak berani melakukan perubahan? Rasanya tidak.

Terserahlah kepada para penggiat politik dan organisasi-organisasi pembangun masyarakat untuk menyedarkan rakyat bahawa budaya takut mesti segera ditentang. Jangan selamanya dikongkong rasa takut. Memetik dari Mortimer J. Adler sekali lagi;

"Keberanian awam perlu bukan sahaja bagi pemerintah tetapi juga bagi warga negara. Menurut pendapat J.S Mill, sifat baik ini diperlukan terutamanya bagi warganegara kerajaan bebas. 'Rakyat mungkin suka kepada kerajaan bebas,' beliau menulis, 'tetapi jika, disebabkan kemalasan atau kecuaiannya atau sifat pengecut atau ketiadaan semangat awam, mereka tidak berupaya mengemblem tenaga untuk mengekalkan kebebasan; jika mereka tidak mahu berlawan untuk mempertahankan kebebasan mereka apabila ia diserang secara terus; jika mereka boleh terpedaya oleh muslihat yang digunakan untuk menipu mereka agar mereka melepaskan kebebasan mereka; jika disebabkan rasa tawar hati sejenak atau rasa panik sementara, atau kerana diserang rasa kegemaran yang amat sangat kepada seseorang maka mereka boleh dipujuk untuk menyerahkan kebebasan mereka di kaki lelaki yang sehebat manapun, atau mengamanahkan kepadanya kuasa yang membolehkan dia menundukkan institusi mereka, maka dalam semua kes ini rakyat dapat dianggap tidak sesuai bagi memperoleh kebebasan: dan meskipun mereka memilikinya untuk kebaikan mereka bagi tempoh singkat sekalipun, besar kemungkinan mereka tidak menikmati untuk tempoh yang lama."

Rakyat wajar memikirkan negara tercinta ini perlu diselamatkan tetapi bagaimana mungkin mereka berbuat sesuatu tanpa bimbingan kaum terpe-

MERENTAS WAKTU

ANUAR TAHIR



lajar yang punya kesedaran. Menghilangkan rasa takut, menumbuhkan rasa berani, menegakkan makruf, mendobrak kemungkaran menjadi tanggungjawab kita semua. Ketakutan rakyat yang terjepit oleh budaya takut tidak akan menerbitkan Daulat Rakyat.

Ingatlah, laungan Daulat Rakyat yang terbit pada 20 September 1931, di Jakarta oleh Bung Hatta. Bila beliau menamakan sebuah majalah yang terbit sepuluh hari sekali dengan nama Daulat Ra'jat itu Bung Hatta menulis;

"Nama majalah kita sudah memberi pengertian yang betul, bagaimana sikap kita terhadap rakyat, Daulat Ra'jat akan mempertahankan asas kerakyatan yang sebenarnya dalam susunan: dalam politik, dalam perekonomian dan dalam pergaulan sosial. Bagi kita rakyat itu yang pertama, rakyat umum yang mempunyai kedaulatan, kekuasaan (sovereignty). Kerana rakyat itu jantung-hati bangsa. Dan rakyat itulah yang menjadi ukuran tinggi rendah darjat kita.

"Dengan rakyat itu kita akan naik dan dengan rakyat kita akan turun. Hidup atau matinya Indonesia Merdeka, semuanya itu bergantung kepada semangat rakyat. Penganjur-penganjur dan golongan kaum terpelajar baru ada bererti, kalau dibelakangnya ada rakyat yang sedar dan insaf akan kedaulatan dirinya."

(Daulat Ra'jat Buku 1 Tahun 1931-1932, Yayasan Hatta, Jalan Diponegoro 57, Jakarta 10310, 2002)

Demikianlah betapa besarnya gagasan membebaskan rakyat dari cengkaman budaya takut. Pembinaan etos dan watak bangsa harus diangkat menjadi agenda utama dengan mengumar nilai-nilai unggul terutama nilai al-shaja'ah (keberanian) yang semakin pupus ditindih dan ditindas budaya takut. Tanpa keberanian tidak akan ada perubahan.

Maklumat tentang kebobrokan yang berlaku sebanyak mana dan selengkap manapun tidak akan dapat merubah sikap rakyat jika mereka masih terbelenggu dalam budaya takut (Dr Siddiq fadzil, 2017).

Justeru itu, bangunkan keghairahan di kalangan rakyat untuk memilih yang betul yakni membebaskan diri dari belenggu ketakutan. Sudah-sudahlah, ketakutan itu biar berlalu dan keberanian mengambil tempat baru.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

Committee on Fake News & Umno/BN's war on the internet

“What is the use of setting up the Azalina Fake Committee on Fake News when for over five years, the AG's Chambers, the Police and Ministry of Communications and Multimedia had been collectively negligent and impotent to tackle the mountain of lies, fake news and false information churned out by Umno/BN-funded cybertroopers?”

By LIM KIT SIANG

THE Director of Australian National University (ANU) Malaysia Institute, Ross Tapsell, said that Barisan Nasional is now winning the social media war, as it has improved its social media presence since Election 2013 and now has a stronger presence online compared to the opposition.

Tapsell said that BN had recognised its shortcomings in previous elections and has since effectively mobilised its resources to take on the opposition in cyberspace.

He said: "They have a far stronger presence on social media and on digital media in general in a variety of ways. There are far more pro-government blogs, websites, social media messaging in short there is a clear increase of volume compared to the 2013 elections.

"They know what they are doing this time around, they recognise the importance of new media and are engaged in a big way. Even the Prime Minister Najib has public said they had 'lost' the social media front in 2008 and 2013."

Tapsell said: "The social media content

coming out of the opposition camp is not as fiery as it used to be and is not gaining traction as compared to what is being put out by the government," he said.

The new Umno czar of cybertroopers, Datuk Ahmad Mazlan, the head of Umno Information Technology Bureau for the past two years, should be very pleased with Tapsell's analysis, as it meant that his mandate to assemble and lead a new army of Umno/BN cybertroopers to counter the influence of opposition supporters on the internet and eradicate the negative image of Umno/Barisan Nasional Government is making headway.

The 2008 general election saw a change in electoral campaigns with the opposition coalition, then Pakatan Rakyat, using social media tools to reach out for support.

Prime Minister, Najib Razak had conceded that the internet was among the main reasons for BN's substantial losses, including the loss of its two-thirds parliamentary majority and control of the state governments of Selangor, Kedah, Kelantan, Perak and Penang.

Since then, Umno and BN have made several attempts at raising cybertroopers

to conduct its online war on perception.

In 2012, he hosted 10 conventions in several states for users of new media, hoping to raise 10,000 cybertroopers in preparation for the general election of 2013.

For the 14th General Election, Najib had called for a new group of soldiers, the keyboard warriors, to wage the Umno/BN's war on the internet.

But I don't think Ahmad Mazlan could be very happy, as Deputy Prime Minister, Datuk Seri Zahid Hamidi had almost at the same time revealed that a recent study revealed that only 6.6 per cent of the country's cybertroopers are supportive of BN, while the rest are anti-establishment.

Speaking at the end of last month when launching Wanita Umno's Skwad Komunikasi dan Media, Zahid estimated that "for every pro-BN cybertrooper, there are 15 others who are working against the government".

Zahid added that according to another study conducted by a group of academicians, 87 per cent of Malaysians hold negative perceptions of BN.

He said: "We almost lost the 12th and

13th general elections because we failed to create a presence on social media" and urged Umno to work harder to win the war of perception against the opposition.

Is the proposal to set up a Fake Committee on Fake News under the Minister in the Prime Minister's Department, and comprising representatives from the Attorney-General's Chambers, the Police and the Ministry of Communications and Multimedia the latest Umno/BN gambit to weaponise Umno/BN cybertroopers to combat Pakatan Harapan and opposition presence and influence on the Internet?

What is the use of setting up the Azalina Fake Committee on Fake News when for over five years, the AG's Chambers, the Police and Ministry of Communications and Multimedia had been collectively negligent and impotent to tackle the mountain of lies, fake news and false information churned out by Umno/BN-funded cybertroopers?

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Leader and MP for Gelang Patah.**

PM should evaluate himself over the 5 year term!

By TONY PUA

RECENTLY, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak claimed that the Ringgit is now one of the 'best-performing' currencies in the world when addressing civil servants in Putrajaya. The Prime Minister is clearly grasping at the same straws as he attempts to make Malaysians forget the disastrous toll his leadership has had on the economy.

The basis for his claim on February 5 was that the Ringgit had now crossed the psychological barrier of RM4 to the US Dollar and is now trading at RM3.9 to USD1.

Let me remind the Prime Minister again, immediately after the last General Election in 2013, the Ringgit traded at RM2.98 to the Dollar. This means that during his current 5-year term, the Ringgit tanked by nearly

“It is an absolute travesty when the Finance and Prime Minister chose to reduce the measure of his economic performance to the past 3 months when he should evaluate himself over the 5 year term!”

31% to date.

It is an absolute travesty when the Finance and Prime Minister chose to reduce the measure of his economic performance to the past 3 months when he should evaluate himself over the 5 year term!

Let us not forget the serious loss in investor confidence that came as the 1MDB scandal broke and revealed Najib as one of the world's largest kleptocrats. The Ringgit's breach of the RM4 psychological barrier came in 2015, just as news of the 1MDB made international headlines.

Our Prime Minister, who was even labelled Asia's Worst Performing Finance Minister in 2015, has nothing to be proud for the small improvement the Ringgit has seen in recent months when he is the main culprit behind the Ringgit's tragic fall from grace over the past 5 years.

With GE14 around the corner, we are bound to see the Prime Minister manipulate more facts and 'forget' more scandals in his bid to remain in power. However mere words is not enough regain confidence in our economy, as his scandal-ridden leadership has

wrecked global confidence in our country.

The only way to truly recover from his disastrous leadership is to ensure is that Malaysia is never again seen as synonymous with grand kleptocracy. It is time to implement clean, transparent and competitive economic policies to rebuild the loss confidence of local and foreign investors in our economy.

■ **Tony Pua is MP for Petaling Jaya Utara and DAP National Publicity Secretary.**

Tiada royalti minyak Terengganu jika BN kekal

BARU-BARU ini, terpampang keangkuhan pemimpin BN di media cetak dan elektronik bahawa parti itu akan terus berkuasa walaupun pelbagai masalah kos sara hidup rakyat yang muncul dan hak royalti minyak rakyat Terengganu yang terus dinafikan. Jelas ini merupakan satu penghinaan besar kepada rakyat Terengganu.

Terengganu di bawah kekuasaan Umno-BN lebih 60 tahun telah dinafikan hak royalti minyak yang sepatutnya menjadi hak rakyat negeri ini. Malah Menteri Besar Terengganu turut membisu dan tidak bersama dengan rakyat agar menuntut hak royalti seperti mana perjanjian asal yang pernah dimeterai dahulu.

Saya selaku pengerusi Pakatan Harapan (PH) Terengganu bersama rakan-rakan pimpinan PH Terengganu akan sentiasa komited memperjuangkan hak royalti minyak yang telah dirampas Umno-BN dan dikembalikan kepada seluruh rakyat Terengganu.

Kenapa hak royalti minyak untuk rakyat Terengganu adalah penting?

Pertama bagi membasmi kemiskinan di negeri ini yang kini mencatat kadar kemiskinan antara yang tertinggi di Malaysia.

Hasil royalti juga boleh membantu memulihkan sektor ekonomi penting negeri Terengganu seperti pertanian, perindustrian dan pelancongan disamping meningkatkan pendapatan rakyat berpendapatan rendah.

Dengan hasil royalti minyak, kerajaan negeri mampu menyediakan lebih banyak fasiliti awam yang berkualiti seperti jalan raya, elektrik, air di pedalaman dan kampung-kampung.

Malah dengan sumber kewangan yang kukuh, usaha meningkatkan keselamatan perairan Terengganu dan memulihkan ekosistem akuatik boleh dilakukan.

Lima perkara penting ini hanya beberapa



PENDAPAT
RAJA BAHRIN SHAH

yang diambil daripada banyak aspirasi rakyat. Bayangkan sekiranya dana negeri Terengganu meningkat apabila royalti minyak dikembalikan, saya percaya banyak yang boleh kita capai dengan jayanya.

APAKAH TERENGGANU BUKAN NEGERI BERDAULAT?

Jika dibandingkan dengan Sarawak, negeri itu telah dilayan lebih baik dalam hak royalti mereka. Namun berbanding dengan Sarawak, kami di Terengganu kini telah kehilangan segala hak kami! Kebanyakan rakyat Terengganu pula terpaksa berhadapan dengan kekangan hidup yang amat perit sedangkan negeri ini merupakan pengeluar minyak dan pernah dikenali sebagai 'Kuwait Malaysia'.

Kemelut ekonomi Terengganu juga sedang membelit seluruh kehidupan rakyat sehingga ke puncak. Rakyat Terengganu (khususnya anak muda) ramai tiada sumber pekerjaan. Ini termasuk mahasiswa yang menjadi penganggur.

Bermula dari 1978, di bawah fasal 2 perjanjian royalti seperti yang telah dipersetujui oleh semua pihak, Kerajaan Terengganu telah menerima bayaran royalti dengan bayaran sulungnya sebanyak RM5.7 juta daripada Petronas.

Perjanjian ini adalah seperti dikehendaki Akta Kemajuan Petroleum 1974, yang telah diluluskan kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak Hussein di Parlimen pada 15 November 1974.

Malangnya, pembayaran wang royalti secara tunai kepada Terengganu menurut perjanjian Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah dimansuhkan pada 5 September 2000 dan digantikan dengan 'wang ehsan' yang dikendalikan terus oleh pusat.

Lebih malang lagi Petronas juga memaklumkan secara rasmi pada 25

“ Namun apakah wajar royalti sebanyak 5 peratus yang diterima kerajaan Terengganu dari 1978 hingga beberapa tahun lalu terbatal sepenuhnya dan dianggap sebagai “ehsan dan “dana khas” daripada Kerajaan Persekutuan?”

September 2015 bahawa: “Petronas tidak lagi terikat secara undang-undang untuk membuat sebarang bayaran tunai kepada Terengganu di bawah Perjanjian Pembayaran yang ditandatangani Petronas dengan Kerajaan Terengganu”.

Ini berdasarkan terma di dalam negeri bahawa “Kerajaan Terengganu tidak lagi berhak menuntut hasil wang royalti kerana segala penemuan telaga minyak adalah di luar tiga batu nautika yang diukur dari garis air surut persisiran pantai negeri”.

Menurut tafsiran di atas, Kerajaan Terengganu kini tidak mempunyai sebarang hak atas apa jua tuntutan hasil minyak dan gas yang terletak di perairan negeri. Semua telaga minyak yang ditemui selama ini dan terletak di perairan Terengganu bukan lagi menjadi milik 'sah' kerajaan Terengganu kerana kedudukannya di luar dari tiga batu nautika.

UMNO BERSETUJU UNTUK HAK ROYALTI RAKYAT DIRAMPAS

Nyata sehingga hari ini, tiada langsung usaha yang dijalankan oleh Umno Terengganu apatah lagi Kerajaan Negeri Terengganu dan Menteri Besar untuk menuntut Kerajaan Persekutuan mengembalikan hak royalti minyak Terengganu.

UMNO BN adalah pengkhianat terbesar dalam usaha rakyat untuk mengembalikan hak royalti kembali ke rakyat Terengganu.

Adakah pimpinan Umno-BN Terengganu lupa akan jasa besar rakyat Terengganu?

Negeri Terengganu telah menyumbangkan hasil minyak dan gas kepada Kerajaan Persekutuan sejak hampir 40 tahun dengan pengeluaran hasil bernilai ratusan bilion ringgit untuk sama-sama

membangunkan ekonomi negara yang kita cintai ini.

Selama bertahun-tahun, rakyat Terengganu telah berkompromi dengan kerajaan pusat untuk bersama berkongsi hasil kerana mengambil semangat perjanjian bersama yang telah ditandatangani pada 1975.

Namun apakah wajar royalti sebanyak 5 peratus yang diterima kerajaan Terengganu dari 1978 hingga beberapa tahun lalu terbatal sepenuhnya dan dianggap sebagai “ehsan” dan “dana khas” daripada Kerajaan Persekutuan?

Apakah wajar perjanjian royalti minyak antara kerajaan negeri dengan persekutuan dan Petronas yang ditandatangani sejak 1975 juga sudah dianggap sebagai terbatal?

Lebih malang lagi, telaga minyak Bertam Blok PM 307 yang ditemui dan sah terletak di perairan Terengganu baru-baru ini telah 'diserah' sepenuhnya kepada kerajaan Pahang.

Malah, Lundin Oil yang merupakan syarikat cari gali berpangkalan di Sweden yang melaksanakan kerja-kerja cari gali di kawasan berkenaan dengan kerjasama Petronas Carigali mengesahkan bahawa Bertam Blok PM 307 ini terletak di perairan Terengganu.

Justeru, rakyat Terengganu yang mahukan hak royalti minyak dikembalikan perlu menolak Umno-BN di peringkat persekutuan dan negeri dan memberi mandat kepada Pakatan Harapan (PH) demi pengembalian hak royalti yang lebih adil demi rakyat Terengganu.

Datuk Raja Kamarul Bahrin ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Pengerusi PH Terengganu.

Mana satu musuh negara, berita palsu atau berita benar?

DIFAHAMKAN kerajaan BN mahu menggubal undang-undang dalam sidang Parlimen bulan depan ini bagi mengekang berita palsu. Hairanlah demokrat palsu nak bendung berita palsu!

Mengekang berita palsu memang bagus. Tapi realitinya di dalam negara ini rakyat menjadi mangsa sebab sebar berita benar dan tepat. Contoh yang klasik kes rakan baik saya, YB Pandan (Rafizi



Ramli). Beliau dihukum penjara 30 bulan sebab mendedahkan berita benar dan tepat. Yang terpalit dengan berita benar itu bebas di luar dan khabarnya sibuk nak jadi calon pilihan raya umum (PRU).

Di negara ini, banyak sudah undang-undang yang masih menghukum rakyat sebab bercakap dan sebar berita benar. Contohnya Akta Hasutan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) diguna (baca salah guna) sebab rakyat bercakap benda yang benar. Benar bukan satu pembelaan dalam akta-akta itu (truth is not a defence in the said Acts).

Dalam Parlimen, bercakap

benda benar seperti isu 1MDB pun tidak dibolehkan (Speaker Dewan Rakyat). Dalam organisasi yang suci (Pas), bercakap benda benar pun digeruni sebab diancam dengan 'firewall' walak (kesetiaan).

Adakah berita palsu atau berita benar yang menjadi musuh negara ini?

Insyallah dengan mandat rakyat yang hantar kami ke

Dewan Rakyat, kami akan bersuara lantang melawan budaya buli BN di sana. Kami tak akan rela orang kata jadi 'MP pasu bunga' sahaja di sana.

Insyallah kami juga tak akan hanya berkecuai sahaja nanti.

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang AMANAH (Kanun) dan Ahli Parlimen Sepang.

Pejabat Amanah
Kubang Kerian



Pejabat AMANAH kawasan yang kini dijadikan Bilik Operasi Pilihan Raya PH Kubang Kerian.

PH akan jadikan Kubang Kerian model 'Bandar Sihat'

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KUBANG KERIAN: Dengan pelancaran Pakatan Harapan (PH) Kawasan Kubang Kerian 15 Januari lalu, kerja-kerja pilihan raya bagi kawasan itu kini memasuki fasa akhir.

"Kami AMANAH yang mulakan tapi penyudahnya kami akan lakukan bersama dengan parti-parti dalam PH," kata Ketua Kawasan AMANAH Kubang Kerian, Fauzi Muhammad dalam satu sesi temubual dengan beliau.

Sempena pelancaran PH itu, AMANAH kawasan telah membentangkan kepada Biro Pilihan Raya (BPR) negeri tentang segala usaha yang mereka lakukan.

"Awal dulu memang sukar, terpaksa setiap hari kena keluar cari orang untuk perkenalkan parti.

"Namun sekarang macam terbalik, tak putus-putus orang cari kita, minta adakan ceramah, nak buka cawangan baru atau minta pergi ziarah mereka yang mahu menyertai tapi nak jumpa sendiri dengan saya," katanya.

Tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) dalam kawasan parlimen tersebut iaitu Salor, Pasir Tumbuh dan Demit katanya telah mengadakan semua keperluan asas bagi menghadapi pilihan raya.

"Dari segi bilik operasi, Salor terus gunakan Wisma Tok Guru walaupun kita sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Di Pasir Tumbuh telah dua ta-

hun kita beroperasi di satu premis di bandar setelit jalan Pasir Puteh.

"Bagi Dun Demit pusat operasinya bersekali dengan bilik operasi parlimen di hadapan istana di kampung Chicha," katanya.

Jawatankuasa Pusat Daerah Mengundi (PDM) ketiga-tiga Dun telah ditubuhkan kecuali satu atau dua yang masih dalam perundingan.

"Dari segi kepimpinan, petugas dan penyokong saya yakin PH memiliki kelebihan besar berbanding pihak lain.

"Dengan kesepaduan empat parti segala yang berat akan menjadi ringan," katanya.

Perundingan antara parti katanya amat mesra buka saja di peringkat pimpinan malah juga sayap pemuda dan wanita.

"Sekarang bila ada program turun ke bawah pemuda dan wanita semua parti akan bersama memberi sokongan," katanya.

Menurut beliau, sokongan terhadap Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa di kawasan itu tidak terjejas walaupun pelbagai bentuk serangan dilakukan.

"Malah amat mengejutkan saya apabila Wisma Tok Guru cuba diambil alih dengan cara seperti itu. Ramai yang datang jumpa saya beri sokongan.

"Ada yang saya sangka telah lari dari menyokong Haji Husam tapi rupanya mereka hanya berlakon kerana masalah tertentu," katanya.

Sementara itu Pengerusi PH Kubang Kerian, Datuk Dr Abdul Halim Yusof ketika ditemui ber-

kata, antara tawaran PH Kubang Kerian adalah mewujudkan 'Bandar Sihat' (Healthy Town) di kawasan Kubang Kerian.

"Perkara ini telah dikemukakan semasa Pembentangan Kesediaan Jentera PH Kubang Kerian kepada Biro Pilihan Raya PH Negeri Kelantan di program pelancaran jentera PH kawasan ini," katanya.

Bandar Kubang Kerian katanya terkenal dengan hospital, universiti, masjid-masjid dan pusat membeli belah.

"Banyak inisiatif yang dapat kita lakukan untuk mengintegrasikan dan menambah baik kemudahan-kemudahan sedia ada dengan mewujudkan 'Bandar Sihat'.

"Matlamat utama 'Bandar Sihat' adalah mewujudkan masyarakat yang sihat, bersih dan sejahtera.

"Ini adalah nilai asas yang penting bagi melahirkan masyarakat yang produktif dan aman damai," katanya.

Ciri utama 'Bandar Sihat', jelas Dr Abdul Halim adalah menjaga kebersihan bandar dengan pengurusan sampah sarap yang berkesan di samping mewujudkan pusat rekreasi dan taman hijau.

"Juga akses yang baik kepada manfaat khidmat kesihatan untuk masyarakat setempat.

"Insya Allah, kita akan perhalusi cadangan ini untuk dikaji dari segi aspek pelaksanaan dan seterusnya dibentangkan sebagai tawaran kepada rakyat," katanya.



Bilik Operasi Pilihan Raya AMANAH Dun Pasir Tumbuh sentiasa meriah dengan pelbagai program.



Dr Abdul Halim menziarahi golongan asnaf yang memerlukan sambil menyampaikan sumbangan.



AMANAH Kubang Kerian menerima anugerah keahlian terbanyak daripada Presiden AMANAH, Mohamad Sabu



Fauzi (tengah) sentiasa mengambil peluang bertanya khabar para peniaga kecil.



Ceramah kelompok di cawangan sebelah pondok Pasir Tumbuh.



Menziarahi masyarakat Tionghoa muslim sempena Tahun Baru Cina.



Bergambar selepas penubuhan jentera pilihanraya PDM Mentuan.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

011 32334322 (EN HAKIM)

14 Batal persempadanan semula jika benar pilihan raya telu

10 Berbudhi pada bangsa, berbahasa pada negara

23 PH mampu menang walaupun tiga penjur



ms24

Naib Presiden AMANAH tunai jemputan nyalakan tanglung

PP18978/03/2016(034450)

Amanah

BIL 88 | 11 - 17 FEBRUARI 2018

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:50	7:29	8:40
12.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:50	7:29	8:40
13.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:50	7:29	8:40
14.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:49	7:29	8:40
15.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:49	7:29	8:40
16.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:49	7:29	8:39
17.02.2018	6:00	6:10	7:26	1:30	4:49	7:29	8:39

RAFIZI UMPAMA LILIN

RAFIZI RAMLI umpama lilin, membakar diri sehingga terpenjara demi untuk menerangi orang lain. Selepas mendedahkan bukti bukti penyelewengan National Feedlot Cooperation (NFC) yang melibatkan wang rakyat RM250 juta, Rafizi kini dijatuhkan hukuman 30 bulan penjara.

Laporan penuh muka 2 ➔

“ Selepas mendedahkan bukti penyelewengan NFC yang melibatkan wang rakyat RM250 juta, Rafizi dijatuhkan hukuman 30 bulan penjara ”

Walaupun dijatuhkan hukuman 30 bulan penjara, Rafizi tetap senyum gembira kerana sedar perjuangan beliau telah memberikan hasilnya walaupun beliau sendiri 'terbakar.'



DENGAN 90% jentera pilihan raya peringkat nasional dan lebih separuh jentera negeri Pas sudah menyertai Amanah, Pakatan Harapan (PH) kini tidak mempunyai masalah jentera dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Jentera PH sekarang sama bahkan lebih kuat dari jentera Pas sebelum ini apabila jentera Pas yang menyertai

90% jentera Pas sertai Amanah



GAMBAR HIASAN

Amanah kini bergabung dengan jentera rakan-rakan dalam PH untuk mendapat impak besar," kata Pengarah Pilihan Raya Amanah, Dr Hatta Ramli.

➔ Laporan penuh muka 2

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

HANDMADE
 NO HARMFUL CHEMICALS
 PARABEN FREE
 HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:
SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS